HIMPUNAN RISALAH BUAT PEMUDA ISLAM

WAHAI PEMUDA

OLEH
IMAM HASSAN AL-BANNA

PERANAN PELAJAR

OLEH
ABUL 'ALA AL-MAUDUDI

SYAHADATUL HAQ

OLEH
ABUL 'ALA AL-MAUDUDI

GENERASI PEMUDA DAN PERUBAHAN

OLEH
FATHI YAKAN

ANTARA SEMALAM DAN HARI INI

OLEH
IMAM HASSAN AL-BANNA

Wahai Pemuda

Satu catatan oleh : al-Syaheed Hassan Al-Banna

Sesungguhnya sesuatu fikrah itu hanya boleh berjaya bila mana terdapat pengikut-pengikut yang **yakin penuh dengan ajarannya**, yang **benar-benar ikhlas** dalam usaha menegakkannya, yang **mempunyai semangat** yang berkobar untuk mempertahankan kewujudannya, dan disamping itu **ada kesediaan** yang mendorong mereka kearah berkorban serta terus bertindak menjayakannya. Keempat-empat rukun tersebut; keyakinan, kejujuran, semangat dan tindakan adalah merupakan ciri-ciri utama pemuda.

Kesimpulan ini ialah kerana asas keimanan itu ialah hati yang cerdik; asas keikhlasan ialah sanubari yang jernih dan bersih, dan asas semangat insan ialah perasaan yang segar mekar; manakala asas bagi setiap tindakan pula ialah keazaman yang gagah lagi tabah.

Itulah sebabnya maka angkatan pemuda, sejak dahulu hingga sekarang, tetap merupakan tiang pasak bagi kebangkitan sesuatu umat. Mereka merupakan rahsia kekuatan mana-manah kebangkitan; malahan angkatan pemuda jugalah yang menjadi barisan penjulang panji-panji bagi sesuatu fikrah perjuangan.
Allah berfirman;

إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى

Sesungguhnya mereka itu adalah pemuda-pemuda yang beriman dengan Tuhan mereka; dan Kami tambahkan petunjuk kepada mereka.(Kahfi:13)

Dengan kesimpulan inilah maka kamu, angkatan pemuda akan menghadapi kewajipan yang bertambah banyak, tugas yang semakin besar, tuntutan-tuntutan umat yang kian berlipatganda; malah dari sinilah maka amanah yang dipikulkan ke atas bahu kamu itu akan menjadi bertambahberat.

Oleh itu sepatutnya kamu **berfikir panjang**, **bekerja keras**, bahkan mestilah kamu **menentukan sikap** untuk tampil ke hadapan demi menyelamatkan umat serta menunaikan hak-hak umat dengan sempurna.
Ada pemuda yang lahir serta membesar di tengah-tengah umat yang keadaannya tenang lenang kerana kekuasaannya sudah kukuh dan kemakmuran hidupnya cukup mewah. Maka ia pun lebih banyak menumpukan tenaga untuk dirinya sendiri dari kepentingan umatnya, malah mungkin dia bermain-main dan berfoya dengan senang hati dan tidak berfikir apa-apa.

Di samping itu ada pula pemuda yang lahir membesar di tengah-tengah umat yang terpaksa berjuang dan bertindak kerana mereka dijajah dan dikuasai oleh musuh; oleh itu umat tersebut terpaksa berjuang sedaya upaya untuk mengembalikan hak mereka yang dirampas, harta kekayaan yang disamun. Begitu juga segala kebebasan juga telah hilang. Pada ketika itulah kewajipan utama lagi pertama bagi pemuda tersebut supaya menumpukan segala perhatian demi untuk kepentingan umat lebih banyak dari faedah dirinya sendiri.

Ketika bertindak sedemikian itu, pemuda tersebut akan memperolehi kemenangan dan pelbagai kebaikan serta mencapai ganjaran dari Allah dalam bentuk kebajikan dan pahala di akhirat kelak.
Kita, Angkatan Pemuda Islam ini, bertuah sebab kita termasuk ke dalam golongan yang kedua hingga terbukalah mata kita melihat umat yang terus menerus berjuang serta bertungkus lumus demi kebenaran dan kebebasan. Oleh itu, bersedialah wahai angkatan kesatria, alangkah hampirnya kemenangan itu untuk orang-orang yang beriman, dan alangkah besarnya kejayaan yang akan dicapai oleh angkatan yang terus menerus bekerja dan bertindak.

Wahai angkatan pemuda!

Sudut yang paling merbahaya sekali dalam sesuatu umat yang sedang membangun-terutama di ketika masih dalam peringkat permulaan kebangkitan ialah lahirnya berbagai corak fikrah dan pegangan, pelbagai seruan, bermacam-macam program, pelbagai langkah dan cara yang bersimpang siur di samping lahirnya begitu banyak orang-orang yang berlagak penganjur dan pemimpin. Semua itu hanya memecah belahkan tenaga serta mencerai beraikan kekuatan yang sedia ada lalu mengendalakan tercapainya segala matlamat yang dituju.
Menyedari hal inilah maka suatu kajian terhadap segala fikrah tadi serta suatu analisa perbandingan di antaranya merupakan suatu persoalan yang asasi yang mesti dilakukan oleh setiap orang yang benar-benar inginkan reformasi.
Memandang semua inilah saya berasa berkewajipan menerangkan dengan jelasnya kepada anda sekalian dari hal hakikat dan program dakwah Islam untuk kurun yang ke-14 hijrah ini.

Dakwah Islam Dalam Kurun Yang Keempat Belas Hijrah

Wahai angkatan pemuda !

Sebenarnya kita telah pun beriman tanpa sebarang keraguan atau prasangkaan malah kita sudah pun yakin dengan sepenuhnya sekira-kiranya keyakinan kita ini lebih kukuh dan tegap dari gunung-ganang yang memasak bumi, lebih dari segala lubuk hati sanubari bahawa tidak terdapat sebarang apa pun jua fikrah perjuangan melainkan **hanya satu sahaja fikrah yang benar-benar mampu menyelamatkan dunia** yang sedang terseksa, yang benar-benar mempunyai daya upaya membimbing kemanusiaan yang sedang berada di dalam keadaan tercengang-bangang, dan yang benar-benar sanggup memimpin umat manusia ke arah jalan yang sewajarnya.
Fikrah atau ideologi perjuangan yang seperti itu mustahak diberi segala pengorbanan demi meninggikan kedudukannya, demi memperkenalkannya serta mendorong umat manusia supaya menghayati dengan segala jiwa raga serta memberikan dari sekecil-kecil pengorbanan hinggalah semahal-mahalnya.
Fikrah yang tunggal ini tidak lain dan tidak bukan ialah “Islam yang maha suci” yang sekali-kali tidak terdapat di dalamnya sebarang apa pun jua penyelewengan, keburukan dan kesesatan yang akan menimpa sesiapa yang mengikutnya.
Allah berfirman(Al-Imran:18-19):

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُوا الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Allah menjadi saksi, dan para malaikat dan ahli cerdik pandai bahawa tidak ada Tuhan melainkan Dia, Tuhan yang berlaku adil terhadap makhluknya, tidak ada

Tuhan melainkan Dia Maha Gagah lagi Maha Bijaksana. Sesungguhnya ugama yang di sisi Allah itu ialah Islam.

Suatu lagi firman Allah (Al-Maidah:3):

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Hari ini Aku sempurnakan bagi kamu akan ugama kamu, dan Aku penuhkan kepada kamu nikmatKu, dan redhalah Aku Islam itu sebagai ugama bagi kamu.

Jelas bahawa fikrah perjuangan kita hendaklah fikrah yang bersifat Islam dengan setulin-tulinnya. Di atas dasar Islamlah fikrah kita berpijak, daripada sumbernyalah kita mendapat petunjuk. Kerana Islam maka kita ini berjuang dan demi kerana meninggikan kalimahnya maka kita bekerja serta bertindak. Fikrah kita tidak sekali dapat menyamakan sebarang sistem dengan sistem Islam, tidak sekali-kali redha mengikut sebarang pimpinan yang lain malah fikrah kita sekali-kali tidak akan patuh kepada apa jua hukum melainkan Islam.
Allah berfirman (Al-Imran : 85):

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ

Dan barangsiapa mencari ugama selain dari Islam maka usahanya itu tidak sekali - kali akan di terima.

Islam serta penganut-penganutnya pernah **mengalami suatu zaman cubaan** di mana mereka ditimpa dengan pelbagai kemalangan dan dikelubungi oleh bencana yang bertubi-tubi. Pada ketika itulah musuh-musuh Islam telah bekerja untuk memadamkan sinarannya, cuba untuk menyembunyikan keindahannya bahkan untuk menyesatkan para pemeluknya, membantutkan pelaksanaan hukum hududnya serta melemahkan bala tenteranya di samping memutar ajaran serta hukum-hukumnya. Kadang-kadang mereka lakukan dengan cara mengurangkannya dan terkadang pula dengan jalan menambah-nambahkannya dan selain dari itu, dengan mentafsirkan hakikatnya dengan cara yang tidak sewajarnya.

Dalam usaha yang jahat itu mereka mendapat peluang yang baik bila berlaku **kehilangan kuasa politik** dari umat Islam dan kehancuran pemerintahan sejagat mereka di samping kemerosotan semangat Muhammadiyah di kalangan bala tenteranya. Akhirnya jatuhlah seluruh umat Islam itu ke dalam genggaman umat kufur sebagai mangsa penghinaan dan penjajahan.

Oleh itu tugas utama lagi pertama bagi kita angkatan pemuda Islam ialah memberi penjelasan kepada orang ramai akan hakikat segala batas agama Islam, menjelaskan kepada mereka itu dengan seberapa terang, sempurna dan jelas tanpa sebarang tambah dan tokok atau kekurangan atau sebarang kesamaran. Tugas seperti ini merupakan sudut teori bagi hakikat fikrah kita.

Di samping itu kita mestilah mengajak mereka melaksanakan fikrah kita itu serta mendorong mereka demi menyelamatkannya serta membimbing mereka ke arah beramal dengan ajarannya. Sudut ini di namakan sudut amali bagi fikrah perjuangan kita.

Pegangan kita dalam semunya itu ialah kitab Allah yang tidak pernah diresapi oleh kepalsuan sejak dulu hingga sekarang, dan keduanya ialah sunnah yang benar serta nyata datangnya dari Rasulullah s.a.w dan juga sejarah perjalanan bersih dari angkatan salaf umat Islam ini.

Kita tidaklah menghendaki di sebalik usaha itu sebarang apa pun jua melainkan keredhaan Tuhan, menunaikan kewajipan dan memimpin umat manusia serta menunjuk jalan kepada orang ramai.

Kita akan terus berjihad demi untuk menjayakan fikrah kita itu, dan kita akan berusaha sedaya upaya demi untuk menegakkan supaya dengan itu dapatlah kita sekalian hidup mulia atau sebaliknya biarlah kita mati secara yang mulia. Cogan kata kita ialah :

Allah matlamat kami ;
Rasul itu ikutan kami ;
Al-Quran itu perlembagaan kami ;
Jihad jalan kami; dan
Mati pada jalan Allah ialah setinggi-tinggi cita-cita kami.
Wahai angkatan pemuda !

Sesungguhnya Allah telah memuliakan kamu dengan menamakan kamu angkatanNya, dengan mengurniakan iman kepada kamu serta mendidik kamu atas dasar ugamanya, dan Allah telah meletakkan kamu di martabat tertinggi di muka dunia dan di kedudukan para da‘i di kalangan orang ramai serta Allah menganugerahkan kepada kamu kemuliaan seperti yang dianugerahkannya kepada maha guru di hadapan muridnya..
Allah berfirman (Ali-Imran:110):

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنْ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Kamulah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin umat manusia: iaitu kamu menyuruh berbuat kebaikan, dan kamu menegah dari kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah.

Allah berfirman (Al-Baqarah : 143):

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ

Demikianlah pula Kami jadikan kamu umat pertengahan supaya kamu menjadi saksi terhadap umat manusia.

Oleh itu perkara yang pertama sekali yang Allah menyeru kamu ialah hendaklah kamu **mempunyai keyakinan diri sendiri**, dan hendaklah kamu **menyedari martabat kamu** dan yakinlah bahawa kamulah sebagai tuan di dunia walaupun musuh-musuh kamu sudah tentu ingin melihat kamu berada di dalam kehinaan. Hendaklah kamu yakin bahawa kamu adalah sebagai guru kepada umat-umat di dunia walaupun pada waktu-waktu yang tertentu orang lain pernah mengatasi kamu dalam sesuatu sudut yang tertentu; namun demikian, kemenangan terakhir adalah di tangan orang-orang yang bertaqwa jua.

Oleh itu, wahai angkatan pemuda!
Hendaklah kamu menentukan matlamat dan haluan kamu. Ketahuilah bahawa **titik kekuatan ialah iman**. Hasil dari iman ini lahirlah **perpaduan**. Dengan ini tercapailah kemenangan yang cemerlang. Maka segeralah kamu beriman, berukhuwwah dan bertindak, kemudian tunggulah kemenangan dan sampaikanlah berita baik ini kepada seluruh para mukminin.
Seluruh dunia berada di dalam keadaan cengang -bengang lagi bergejolak. Segala sistem yang ada kini telah gagal mengubatinya. Tidak ada sebarang ubat untuk

menyelamatkan dunia ini melainkan dengan Islam jua. Oleh itu, tampillah ke hadapan dengan nama Allah untuk menyelamatkan dunia itu kerana seluruh umat manusia sedang bertunggu-tunggu ketibaan seorang penyelamat dan juru penyelamat ini tidak akan berlaku melainkan dengan mengamalkan risalah (perutusan) Islam, iaitu risalah yang dibawa obor-obornya oleh kamu. Bangkitlah dan siarkanlah nya ke seluruh alam.

Wahai angkatan pemuda !

Ada pun manhaj atau program induk kita angkatan pemuda Islam memanglah mempunyai tahap-tahap yang tertentu, lengkap dengan rancangan-rancangannya yang terang lagi jelas. Sebenarnya kita memang benar-benar tahu apa yang kita kehendaki dan kita juga memang tahu bagaiman wasilah dan jalan yang boleh menyampaikannya kita kepada kehendak kita itu.

(1) Mula-mula sekali kita mahu diwujudkan **individu muslim**; iaitu individu muslim dalam pemikirannya, muslim dalam aqidahnya, muslim dalam segala tingkah laku serta perasaannya. Muslim dalam segala tindak-tanduknya. Ini dinamakan pembentukan keperibadian kita.

(2) Selepas itu kita mahu diwujudkan **rumahtangga muslim**, iaitu rumahtangga yang bersifat muslim dalam fikirannya, muslim dalam aqidahnya, muslim dalam segala tingkah laku serta perasaannya, muslim dalam segala amalan serta tindak tanduk. Bagi mencapai matlamat ini kita memelihara wanita sama seperti mana kita memelihara angkatan pemuda. Ini dinamakan pembetukan keluarga kita.

(3) Selepas itu kita mahu diwujudkan **umat Islamiyah**, iaitu umat bersifat muslim dalam semua sudut yang tersebut tadi. Bagi mencapai maksud ini kita bekerja supaya seruan dakwah kita sampai ke setiap buah rumah. Kita berusaha supaya suara kita kedengaran hingga ke setiap tempat, supaya fikrah kita ini berpeluang meresap masuk keseluruh dusun dan desa, pekan dan bandar, kota dan negeri. Dalam hal ini kita tidak boleh kedekut tenaga seperti mana kita tidak akan membiarkan mana-mana wasilah yang mampu kita lakukan.

(4) Selepas itu kita mahu diwujudkan **kerajaan Islam**. Kerajaan yang memimpin umat ini menuju ke masjid, yang boleh mendorongkan orang ramai ke arah petunjuk Islam seperti mana didorongkan para sahabat Rasulullah s.a.w dahulu seperti Abu Bakar dan Umar. Untuk mencapai maksud ini kita tidak boleh menerima sebarang pemerintahan kerajaan yang tidak bertapak di atas asas Islam dan tidak mengambil ajaran dari sumbernya(Al-Quran dan As-Sunnah). Kita tidak dapat mengakui parti-parti sekular yang ada sekarang. Kita tidak dapat menerima segala bentuk dan corak yang sudah usang yang dipaksakan kepada kita oleh orang kafir dan musuh-musuh Islam supaya kita berhukum dengan undang-undang mereka. Akan tetapi sebaliknya kita akan terus bertindak untuk menghidupkan semua sistem pemerintahan Islam dalam semua bidangnya sehinggalah terbentuknya kerajaan Islam di atas asas sistem fikrah kita ini.

(5) Selepas itu kita mahu **mencantumkan semula setiap bahagian tanahair Islam kita**, tanahair yang telah dipecah belahkan oleh politik barat dan yang dihapuskan perpaduannya oleh sikap tamak-tamak dan haloba negeri-negeri Eropah. Bagi mencapai tujuan ini kita tidak dapat menyetujui segala pembahagian sempadan dan

negara yang dilakukan dengan tujuan politik seperti yang ada sekarang. Kita juga tidak menerima segala perjanjian antarabangsa yang menyebabkan tanahair umat Islam dipecah-belahkan menjadi negeri-negeri kecil yang lemah dan dikotak katikkan supaya mudah ditelan oleh para perampas. Kita juga tidak akan berdiam membisu terhadap perbuatan menceroboh kebebasan umat-umat yang lemah ini dan segala bentuk cengkaman ke atas mereka. Mesir, Syria, Iraq, Saudi, Yaman, Libya, Tunisia, Algeria, Morocco, Malaysia dan setiap jengkal bumi yang di dalamnya terdapat insan muslim yang mengucapkan Lailaha illa Allah, semuanya itu adalah merupakan tanahair Islam yang terbesar. Kita terus menerus berusaha demi untuk memerdekakannya dan menyelamatkan serta melepaskannya dari cengkaman luar dan akhirnya mencantumkannya semula segala bahagiannya yang bercerai-berai itu.

Jika sekiranya seseorang Jerman itu meletakkan dirinya sebagai pembela kepada sesiapa sahaja orang yang berketurunan darah Jerman, maka aqidah Islam pula mewajibkan setiap orang muslim sebagai pembela kepada setiap insan yang meresap masuk ke dalam dirinya ajaran kitab Qur‘an. Menurut istilah Islam, faktor-faktor keturunan darah-daging tidak boleh dianggap lebih kuat hubungannya dari faktor iman kepada Allah. Dalam persoalan ini aqidah Islam itu yang merupakan segala sesuatu kerana iman itulah yang membezakan di antara kasih sayang dengan kebencian.

(6) Selepas ini kita mahu pula panji-panji Allah itu **kembali berkibaran di angkasa segala pelusuk dunia yang pada suatu masa dulu pernah menikmati kebahagiaan hidup di bawah fikrah Islam**, iaitu negeri-negeri yang pernah berkumandang suara azan dengan ucapan takbir dan tahlil membesarkan Allah. Kemudian malangnya negeri-negeri tersebut menjadi malap cahayanya lalu jatuh semula ke tangan kafir setelah beriman. Sepanyol, Sicily, negeri-negeri Balkan(Bosnia, Croatia, Serbia dll) dan Itali Selatan semuanya itu adalah negeri-negeri kepunyaan umat Islam yang mesti kembali semula kepangkuan Islam. Laut Mediterranean dan Laut Merah sebagai dua tasik kepunyaan umat Islam mestilah dikembalikan seperti sediakala.

Jika sekiranya Mussolini (Diktator Italy semasa perang dunia kedua) berpendapat bahawa beliau berhak mengambil empayar Rom yang telah diwujudkan di atas asas kehalobaan dan hawa nafsu, maka kita pula berpendapat bahawa kita adalah berhak mengembalikan keagungan empayar Islam yang telah diwujudkan di atas asas keadilan dan keinsafan dengan tujuan menyebarkan cahaya serta petunjuk bagi seluruh umat manusia.

(7) Selepas itu, di samping perkara-perkara yang dicita-citakan tadi, kita mahu **mencanangkan seruan dakwah kita kepada seluruh dunia** dan kita mahu menyampaikannya kepada sekalian umat manusia sehingga meresap keseluruh pelusuk bumi dan sehingga tunduklah setiap makhluk yang angkuh itu kepada seruan tersebut, agar tidak lagi berlaku fitnah dan kembalilah ugama itu semuanya kepada Allah. Pada ketika itu bergembiralah orang-orang mukmin dengan pertolongan Allah. Allah pasti menolong sesiapa yang di kehendakinya kerana Dia adalah Maha Gagah lagi Maha Penyayang.

Perlu di sebut bahawa **setiap tahap program induk tadi telah lengkap mempunyai perencanaannya**, pecahan serta wasilah-wasilah yang boleh digunakan. Tetapi di sini kita memadai dengan serba ringkas tanpa membicarakannya dengan

panjang dan perincian. Allah jualah tempat kita memohon pertolongan dan memadailah Dia sebagai tumpuan kita dan sebaik-baik pengawal.
Biarlah orang-orang yang culas serta pengecut itu berkata kononnya dakwah kita ini "hanya suatu angan-angan yang begitu jauh dan suatu dongengan yang menawan hati manusia.

Sebenarnya itulah yang dikatakan kedayusan yang kita tidak pernah kita kenali dan tidak juga diajar oleh Islam. Itulah dia yang dikatakan **al-wahn** atau sifat pengecut yang dilemparkan ke dalam hati umat kita ini lalu mendedahkannya kepada musuh-musuh, dan itulah yang dikatakan kemusnahan hati sanubari serta kekosongannya dari iman dan inilah yang merupakan sebab kejatuhan umat Islam.
Namun demikian, kita tetap mengistiharkan dengan jelas serta terus terang bahawa **sesiapa orang muslim yang tidak percaya kepada program induk dakwah kita ini dan tidak bekerja untuk menjayakannya maka mereka tidak langsung mempunyai saham kepada Islam.** Eloklah ia mencari fikrah lain untuk dipercayai dan bekerjalah dengan ideologi tersebut.

Wahai angkatan pemuda,
Sebenarnya kamu sekarang **tidaklah begitu lemah** berbanding dengan angkatan yang terdahulu dari kamu yang diberikan kemenangan oleh Allah hasil usaha mereka. Oleh itu janganlah kamu merasa hina, merasa lemah malah hendaklah kamu meletakkan di ruang matahati kamu akan firman Allah (Al-Imran:173):

الَّذِينَ قَالَ لَهُمْ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

Mereka berkata kepadanya: sesungguhnya orang ramai telah pun mengumpulkan tenaga terhadap kamu, hendaklah kamu merasa takut kepada mereka itu, tetapi mereka ini menjadi bertambah kuat imannya. Lalu mereka berkata memadailah Allah itu untuk kami dan Dialah sebaik-baik pengawal.

Kita akan **mendidik diri kita sendiri** supaya terbentuklah dari kalangan kita ini apa yang dinamakan individu muslim. Kita juga akan mengasuh rumahtangga kita supaya lahirlah daripadanya nanti apa yang kita sebutkan sebagai rumahtangga muslim. Kita juga akan membentuk umat kita supaya terbentuklah apa yang dinamakan umat Islam. Dan sudah tentu kita akan turut serta ke dalam umat Islam ini dan kita akan terus menerus bergerak menurut langkah-langkah yang sudah ditetapkan menuju hingga ke hujung jalan dan sehingga tercapai sasaran yang Allah tentukan kepada kita; bukan sasaran yang kita sendiri menentukannya. Dan dengan izin Allah serta pertolongannya kita akan tiba di matlamat yang ditujui. Allah tetap enggan melainkan mesti menyempurnakan citaNya walaupun dibenci oleh orang kafir.
Bagi menghadapi persoalan ini kita telah pun menyediakan iman yang sekali-kali tidak akan bergoyang, kerja-kerja yang tidak tersekat-sekat, kepercayaan yang tidak luntur kepada Allah, bahkan kita juga telah menyediakan jiwa raga yang merasai sebahagia-bahagia hari baginya ialah hari yang mereka gugur sebagai para syuhada' di jalan Allah.

Jadikan itu semua sebagai polisi dalaman dan luaran kita kerana kita mengambil pengertian tersebut dari hakikat Islam sendiri. Pemisahan di antara ugama dengan politik bukanlah dari ajaran Islam yang maha suci. Orang Islam yang tulin keugamaannya dan yang benar-benar memahami segala pengajarannya tidak mengerti pemisahan seperti itu. Oleh itu sesiapa jua yang cuba hendak memesongkan kita

daripada hakikat manhaj ini, maka eloklah dia meninggalkan kita kerana orang seperti itu tidak terkeluar dari salah satu dari dua jenis manusia iaitu:
musuh kepada Islam ***atau*** pun jahil mengenai hakikat Islam.

Wahai angkatan pemuda !

Silaplah orang-orang yang menyangka kononnya angkatan Islam ini ialah suatu **kumpulan Darwisy-Tok Lebai** yang mengongkong diri di dalam ruangan sempit ibadat Islam yang hanya tertumpu kepada sembahyang, puasa, zikir dan tasbih sahaja. Sebenarnya angkatan Islam yang pertama dahulu tidaklah memahami hakikat Islam dalam bentuk yang sempit seperti itu; mereka juga tidak beriman dengan cara begitu; akan tetapi mereka itu beriman dengan Islam sebagai aqidah serta ibadat, sebagai tanahair dan kebangsaan, sebagai akhlak serta kebendaan, sebagai kebudayaan dan undang-undang serta toleransi dan kekuatan.

Mereka yakin bahawa Islam itu adalah **suatu sistem yang sempurna** yang sesuai dengan segala bidang kehidupan dan mampu menyusun urusan dunia seperti mana ia menyusun urusan ke akhiratnya. Mereka yakin Islam itu sebagai suatu sistem yang mempunyai kedua-dua sudut amalan dan teorinya sekali. Dengan keyakinan seperti itu maka Islam bagi mereka ialah ugama dan negara serta Qur‘an dan pedang.
Namun demikian mereka **tidaklah pula lalai dari menunaikan urusan peribadatan** mereka dan tidak culas menunaikan segala fardhu yang diwajibkan untuk Tuhan mereka. Mereka cuba sedaya upaya untuk mengelokkan lagi tata tertib solat. Mereka juga membaca kitab Allah serta berzikir kepada Allah menurut cara yang disuruh oleh Allah dalam batas-batas yang ditentukan kepada mereka, tanpa mengada-ngada dan melampau-lampau, dengan tidak bermain-main di kulit luar dan tidak pula terlampau mendalam berlebih-lebihan. Mereka itu lebih mengetahui mengenai sabda Rasulullah s.a.w yang bererti:

ان هذا الدين متين فأوغل فيه برفق إن المنبت لا أرضا قطع ولا ظهرا أبقى

Sesungguhnya ugama Islam ini amat kukuh; oleh itu resapilah ke dalamnya perlahan-lahan. Sesungguhnya orang yang sangat keterlaluan itu akhirnya tidak ada bumi yang dijalaninya malah tidak pula ia kekal sebarang tunggangannya.
Meskipun demikian namun mereka **tetap jua mengambil bahagian mereka dari keduniaan** sekira-kira kadar yang tidak merosakkan akhirat mereka; mereka beramal dengan firman Allah: (surah Al - A‘raf : 32)

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنْ الرِّزْقِ

Katakanlah: siapakah pula yang mengharamkan perhiasan Allah yang diberikannya kepada hamba-hambanya dan juga rezeki yang baik-baik itu ?
Angkatan Islam mengerti bahawa sebaik-baik gambaran yang diberi kepada para sahabat Rasulullah s.a.w ialah:

رهبان فى الليل وفرسان فى النهار

Ertinya :
Pendeta di malam hari dan satria yang gagah perkasa di siang hari.

Demikianlah pula angkatan Islam ini cuba membentuk diri mereka - Allah jualah tempat kita memohon pertolongan.

Silaplah juga mereka yang menyangka kononnya angkatan Islam mengabaikan tanahair dan patriotik.

Sebenarnya **orang-orang Islamlah yang paling ikhlas kepada tanahair mereka**. Merekalah yang paling banyak berkorban kepada tanahair. Merekalah orang yang paling menghormati sesiapa juga yang bekerja dengan ikhlas untuk tanahair.

Lihatlah, saudara sendiri mengetahui sejauh mana angkatan Islam menyintai tanah air dan setinggi mana pula mereka bercita-cita untuk kebaikan umat mereka.
Tetapi perbezaan di antara orang-orang Islam dengan orang-orang lain yang mendakwa pejuang tanahair ialah asas patriotis Islam ialah aqidah Islamiyah. Oleh itu maka pejuang Islam yang bekerja untuk sesebuah tanahair -misalnya Mesir(atau Malaysia), berjuang pada jalannya dan mereka sanggup mati dalam jihad seperti itu adalah kerana negeri Mesir itu ialah termasuk ke dalam bumi Islam. Mereka kemudiannya tidak pula membataskan perasaan patriotis ini kepada negeri Mesir sahaja tetapi mereka merangkumkan juga setiap bumi Islam dan setiap tanahair orang-orang Islam.

Adapun pencinta tanahair yang tidak bersifat Islam akan membataskan kecintaannya itu kepada bangsanya sahaja. Mereka pula biasanya hanya berjuang kerana ikut-ikutan, sukakan promosi, mencari kebanggaan atau kerana kepentingan-kepentingan yang tertentu. Mereka berjuang bukan menurut kewajipan yang Allah turunkan kepada hamba-hambanya.

Memadailah untuk saudara mengetahui bahawa faham patriotisma mengikut angkatan Islam ialah mereka yakin dengan sepenuhnya bahawa kecuaian terhadap sejengkal sekalipun dari bumi yang didiami oleh orang-orang Islam adalah suatu jenayah yang tidak boleh diampuni, hinggalah mereka dapat mengembalikannya atau pun biarlah mereka mati kerana berjuang untuk mengembalikannya. Mereka yakin bahawa mereka tidak akan terselamat dari balasan Allah melainkan dengan berbuat demikian.
Silaplah lagi orang-orang yang menyangka kononnya angkatan Islam ini merupakan **penyeru ke arah kemalasan atau keculasan**. Sebenarnya angkatan Islam mengistiharkan saban waktu bahawa seseorang muslim itu mestilah menjadi pimpinan dalam segenap perkara. Mereka tidak berpuas hati selagi tidak dapat memimpin, bekerja, dan berjuang serta mendahului orang lain dalam setiap urusan, sama ada dalam bidang ilmu pengetahuan, kekuatan, kesihatan, dan juga kekayaan.

Perlu disebut bahawa apa jua kemunduran dalam sesuatu bidang adalah merosakkan fikrah perjuangan kita dan menyalahi pula ajaran ugama kita.

Meski pun demikian kita memanglah menolak fahaman kebendaan(materialisma) yang menimpa umat manusia, lalu membawa mereka ke arah hidup untuk diri sendiri sahaja(individualistik) dan mendorong mereka mengguna segala kemudahan semula jadi, segala masa dan tenaga ke arah kehebatan diri sendiri semata-mata. Dengan demikian maka seseorang dari mereka itu tidak akan bekerja untuk faedah orang lain walau sekecil-kecil khidmat sekalipun malah ia tidak akan mengambil tahu walau sedikit pun dari hal umatnya. Sabda Nabi saw yang bermasud:

من لم يهتم بأمر المسلمين فليس منهم

Sesiapa yang tidak menghiraukan urusan umat Islam maka dia bukanlah daripada mereka.

Rasulullah saw juga bersabda yang bermaksud:

إن الله كتب الإحسان على كل شئ

Allah mewajibkan kesempurnaan dan keelokkan dalam setiap perkara.

Silap juga orang-orang yang menyangka kononnya angkatan Islam itu adalah juara **penyeru ke arah sentimen perkauman.** Sebenarnya kita dari angkatan Islam ini memahami bahawa Islam sangat-sangat menghormati hubungan umum di

kalangan umat manusia seperti mana yang tersebut di dalam firman Allah(surah Al-Hujurat:13):

يَاأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا

Wahai sekalian manusia! sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu berkenal - kenalan.

Kita mengetahui bahawa Islam itu datang membawa kebajikan kepada semua manusia dan sebagai suatu rahmat kepada sekalian makhluk. Mana jua ugama yang tugasnya demikian rupa adalah jauh sekali dari perbuatan yang memecah belahkan hati manusia dan hasut-menghasut sesama mereka. Qur‘an sendiri menguatkan perpaduan ini dengan firman Allah (Al- Baqarah:285):

لا نفرق بين أحد من رسله

Kami tidaklah membeza-bezakan sesiapa pun dari antara para Rasulnya.

Perlu disebut bahawa Islam melarang dan mengharamkan pencerobohan hinggakan dalam keadaan kemarahan dan permusuhan sekalipun, Allah berfirman (Al-Maidah: 8):

وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَآنُ قَوْمٍ عَلَى أَلَّا تَعْدِلُوا اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَى

Dan janganlah kamu dipengaruhi oleh kedudukan satu-satu pihak sehingga kamu berlaku tidak adil kerana ianya adalah lebih hampir kepada taqwa.

Dan Islam menganjurkan kebajikan dan kebaikan di kalangan warga negara sesebuah negara walaupun mereka itu berlainan aqidah dan ugama. Allah berfirman (Al-Mumtahanah:8):

لَا يَنْهَاكُمْ اللَّهُ عَنْ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ

Allah tidaklah menegah kamu berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu pada ugama dan yang tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu.

Islam juga menganjurkan kita berlaku adil kepada orang-orang zimmi (orang tidak Islam di dalam negara Islam) dan bergaul baik dengan mereka. Ini ialah menurut dasar :

لهم ما لنا وعليهم ما علينا

Ertinya:

Mereka mendapat hak sama seperti kita dan mereka memikul tanggungjawab seumpama kita juga.

Kita mengetahui semuanya itu; oleh kita tidaklah menyeru ke arah faham apartheid dan tidak juga ke arah faham fanatik kelompok. Walaubagaimanapun, kita tidaklah pula menjual iman kita dengan harga perpaduan tersebut dan kita tidak juga bersedia untuk tawar-menawar kerana menegakkan perpaduan tadi sehingga tergadai akidah kita. Kita tidak akan sanggup berusaha untuk menegakkan perpaduan tersebut hingga mengorbankan kepentingan orang-orang Islam. Sebaliknya, cukuplah kita bersedia mengorbankan perpaduan demi kebenaran dan keadilan, tetapi lebih dari itu.

Oleh itu, barang siapa cuba membuat selain dari itu maka tentulah kita mesti menghalangi perbuatannya dan kita akan jelaskan kepadanya kesilapan fahamannya itu. Bagi Allahlah segala kebesaran dan bagi Rasulnya dan juga bagi orang-orang mukminin.

Suatu kesilapan juga orang-orang yang menyangka angkatan Islam ini bekerja untuk kepentingan badan yang tertentu atau pun mereka bergantung dagu kepada

mana-mana kumpulan. Sebenarnya angkatan Islam ini bekerja untuk mencapai segala matlamat mereka sendiri menurut petunjuk dari Tuhan mereka iaitu bersama Islam dan pemeluknya di setiap masa dan tempat. Mereka membelanjakan apa yang dianugerahkan oleh Tuhan mereka demi untuk mencapai keredhaannya. Mereka merasa bangga kerana sehingga sekarang pun mereka masih belum pernah lagi menadah tangan kepada sesiapa dan mereka tidak pernah meminta pertolongan dari mana-mana orang atau badan atau pun mana-mana kumpulan.

Wahai angkatan pemuda !

Di atas dasar-dasar yang tetap dan berdasarkan ajaran-ajaran yang mulia inilah kita menyeru anda sekalian. Jika anda percaya kepada fikrah perjuangan ini dan anda menurut jejak langkahnya, memasuki bersama kita jalan Islam ini, melepaskan diri dari sebarang fikrah yang lain, menguntukkan segala tenaga untuk aqidah anda, maka itu adalah sebaik-baik pendirian untuk anda di dunia dan juga di akhirat. Insyaallah, Tuhan akan menjayakan melalui anda seperti mana yang dijayakannya melalui angkatan salaf yang terdahulu dari anda ketika zaman permulaan dulu.

Dengan itu, setiap pekerja yang ikhlas dari anda yang bekerja di jalan Islam akan mendapati balasan yang memuaskan cita-cita nuraninya dan setimpal dengan masanya, jika ia benar-benar termasuk ke dalam golongan pejuang-pejuang tulin.

Akan tetapi sebaliknya, jika anda enggan dan terus menerus berdolak-dalik dan teragak-agak, atau masih mencari-cari antara perjuangan bukan Islam sebenar yang telah ternyata gagal, maka ketahuilah bahawa batalion tentera Allah akan terus mara tanpa menghiraukan sama ada sedikit atau ramai dengan penuh yakin kepada firman Allah (Al-Imran:126):

وما النصر الا من عند الله العزيز الحكيم

Kemenangan itu hanyalah dari Allah Maha Gagah lagi Bijaksana.

RINGKASAN ISI - WAHAI PEMUDA !

Pemuda adalah harapan semua ummat untuk mengembalikan ummat. Perlukan:

- fikir tentang ummat lebih banyak dari fikir diri sendiri.
- faham dakwah yang betul

Dakwah kurun ke 15 Hijrah.

- Hanya satu dakwah yang boleh menyelamat manusia - ISLAM (5:3) manusia sedang menunggu-nunggu.
- Ianya perlukan pengorbanan (Kesah Seerah Nabi dan Sahabat)
- Fikrah Islam hendaklah tulin (tanpa seleweng , tambah atau kurang). (3:85) Musuh telah cuba merosakkan Islam beberapa lama.

Tugas kita:

- Menceritakan hakikat Islam dengan jelas(teori).
- Mengajak beramal dengan Islam yang syumul (amali).
- Menjadikan Al-Quran & Sunnah rujukan utama.
- Berjuang terus hingga mati.
- Slogan kita : ‘Allah matlamat - Rasul Ikutan - Quran perlembagaan - Jihad jalan & Mati syahid cita-cita tertinggi’.
- Berkeyakinan diri ; kita adalah 'tuan' di bumi ini. Kemenangan adalah milik kita.

Titik kekuatan:

- Iman
- Ukhuwwah
- Zahir (Tubuh badan, senjata, peralatan, pengurusan dsb)

Program kita:

- Individu Muslim
- Rumahtangga Muslim
- Ummat Islam
- Kerajaan Islam
- Watan Islam (Tanahair)
- Menawan balik negeri Islam yang dirampas.
- Menjadi pemerintah dunia.

Lain-lain

- Disangka angan-angan oleh manusia. Siapa tidak bekerja kearah ini maka sila cari cara lain.
- Kita bukan lemah (3:173)
- Kita tidak akan memisahkan agama dan negara, solat dan masyarakat dll.
- Islam adalah sistem yang sempurna.
- Mengapa orang sangat memperelokkan solat tetapi melalaikan bidang Islam yang lain?
- Orang Islam ialah: Pendita dimalam hari dan satria disiangnya.
- Kita tidak mengabaikan negara dan bangsa kita tapi semua kerana Iman.
- Kebangsaan kita adalah semua negara Islam.
- Kita hendaklah maju dalam semua perkara kerana kemunduran akan merosakkan kita.
- Hendaklah melepaskan dari sebarang fahaman lain selain Islam.

- Hendaklah menguntukkan seluruh tenaga dan masa untuk Akidah ini.
- Kita akan capai antara 2 kebaikan: Menang atau Syahid.
- Siapa yang masih teragak-teragak dan berdolak dalih, Tentera Allah akan terus berjalan meninggalkannya tanpa mengira sedikit atau ramai (3:126)

PERANAN PELAJAR

Oleh – Al-Maududi

Pendahuluan

Dengan nama Allah yang pemurah lagi mengasihani. Segala puji tertentu bagi Allah, dan sejahtera ke atas seluruh hambaNya yang terpilih.

Sebelum saya masuk kepada tajuk yang hendak saya sampaikan kepada saudara-saudara, sukalah saya melahirkan perasaan gembira yang tersemat di hati saya. Apa yang saya lihat di seluruh universiti dan pusat-pusat pengajian di dunia Islam, bahkan di setengah-setengah dunia bukan Islam, wujudnya kumpulan pemuda Islam yang beriman penuh dengan 'akidah Islam, menyedari tanggungjawab mereka sebagai orang Islam dan sanggup mengorbankan sepenuh tenaga mereka untuk menegakkan semangat Islam di pusat-pusat pengajian tinggi tersebut.

Gejala ini patut sangatlah mendapat sanjungan, penghargaan dan sambutan dari orang yang mempunyai perasaan tulus ikhlas kepada dunia Islam, kerana Allah dengan kemurahanNya telah mengurniakan kepada umatnya yang lemah ini pemuda-pemuda yang tahu akan tanggungjawab. Mereka ini menunaikan tanggungjawab itu secara aktif dengan penuh kesedaran di pusat-pusat pengajian tinggi dalam semua bidang pendidikan, sekalipun sistem pendidikan di seluruh dunia Islam sekarang ini dikuasai oleh cara berfikir dan tradisi barat.

Adapun tajuk yang ingin saya sampaikan di sini ialah: Apakah peranan yang harus dimainkan oleh pemuda, khususnya pelajar-pelajar dalam membina masa depan dunia Islam?

Keadaan dan masalah yang sama

Sebelum itu saudara-saudara patutlah percaya bahawa perbualan saya ini saya tujukan kepada semua pelajar di seluruh dunia Islam; iaitu satu kawasan dunia yang telah menyerah kalah kepada fikiran dan tamadun barat setelah merengkok secara langsung beberapa lama di bawah penindasan mereka. Setiap cabang kehidupan mereka yang antaranya ialah pelajaran dan pendidikan membayangkan teori-teori dan sistem yang diterima dari barat.

Sesungguhnya segala keadaan dan corak hidup yang ada di seluruh dunia Islam pada hari ini adalah sama. Kerana itu para pelajar di dunia Islam menghadapi problem yang sama.

Umat Islam dan bukannya negeri Islam

Perkara kedua yang harus saudara-saudara berikan perhatian, bahawa bukanlah maksud saya dengan NEGERI-NEGERI ISLAM itu sempadan-sempadan negerinya yang memanjang, bukit bukaunya yang mengawan, sungai-sungainya yang tenang atau air terjunnya yang menjunam. Apa yang saya maksudkan ialah penduduknya yang hidup dalam kawasan-kawasan yang berkenaan.

Adalah diketahui bahawa manusia itu sentiasa terdedah kepada kemusnahan. Setiap orang ada ajalnya yang sudah ditetapkan. Oleh itu hendaklah kita memindahkan dengan amanah, suci dan jujur segala apa yang kita warisi daripada orang terdahulu dari kita kepada generasi akan datang sekiranya kita ingin melihat segala tamadun dan kebudayaan kita kekal di negeri-negeri itu. Bukan ini saja, bahkan kita mesti memupuk supaya generasi akan datang sanggup memikul amanah yang berat ini dengan penuh kemampuan dan kesedaran, agar mereka juga berkesanggupan memindahkan, amanah itu kepada generasi-generasi yang berikutnya.

Hakikat kemusnahan umat

Sesungguhnya umat-umat yang telah lenyap tanpa meninggalkan kesan itu bukanlah ertinya lenyap dari dunia ini, tetapi sebenarnya ialah keruntuhan kebangsaannya dari alam nyata. Maksud kita apabila kita mengatakan bahawa tamadun bangsa BABIL dan FIR'AUN itu telah lenyap, ertinya tamadun bangsa-bangsa itu telah hilang ciri-cirinya ditelan zaman. Adapun generasi bangsa Babil itu masih membiakkan keturunannya, tetapi identiti kebangsaannya telah lenyap. Begitu juga tamadun bangsa Mesir tua masih kekal di muka bumi, tetapi tamadun yang dikenali dengan nama Tamadun Fir'aun tidak lagi dilihat kesannya.

Segalanya itu ialah kerana generasi mereka yang silih berganti telah hilang kemampuan untuk memindahkan pusaka warisan yang diwarisinya dari generasi yang lalu kepada jenerasi yang lahir selepasnya.

Oleh yang demikian nyatalah bahawa generasi sesuatu bangsa itu apabila hiiang identiti kebangsaannya dan hancur ke dalam identiti yang lain tnaka itulah ertinya bangsa itu telah lenyap dan musnah.

Sejarah telah membuktikan bahawa dua belas golongan dari bangsa Israel telah hilang dan dunia ini dan tidak ditemui oleh sejarah hingga hari ini. Dalam hal ini tidak pula diriwayatkan bahawa mereka telah dibunuh kesemuanya atau telah dilenyapkan asal-usulnya dari muka bumi ini untuk selama-lamanya. Sebenarnya apa yang dimaksudkan dalam hal ini ialah kesedaran keisraelan telah lenyap dari golongan itu dan kesedaran itu tidak berpindah kepada generasi-generasi yang lahuselepas mereka. Apabila lenyap sifat keisraelan dan tamadun keisraelan tadi lalu meresaplah ia ke dalam bangsa-bangsa lain di dunia ini hingga anak cucu mereka sendiri tidak mengetahui yang mereka itu berketurunan Israel.

Dari sini nyatalah bahawa hidup dan kekalnya sesuatu bangsa itu adalah bergantung kepada sikap ingin menyediakan generasi akan datangnya supaya meraka berkemampuan menielihara identiti kebangsaannya. Mungkin inilah tajuk penting yang hendak saya terangkan dengan jelas kepada saudara semua.

Kewajipan memindahkan perbendaharaan tamadun pada generasi akan datang

Sesungguhnya bumi yang saudara-saudara hidup di atasnya ini telah pun diteroka oleh orang-orang yang terdahulu dari saudara supaya tamadun Islam dapat bertapak di atasnya, supaya dikuatkuasakan pelaksanaan peraturan-peraturan hidup yang mereka anuti dan supaya diperintah oleh undang-undang yang dianggap benar dan peraturan-peraturan sistem kerja yang mereka fikirkan baik.

Perlu kita ingat bahawa kekalnya generasi Islam adalah bergantung penuh di atas usaha generasi yang akan datang untuk memindahkan tamadun Islam dalam bentuk hidayah ketuhanannya yang kita warisi dari nenek moyang kita yang mulia dan yang telah membezakan kita dari bangsa-bangsa lain di dunia.

Sudah pasti bahawa setiap orang Islam tidak akan kekal, tetapi umat Islam boleh kekal sepanjang masa, dengan syarat ada kemampuan yang diperlukan dalam setiap peringkat masa untuk memindahkan perbendaharaan tamadun kepada generasi yang akan datang. Pemindahan ini hendaklah sentiasa berjalan dalam setiap pertukaran generasi.

Sekiranya kita tidak sanggup mengekalkan sifat-sifat istimewa tamadun yang membezakan umat kita itu, dan generasi muda kita pula tercekup dengan tamadun asing, katakan tamadun Amerika umpamanya, lalu terpengaruh dengannya dan terbentuk dengan acuannya tidak lagi dengan acuan tamadun Islam, maka lambat laun bumi ini akan bertukar menjadi bumi Amerika.

Ya, generasi Islam akan tinggal di bumi itu, tetapi ianya dibentuk dengan acuan Amerika yang menandakan tamadun Islam tidak lagi kekal di atas bumi yang dikhususkan untuk umat Islam. Itulah yang menandakan kekalnya tamadun lain yang menghapuskan identiti kebangsaan kita atau dengan lebih tepat identiti keislaman kita.

Maka hendaklah saudara-saudara mengamati kedudukan masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini dan memahami bagaimana penting peranan masalah ini dalam sejarah.

Masalah ini tidaklah merupakan masalah pelajaran semata-mata, bahkan ianya juga menjadi masalah yang mempunyai hubungan langsung dengan adanya identiti Islam dan juga dianggap menjadi masalah hidup mati identiti itu secaia terus menerus.

Hidup kita tidak akan kekal sebagai satu umat Islam melainkan apabila kekalnya anak-anak muda kita yang sedang melalui peringkat pembentukan dan persediaan di pusat-pusat pengajian dan pendidikan. Kekal dalam erti berpegang teguh dengan tamadun Islam, mengibarkan benderanya serta menyeru kepadanya.

Dua cara untuk memindahkan perbendaharaan tamadun.

Tujuan ini tidak akan terlaksana melainkan dengan dua jalan.

Jalan pertama: Pelajar-pelajar sendiri hendaklah bergerak melaksanakannya.

Jalan kedua: Pemerintah hendaklah merangka polisi pelajaran dan pendidikan yang boleh mencapai kepada tujuan ini. Sekarang saya terangkan secara ringkas berhubung dengan kedua-kedua cara tersehut.

Jalan yang khusus bagi pelajar

Pelajar-pelajar yang sedang berada di universiti-universiti dan fakulti-fakulti tentulah sudah besar, matang, mempunyai kesedaran dan boleh membezakan di antara buruk dan baik. Begitu juga pelajaran yang diterimanya membolehkan mereka mengetahui identiti mereka jika mereka mahu dan juga membolehkan mereka maju ke hadapan jika mereka bergerak.

Segala kerumitan dalam hal ini bukanlah menjadi beban kerajaan semata-mata, bahkan menjadi tanggungjawab pelajar-pelajar juga. Pelajar-pelajar adalah muda-muda belaka. Mereka hendaklah menyedari secara sungguh-sungguh bahawa mereka adalah orang Islam yang dijemput untuk hidup di atas muka bumi ini dengan cara hidup yang bercorak Islam. Hal ini memastikan diri

mereka bersemarak dengan api cinta untuk mengetahui apakah sistem yang menjamin hidup mati mereka dan apakah sifat-sifat nyata yang membezakan umat Islam, iaitu sifat-sifat yang mesti ada untuk hidup mati identiti Islam.

Prinsip-prinsip utama islam

Hakikat Islam dan prinsipnya ialah akidah tauhid, kerasulan dan beriman dengan hari kiamat. Maka wajiblah bagi setiap orang Islam mengetahui asas yang tiga ini. Patut juga ia mengetahui bahawa prinsip-prinsip ini apabila diresapi oleh perasaan syak atau apabila ia lemah maka ianya tidak boleh hidup lagi di dunia ini di bawah lindungan tamadun Islam.

Apa saja bentuk syak dan kelemahan yang menembusi akidah-akidah ini dan asas-asas hakikat Islam, ianya akan memupuskan tamadun Islam hingga ke akar umbinya. Sesudah itu bumi ini bukan lagi bumi Islam jika sekiranya tamadun Islam tidak ada di situ. Begitu juga tamadun Islam tidak akan kekal di dunia ini jika tidak diteraskan atau disokong oleh tiga prinsip tersebut.

Pentingnya pemusatan kuasa ke arah mengawasi prinsip-prinsip itu

Sesungguhnya apa yang patut diberi perhatian yang lebih berat dari yang lain ialah bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai kesedaran keislaman hendaklah bangun menentang segala gerakan anti Tuhan dan fahaman kebendaan yang bergerak untuk mengabui atau meragu-ragukan akidah Islam serta melemahkan orang yang beriman kepadanya. Dengan itu mereka tidak akan menentang segala gerakan yang bertujuan menghapuskan akidah-akidah ini dan menghalangnya dari bertapak di kalangan mereka.

Pelajar-pelajar harus menentang gerakan tersebut dengan apa cara sekalipun demi menjaga hidup mati identiti Islam di muka bumi ini. Perlu diketahui bahawa orang yang menimbulkan keraguan ke dalam fikiran orang ramai tentang akidah di bumi Islam ini, maka dia bukan saja melakukan dosa kufur atau murtad, bahkan ia telah melakukan pengkhianatan yang maha dashyat terhadap hak bumi Islam dan juga ia berniat mencabutnya hingga ke akar umbinya.

Ini adalah satu hakikat yang mesti disematkan di hati saudara-saudara semua. Jika ada di antara saudara-saudara yang mencuaikan perkara ini maka hendaklah beri peringatan akibat-akibat masa akan datang. Dengan demikian tidaklah dibiarkan fikiran-fikiran yang merosakkan dan prinsip-prinsip anti Tuhan itu tumbuh subur di pusat-pusat pengajian tinggi, di universiti-universiti atau di sekolah-sekolah dalam negara-negara Islam. Dengan demikian juga

dapatlah dielakkan dari tersebarnya falsafah-falsafah yang merosakkan prinsip asasi Islam dan yang mengkaburkannya yang sudah tentu membuahkan hasil-hasilnya yang tidak diingini.

Pentingnya berpegang dengap akhlak Islam dan tamadunnya

Perkara kedua yang wajib diberi perhatian oleh saudara-saudara kita pelajar-pelajar muda ialah mereka patut menyedari bahawa perjuangan hidup mati kita bukan saja bergantung kepada akidah Islam, bahkan bergantung juga kepada akhlak dan nilai-nilai Islam, kerana adanya hubungan yang rapat antara akidah dan akhlak, bahkan wujudnya salah satu darinya memestikan adanya yang satu lagi. Sesungguhnya akidah Islamlah yang memestikan kita berpegang dengan akhlak dan nilai-nilai yang tertentu.

Apa yang dapat dilihat sejak zaman berzaman bahawa pusat-pusat pengajian tinggi kita telah melalaikan asuhan akhlak di kalangan pelajar-pelajar. Bahkan yang lebih teruk lagi ialah pusat-pusat pengajian tinggi itu telah bersungguh-sungguh menabur benih-benih pengetahuan yang bertentangan dengan nilai Islam serta bercanggah dengan segala prinsip akhlak Islam.

Patutlah kita ingat bahawa akhlak dan nilai-nilai yang menjadi teras kebangkitan umat barat tidaklah dapat kita jadikan asas kebangkitan kita, bahkan kita tidak dapat bangun, maju dan berkuasa melainkan setelah kita menerima prinsip-prinsip akhlak yang telah disediakan kepada kita oleh Islam, Allah dan rasulnya.

Orang barat boleh berkorban dengan diri dan hartanya untuk mempertahankan tanahairnya dengan keadaan ia hidup sebagai seorang gila, menari dan mabuk arak serta melakukan segala perkara kejahatan dan keruntuhan akhlak, kerana falsafah kebendaan yang menjadi pegangan mereka tidak menegah itu semua. Tetapi orang Islam mengetahui bahawa semua perkara tersebut dilarang oleh Allah dan rasulnya tidaklah boleh mengikuti cara hidup sebegitu dan tidak boleh memilih kebudayaan bentuk sedemikian kecuali setelah mereka berpaling tadah dari asas-asas pelajaran Islam.

Sesungguhnya disisi orang barat, apabila mereka melakukan perkara-perkara tersebut, tidaklah bertentangan dengan prinsip-prinsip akhlak dan nilai-nilai tamadun mereka, tetapi bagi orang Islam, dengan melakukan dosa-dosa itu, ia telah meruntuhkan prinsip-prinsip yang menjadi landasan akhlak dan nilai-nilai kita.

Kedudukan orang Islam jika ia minum arak adalah berlainan sekali daripada kedudukan orang barat. Soal bahaya akibat arak kepada tubuh dan jiwa manusia adalah sama, tidak kira samada ia Islam atau kafir. Oleh kerana arak tidak haram di sisi ugama kafir, maka apabila orang kafir meminumnya, ia

hanya merosakkan tubuh dan jiwanya saja. Adapun akidah dan ugamanya tidak terlibat.

Hal ini berlainan sekali dengan keadaan orang Islam. Orang Islam tidak akan melakukan kejahatan itu melainkan apabila jiwanya sudah dirasuk oleh perasaan memberontak terhadap Allah dan Rasulnya serta oleh perasaan tidak memperhitungkan lagi hari yang akan ditimbang segala kebaikan dan kejahatan. Sesudah itu ia tidak akan memadai melakukan satu dosa, bahkan akan melampaui kepada dosa-dosa lain dan akan mempersetankan segala ikatan dan kewajipan-kewajipan akhlak, hingga pada satu hari kelak tidak ada lagi perkara dalam Islam yang patut dihormati dan dimuliakan dan semuanya dihinakannya.

Sejauh mana bahaya tamaddun bukan Islam dalam masyarakat Islam

Dari itu saudara-saudara patut menyedari bahawa apabila tamadun bukan Islam itu meresapi di kalangan umat Islam maka bahaya dan kecelakaannya akan lebih hebat lagi sekiranya ia meresap dikalangan umat bukan Islam, kerana kesan buruk yang lahir pada umat-umat bukan Islam adalah sama seperti kesan yang menimpa bagi orang-orang lain juga, seperti kesan buruk dari orang yang minum arak atau melakukan sesuatu perbuatan yang buruk.

Adapun kita orang-orang Islam, apabila kita melaku dan menuruti tamadun sundal itu maka ia melibatkan akidah dan **prinsip-prinsip** iman, menggoyang asas-asasnya, juga melemahkan dasar-dasarnya di hati kita, serta menimbulkan bibit memberontak terhadap Allah dan Rasulnya dan mungkin menyebabkan keluar dari Ugamanya.

Apabila sebab-sebab buruk ini timbul maka kita tidak boleh lagi tetap mentaati sesuatu peraturan di dunia ini, kerana orang yang patut kita taati dan menyerahkan diri kita kepadanya telah pun kita tentangi dia dan kita abaikannya. Dengan sebab inilah juga apabila seorang Islam itu mula mengingkari hukum-hukum Islam ia tidak akan memadai dengan sekali dua, bahkan ia akan terus tergelincir dan mengingkarinya secara berterusan hingga tidak ada lagi perasaan tanggungjawab tersemat di hatinya dan tidak lagi menghormati apa jenis undang-undang. Ketika itu keruntuhan akhlaknya tidak terbatas lagi.

Saudara-saudara juga harus meneliti bahawa apabila seorang Islam yang percaya kepada Allah, kepada Rasul dan kepada al-Quran, kemudian ia melakukan perbualan yang ia tahu bahawa Allah menegah ia melakukan demikian dan Rasul pula mencacinya serta al-Quran telah mengharamkannya juga telah menjanjikan azab kepadanya pada hari kiamat, maka apa lagi sesudah

ini yang boleh dikatakan bahawa ia menghormati nilai-nilai akhlak serta menyanjungnya? Tidak ada lagi yang boleh memaksanya supaya ia patuh kepada undang-undang yang dibuat oleh lembaga perundangan yang ia tidak bertuhan kepadanya? Dan manalah ia akan mengorbankan diri dan kepentingan dirinya **demi** maslahat bangsa dan tanahair yang ia fikir tidak mesti disembahnya? Dan oleh kerana ia telah biasa menceroboh kehormatan syariat Tuhan yang mulia dan perbuatan melanggar undang-undang itu telah menjadi tagehannya serta memberontak terhadap undang-undang yang suci di sisi akidahnya, maka perbuatan menentang undang-undang itu sudah menjadi kebiasaannya. Oleh itu tidaklah dapat diharapkan darinya lagi untuk mentaati sesuatu undang-undang pun dalam segala aspek hidup. Orang seperti ini tidak layak menjadi anggota dalam masyarakat yang bertamadun, apa lagi menjadi anggota dalam masyarakat Islam.

Dosa mereka yang menyebar kebudayaan sundal di kalangan pemuda Islam

Apabila manusia faham hakikat yang nyata ini serta tahu benar-benar sifat-sifatnya, maka mestilah ia menyedari betapa dahsyatnya kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menjadikan pemuda-pemuda kita di pusat-pusat pengajian tinggi itu sebagai orang-orang yang mewah lalu ditanamkan perasaan suka menari, bergembira, melucah dan mempermain-mainkan nilai-nilai ugama, di samping ditaburkannya pula kebudayaan sundal, disogokkan pula wanita-wanita jelita hingga mereka mati dalam pelukan wanita-wanita itu dan disebarkan pula penyakit menodai nilai-nilai akhlak Islam. Alangkah dahsyatnya pengkhianatan mereka!

Oleh yang demikian wajiblah bagi pelajar kita menyedari akibat-akibat perbuatan ini. Sekiranya pihak-pihak yang berkuasa terjerumus ke lembah kesalahan ini kerana kejahilan dan kebodohan mereka, maka pelajar-pelajar wajiblah menjauhinya seberapa yang dapat. Dia samping itu mereka juga hendaklah membentuk satu pendapat dan kesedaran yang menyeluruh untuk menjauhkan mereka daripada menjadi mangsa kebudayaan sundal itu dan untuk menghapuskannya.

Di sini kita harus bertanya sesama kita: Jika timbul di kalangan pelajar-pelajar sendiri perasaan ingin menentang kebudayaan tersebut, maka dimanakah lagi kekuatan yang dapat meluluskan tamadun tidak bertuhan dan kebudayaan kuning itu masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi dengan cara paksa?

Memang sudah tidak boleh dinafikan lagi bahawa sekiranya saudara-saudara sendiri sudah tidak suka menari misalnya, maka sudah tentulah tidak ada kuasa lagi yang dapat memaksa saudara-saudara untuk menari.

Memanglah ada di sana galakan dan godaan syaitan yang menggalakkan manusia supaya melakukan perkara-perkara mungkar dan merosakkan adat-adat, nilai,perasaan dan kecenderungan mereka. Tapi apabila pelajar-pelajar sendiri menyedari bahawa kebudayaan sundal ini merupakan penyakit kronik yang akan meresap ke dalam diri mereka, maka sudah tentulah mereka boleh menjauhinya dan menentang gerakan cuba memasukkannya ke pusat-pusat pengajian tinggi. Saya ingin agar ada suatu usaha ditumpukan ke arah memupuk kesedaran di kalangan pelajar untuk menentang perkara-perkara mungkar tersebut.

Inilah dua dari beberapa perkara yang bersangkut paut dengan pelajar-pelajar sendiri. Jika mereka amalkan kedua-duanya maka dapatlah mereka menghapuskan segala perkara mungkar yang bertaburan di pusat-pusat pengajian tinggi kita dan yang menyebabkan banyak berlaku kerosakan fikiran dan akhlak.

Sementara itu biarlah saya kaji sekarang dengan ringkas kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab kerajaan dalam bidang ini.

Bahaya tersebarnya khianat dalam masyarakat

Sesungguhnya perkara pertama sekali yang harus difikirkan oleh kerajaan dengan cara mendalam ialah: Apakah sebab meluasnya perbuatan rasuah dan khianat, dan apakah dorongan-dorongan yang berada di belakangnya yang menyebabkan segala usaha untuk menghapuskannya sia-sia belaka?

Gejala ini sedang menyelubungi umat Islam pada masa ini dan menjadikan segala peraturan perundangan tidak berfaedah belaka, kerana undang-undang yang diciptakan untuk memperbaiki kerosakan itu hampir-hampir dipersia-siakan oleh badan-badan pelaksanaan sendiri. Bahkan setiap kewajipan yang lahir dari pihak pencipta undang-undang itu sendiri yang membuka pintu baru bagi rasuah.

Perkara ini tidaklah terhenti setakat **ini** saja, bahkan dengan restu rasuah inilah penyeludup-penyeludup akan membawa keluar negeri barang-barang berharga dan menjualkannya kepada seteru-seteru. Bahkan mercka juga menyeludupkan keluar barang-barang yang sangat diperlukan dalam negeri.

Sebenarnya rasuah ini menguntungkan seteru-seteru kita.

Saudara-saudara patut melangkah setapak lagi ke hadapan, kemudian hendaklah saudara-saudara berfikir: Orang-orang yang mengamalkan penipuan terhadap saudara sebangsanya untuk mendapatkan seratus rupiah umpamanya, ia tidak akan merasa berat untuk menjual rahsia negara kepada seteru-seteru apabila diupah dengan berpuluh-puluh ribu rupiah.

Apabila penyakit khianat dan menjual maruah dilakukan oleh beribu-ribu orang dalam sesuatu negeri maka erti mereka bersedia pula mengorbankan ugama, akidah, amanah dan tanahair mereka demi kepentingan diri mereka sendiri. Pada ketika itu anak-anak negeri yang biasa melakukan kerosakan secara profesional akan menggunakan mereka itu tadi untuk mencapai tujuan-tujuan mereka. Begitu juga seteru-seteru akan menjadikan mereka alat yang boleh menurut telunjuk **untuk** memusnahkan kewujudan umat Islam.

Punca-punca tersebarnya khianat

Saudara-saudara, fikirkanlah sejenak, apakah perkara yang menyebabkan berlakunya gejala yang tidak sihat ini? Adalah satu perkara yang nyata bahawa mereka yang melakukan gejala tidak sihat, seperti khianat, rasuah, menipu dan sebagainya itu ialah sekumpulan mereka yang terpelajar dari kalangan kita di negeri kita sendiri. Mereka itu orang-orang yang berkuasa dalam kerajaan. Mereka bukanlah orang-orang kampung yang buta huruf.

Mereka itu juga adalah keluaran dari pusat-pusat pengajian tinggi kita yang ada sekarang. Ini menunjukkan adanya kepincangan dalam sistem pelajaran kita, kerana ia menghasilkan sebilangan besar orang yang terkena penyakit khianat dan rasuah.

Apabila kita amati sistem pelajaran ini dapatlah kita mengetahui bahawa kelemahan asasinya adalah disebabkan oleh asas-asas akidah, tamadun dan akhlak kita yang sepatutnya berdiri tegak secara berkekalan, tetapi sebaliknya ia lemah. Di sekelilingnya terdapat nilai-nilai yang mengelirukan dan galakan-galakan supaya orang ramai mengingkari akidah-akidah ini. Hanya sebilangan yang sedikit saja yang melalui sistem ini dikatakan terselamat tanpa bergoyang keimanan di hati mereka.

Apa yang memaksa kita berfikir sesudah apa yang saya katakan itu ialah apabila akidah sebilangan besar kaum terpelajar menjadi lemah maka apakah lagi yang ada pada kita untuk menjadikan mereka itu pendokong prinsip-prinsip dan nilai akhlak?

Orang-orang yang tidak takut kepada Allah dan tidak gerun kepada azab hari kiamat, tidak ada apa-apa lagi yang boleh menghalangnya daripada menjadi pengkhianat, pembohong dan mempermudahkan tanggungjawab.

Orang yang tidak percaya kepada kekuasaan yang lebih tinggi selain dari diri dan kepentingan sendiri, bagaimanakah saudara-saudara dapat meyakinkan hatinya supaya ia dapat mengorbankan kepentingan dirinya sendiri demi sesuatu kemuliaan? , kerana untuk sanggup berkorban dengan jiwa dan harta itu adalah sebahagian dari tunduk kepada kuasa yang tertinggi.

Bagi orang-orang Islam tidak ada tempat yang mesti dipatuhi melainkan kepada Allah, Rasulnya dan ugamanya. Apabila kita lemahkan perasaan patuh ini di hati manusia maka akan tumbuhlah perasaan mementingkan diri dan tidak akan ada lagi perasaan mahu mengorbankan sesuatu yang berharga dan mulia selain daripada untuk mencapai tujuan-tujuan peribadi mereka.

Kekuatan prinsip Islam dalam memperbaiki umat

Dengan hanya menyematkan sifat patuh tadi ke dalam hati mereka maka bolehlah saudara-saudara menjadikan mereka golongan orang yang melaksanakan keadilan, kebenaran dan menjadikan mereka menjauhi segala kerja yang haram di dunia dengan dorongan takwa kepada Allah dan dengan perasaan bertanggungjawab di hadapan Allah pada hari kiamat kelak, juga menjadikan mereka golongan yang senang hati dalam memberikan segala pengorbanan yang mulia dengan dorongan patuh kepada Allah, Rasul dan ugamanya.

Sesungguhnya orang-orang bukan Islam itu mempunyai nilai-nilai yang berbeza dan tempat patuh yang berlainan yang dijadikan asas akhlak mereka. Jadi, misalnya jika saudara-saudara mahu menanamkan perasaan kasih kepada punca-punca patuh kepada yang lain daripada Allah, Rasul dan ugamanya di kalangan umat Islam, maka saudara-saudara memerlukan masa selama lima puluh tahun untuk menjayakan proses ini, iaitu untuk menukarkan umat Islam itu kepada yang bukan Islam. Dan saudara-saudara juga perlu kepada lima puluh tahun yang lain lagi jika saudara-saudara mahu menjadikan mereka satu bangsa barat yang sempurna. Sebelum tempoh ini, saudara-saudara tidak berupaya menanamkan di kalangan mereka akhlak kebangsaan yang saudara-saudara dapati dan gemari pada bangsa-bangsa barat.

Tetapi jika saudara-saudara mahu menegakkan pembentukan umat Islam ini di atas nilai-nilai akhlak Islam, maka saudara-saudara boleh memulakan untuk itu dari sekarang juga dan saudara-saudara akan berjaya dalam tempoh beberapa tahun saja, kerana akidah-akidah Islam yang tersimpul pada tauhid kerasulan dan percaya kepada hari akhirat itu telah pun diwarisi dari ibubapa mereka dan akidah-akidah pula telah menjadi darah daging dalam suasana sekeliling masyarakat Islam dan tradisi kebangsaan orang-orang Islam.

Benih-benih akidah yang telah berakar umbi di bumi Islam sejak beberapa lama ini jika saudara-saudara siram dengan sedikit air pun nescaya akan tumbuh subur dan berbuah.

Sesungguhnya penjajah, sekali-kali tidak pernah mengambil berat tentang tamadun dan akhlak umat islam, bahkan mereka menganggap bahawa keadaan umat Islam yang ikhlas kepada Islam serta bersifat dengan akhlak Islam itu akan melahirkan bahaya kepada mereka. Oleh sebab itulah mereka telah

mempraktikkan di negeri-negeri Islam yang dijajahinya sistem pelajaran dan pendidikan yang mempunyai keistimewaan menggoncangkan tapak iman di hati-hati kita.

Sistem itu juga mempunyai keistimewaan bagi menimbulkan kekaburan di sekitar akidah Islam, memperkecilkan tamadun dan menghina-hinakannya di hadapan mata kita. Perasaan tamak politik penjajahlah yang memaksa mereka memesongkan kita dari ugama Islam dengan sesungguh hati. Tetapi jika kita amalkan sistem pelajaran dan pendidikan penjajah sesudah kita bebas dari belenggu pengabdiannya dan sesudah kita sanggup berdikari, maka itu bererti kita bersungguh-sungguh mahu membunuh diri.

Guru-guru yang dicurigai merbahaya kepada Islam

Di pusat-pusat pengajian tinggi kita, terdapat sekumpulan guru-guru yang menabur benih-benih kekeliruan mengenai Islam di kalangan pelajar. Mereka sentiasa berusaha menerangkan kepada pelajar-pelajar bahawa ugama Islam itu tidak mempunyai tamadun, tidak mempunyai kemajuan, tidak mempunyai dasar-dasar politik dan ekonomi. Kalau pun ada, maka itu tidak sesuai lagi dengan tuntutan masa sekarang.Mereka berkata bahawa undang-undang Islam itu sudah lapuk dan tidak sesuai lagi dengan zaman kemajuan sekarang.

Orang-orang Islam menurut mereka tidak pernah mencatit peristiwa kepahlawanan dalam lembaran sejarah. Pahlawan-pahlawan yang kita dengar selama ini adalah dari orang-orang yang bukan Islam. Jaguh-jaguh segala ilmu pengetahuan dan bermacam-macam kesenian dan sastera, juga pereka-pereka alat sains moden semuanya dari orang-orang yang bukan Islam.

Di sini sukalah saya berkata dengan terus terang bahawa guru-guru yang mengajar pelajaran-pelajaran seperti ini kepada pemuda-pemuda kita dan menuangkan fikiran-fikiran sempurna ini, mereka itu adalah pengkhianat bahkan mereka itulah pengkhianat dan seteru yang paling buruk kepada negeri-negeri Islam, kerana merekalah yang menghapuskan tamadun Islam atau dengan lain perkataan merekalah yang berusaha untuk menghancurkan negeri.

Alangkah buruknya nasib bangsa yang generasinya dididik oleh pengkhianat-pengkhianat seperti ini. Dan perkara yang lebih membahayakan hal ini, terdapat beberapa jabatan di pusat-pusat pengajian tinggi di setengah-setengah negeri Islam dikendalikan oleh mahaguru-mahaguru bangsa Amerika dan pakar-pakar pengajian **timur.** Paling malang lagi mereka ini mengendali jabatan-jabatan pendidikan dan ilmu kemasyarakatan. Mereka itu tidak silu-silu mencurahkan tenaga mereka untuk merosakkan generasi kita dalam hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan dan kemasyarakatan. Tidakkah ini membunuh diri namanya?

Keaiban sistem-sistem pelajaran

Kerajaan kita juga harus memikirkan: Bagaimanakah cara kita boleh menghapuskan keaiban yang terdapat dalam sistem pelajaran dan pendidikan kita? Ada pun pengetahuan-pengetahuan dan kesenian yang diajar di negeri-negeri Islam sebenarnya tidaklah ada cacatnya, Apa yang merosakkannya ialah orang-orang yang mengendalinya itu tidak beriman dengan Allah dan Rasulnya.

Oleh sebab itulah mereka menciptanya dengan cara yang dengan sendirinya menimbulkan di kalangan pelajar-pelajar perasaan tidak percaya kepada alam semesta dan apa yang ada di dalamnya ini tumbuh. Dengan itu pelajar-pelajar akan memikirkan bahawa alam ini terjadi dengan sendirinya tanpa kehendak pihak yang mentadbirkannya, berjalan tanpa dikuasai oleh sesiapa dan di sana tiada Tuhan yang menjadikannya, menguruskannya dan mengatur perjalanannya.

Begitu juga tanggapan yang menjadi asas pengetahuan ini ialah: Bahawa manusia itulah tuan dan pengarah kepada dirinya. la tidak lagi memerlukan Tuhan untuk memberi petunjuk kepadanya, bahkan pertunjuk dari Tuhan itu dianggapnya tidak ada. Kedua-dua tanggapan inilah yang mencabut tamadun Islam dari akar umbinya.

Maka berkewajipanlah kita mengubah aliran ini dalam mencipta setiap pengetahuan secara aliran baru yang berasaskan iman kepada Allah. Tidaklah dapat dipertikaikan lagi bahawa kita semua wajib melibatkan diri untuk mengkaji segala pengetahuan, seperti falsafah dan ilmu kemasyarakatan. Kita juga harus melibatkan diri untuk mengkaji setiap cabang pengetahuan serta mengambil faedah dari maklumat-maklumat yang telah dihasilkan oleh manusia dalam peringkat-peringkat sejarah.

Tetapi sekiranya kita mahu hidup kekal sebagai orang Islam maka wajiblah kita mempelajari pengetahuan-pengetahuan ini dengan syarat sesudah pengetahuan itu diislamkan. Tidak syak lagi bahawa pengetahuan ini dalam bentuknya yang ada sekarang ini akan mengkafirkan kita, samada kita mahu atau tidak. Inilah masalah pokok bagi sistem pelajaran kita sekarang. Sekiranya ia lekas difahami dan diubati maka akan hampirlah kita kepada kebajikan dan kebahagian.

Ramai orang hairan dan dukacita apabila mendengar pendapat ini. Mereka berkata: Adakah ilmu pengetahuan praktikal (yang memerlukan ujian dalam bilik makmal) itu mempunyai hubungan dengan ugama Islam. Mereka bersuara demikian sekalipun mereka telah menyaksikan dengan mata kepala mereka sendiri apa yang telah berlaku di Rusia yang menyeru kepada konsep sovit bagi ilmu pengetahuan praktikal.

Dengan nama Allah, katakanlah kepada saya wahai saudara-saudara sekalian: Jika ilmu pengetahuan praktikal itu tidak ada kaitannya dengan ugama Islam, maka adakah ianya pula mempunyai kaitan dengan Marxsism?.

Mana-mana anggota masyarakat komunis tidak mahu mempelajari ilmu pengetahuan, falsafah, sejarah dan ekonomi yang bercorak borjois, tetapi orang-orang itu mempelajari ilmu-ilmu pengetahuan tersebut yang sudah dicelup dengan fahaman *Marx* dengan tujuan akan lahirlah dengan banyaknya ulama-ulama dan pakar-pakar sosialis.

Masyarakal sosialis tidak akan kekal tegak atas dasar-dasarnya sekiranya pelajaran yang dicipta mengikut acuan borjois dibenarkan diajar dalam pengetahuan masyarakat mereka. Bahkan sudah menjadi kebiasaan bahawa setiap orang yang mempunyai tamadun dan cara hidup yang tertentu tidak rela anak-anak mereka dididik dengan ilmu pengetahuan dan kesenian yang dicipta oleh orang-orang yang menentang tamadun dan cara hidupnya yang tersendiri. Kerana ini ertinya, akan menghapuskan identitinya serta meresapkannya ke dalam bentuk yang lain.

Ilmu pengetahuan praktikal mempunyai dua aspek

Untuk mengatakan bahawa ilmu pengetahuan praktikal itu bersifat antara bangsa tidak memihak kepada mana-mana ugama, maka ini **adalah** satu kesalahan yang besar dan kejahilan yang tiada berkesudahan. Sesungguhnya ilmu pengetahuan tersebut mempunyai dua aspek: Aspek pertama, merupakan hakikat-hakikat dan undang tabie yang diketahui oleh manusia setelah ia melalui beberapa percubaan, ujian dan renungan. Aspek ini tidak syak lagi berbentuk antarabangsa.

Ada pun aspek yang kedua adalah merupakan bentuk pemikiran yang mencipta atau merakamkan hakikat-hakikat dan maklumat tersebut, kemudian diletakkan diatas asas teori tertentu. Terjumlah juga ke dalam aspek kedua ini ialah bahasa yang dipilih oleh pemikiran tadi untuk dijadikan alat takbir bagi teori-teori tadi. Aspek ini tidaklah sesuatu yang bersifat antarabangsa. Bahkan setiap penyeru kepada berbagai-bagai tamadun di dunia ini mempunyai cara-cara yang tersendiri, ini adalah perkara biasa. Dan apabila kita menyeru untuk melakukan perubahan dalam ilmu pengetahuan praktikal maka yang kita maksudkan ialah aspek kedua tadi dan bukanlah aspek yang pertama.

Saya misalkan kepada saudara-saudara semua. Telah menjadi kenyataan ilmiah bahawa sesuatu benda yang ada di dunia ini apabila ia sejuk maka ia mengecut kecuali air, kerana apabila air membeku ia memanjang dan apabila ia menjadi salji maka ia ringan. Dengan sebab itulah salji itu timbul di permukaan **air.** Ini adalah perkara yang diakui oleh kenyataan ilmiah dan percubaan eksperimen.

Berhadapan dengan hakikat ini, ada dua pendapat;

Pertamanya mengatakan bahawa gejala ini sudah sememangnya menjadi sifat dan hakikat air itu. Pendapat kedua pula mengatakan bahawa Allah telah mengurniakan air dengan sifat itu dengan kemurahan nikmat dan ketuhanannya yang sempura, supaya benda-benda yang ada di lopak-lopak dan di sungai-sungai dapat hidup. Sekiranya makhluk itu tidak diberi sifat-sifat sedemikian tadi, nescaya apabila air itu membeku maka jatuhlah ia ke bawah dan akhirnya lopak-lopak, sungai-sungai dan laut akan bertukar menjadi batu yang tiada didiami oleh makhluk yang hidup.

Fikirkanlah wahai saudara-saudara: Satu hakikat ditafsirkan oleh dua orang dengan dua cara tafsiran yang berlainan mengikut dua pendapat yang berlainan juga: Kedua-dua cara pentafsiran ini meninggalkan dua kesan yang berbeza dalam fikiran pembaca dan pelajar. Satunya membayangkan hakikat yang berlaku dan pada waktu yang sama ianya meninggalkan kesan akidah mentauhidkan Allah, hikmat dan ketuhanannya di dalam fikiran pelajar-pelajar.

Pentafsiran yang satu lagi membayangkan hakikat yang berlaku, tetapi dengan tafsiran ini orang perseorangan tidak dapat membayangkan konsep ketuhanan. Lebih jauh dari itu tafsiran ini juga membayangkan satu pendapat yang berbunyi: Sesungguhnya segala yang berlaku diatas dunia ini adalah berlaku dengan sendirinya tanpa campurtangan dari hikmat pencipta yang maha bijak dan ketuhanan Tuhan yang maha berkuasa.

Dan contoh tersebut itu hendaklah disedari bahawa salah satu dari dua cara mengajar ilmu-ilmu pengetahuan praktikal akan menghasilkan ulama-ulama kebendaan dan cara yang kedua pula akan menghasilkan ulama-ulama Islam.

Sebenarnya semua bahagian ilmu pengetahuan praktikal itu boleh menguatkan keimanan kepada Allah dalam hati manusia. Sebagai contoh, ambillah bahagian-bahagian ilmu tersebut, seperti fizik, kimia, phisiologi, bedah, biologi dan falak, maka saudara-saudara akan dapati ilmu-ilmu tersebut membentangkan hakikat-hakikat yang mengkagumkan dan mampu untuk menjadikan manusia itu benar-benar beriman dengan Allah. Tiada suatu yang lebih mampu menyuruh beriman dengan Allah selain daripada melalui hakikat-hakikat ilmu pengetahuan.

Inilah tanda-tanda atau bukti yang terang benderang yang selalu diisyaratkan oleh al-Quran dari masa ke semasa. Tetapi oleh kerana ulama kafir merakamkan hakikat-hakikat ini menurut pandangan mereka maka sebab itulah perkara ini menjadi tunggang balik. Sepatutnya ia menanamkan akidah tauhid kepada pelajar-pelajar, tapi ia telah bertukar kepada kebendaan dan mengingkari wujudnya Allah Taala di samping mentertawa dan mengejek-ngejekkan tanggapan yang mengatakan adanya Tuhan.

Saya mahu kerajaan-kerajaan Islam menyedari perbezaan antara dua aspek ini dan cuba menyelami rahsia persoalan ini. Kita tidak akan dikira sebagai orang-orang yang beriman dengan Allah dan Rasulnya sedangkan di pusat pengajian tinggi kita diajarkan ilmu yang mengingkari Allah, ilmu-ilmu kemasyarakatan yang kufur kepada pencipta yang maha agung dan falsafah yang enggan mengakui adanya Tuhan.

Sekiranya kita mahu kepada kehidupan bercorak Islam maka hendaklah kita segera menubuhkan satu badan yang bertugas mengubah kembali susunan struktur ilmu pengetahuan dan kesenian yang ada sekarang, menyusun buku-buku baru yang sistematik diterangkan di dalamnya ilmu pengetahuan dan sastra-sastra mengikut *konsep* Islam. Selagi kerja-kerja ini tidak selesai maka ugama dan akidah kita terancam dalam negeri-negeri kita sebagai negeri-negeri Islam.

Kewajipan kerajaan dalam pendidikan moral

Perkara kedua yang wajib saya beri ingatan kepada kerajaan ialah pentingnya mengambil berat tentang pendidikan moral atau akhlak. Sesungguhnya pendidikan ini sekalipun ianya diperlukan oleh badan pengajian tapi badan-badan yang menyediakan pegawai-pegawai kerajaanlah yang paling berhajat kepadanya, samada badan-badan itu khusus melatih tentera, anggota polis atau pegawai awam.

Adalah wajib diajarkan di institusi ini akhlak-akhlak dan kebudayaan Islam sebagai mata pelajaran wajib. Fikiran pelajar-pelajarnya hendaklah penuh dengan akidah-akidah Islam. Mereka hendaklah dididik dengan cara mematuhi hukum-hukum Islam. Segala unsur yang berbentuk fasik yang boleh mempermain-mainkan ugama di institusi ini hendaklah ditutup rapat-rapat. Inilah di antara perkara perkara yang boleh menegakkan negara dan menguatkan kewujudannya.

Kita sekarang hanya melatih seorang anggota polis dan kita menyangka apabila ia bernama Abdullah atau Abdul Rahman misalnya maka mestilah ia berugama Islam. Kita hanya melatihnya dari segi yang diperlukannya untuk menunaikan tugasnya sebagai seorang anggota polis. Kita langsung tidak merasa perlu untuk menjadikannya seorang polis yang Islam yang teguh imannya. Ini memberikan gambaran bahawa sistem latihan kita tidak berbeza dengan sistem latihan polis lain di dunia, bahkan sistem kita itu bulat-bulat tiruan dari sistem lain tadi.

Sistem ini akan mengakibatkan bahawa anggota polis itu akan tamat dari pusat latihan tanpa menghiasi dirinya dengan akhlak-akhlak Islam. Hanya sekadar yang boleh menjadikannya seorang yang layak menunaikan tugas-tugas penjaga keamanan, melainkan beberapa orang yang Tuhan kasihi saja yang

mempunyai akhlak Islam. Tetapi ini bukanlah hasil cara latihan kita, bahkan ia telah sedia berakhlak demikian atau pun ia dapati dari punca yang lain.

Oleh yang demikian tak usahlah saudara-saudara mengeluh jika ada di antara anggota polis kita yang terkena penyakit rasuah dan segala macam rupa jenayah dan skandal berlaku di bawah jagaan mereka serta merebaknya penyeludupan di bawah kawalan mereka, kerana saudara-saudara tidak pernah berusaha sedikitpun untuk menghiasi mereka dengan akhlak Islam yang mulia.

Pentingnya pendidikan ketenteraan di samping dasar-dasar Islam

Perkara yang berhubung dengan pendidikan corak ini di negeri-negeri Islam, jika saudara-saudara lihat sebilangan pejuang di tengah-tengah perjuangan mereka ini bersemarak dengan sifat kepahlawanan, semangatnya berkubar-kubar untuk berjihad, cinta kepada mati syahid kerana Allah dan persediaan yang bersungguh-sungguh dan menghairankan, semuanya ini bukanlah hasil dari pendidikan di pusat-pusat latihan mereka, tetapi sebenarnya berpunca dari asuhan ibu yang muslim yang telah menyematkan di hati pejuang-pejuang gagah itu nama Allah dan Rasulnya sejak pejuang-pejuang itu masih kecil lagi, ataupun berpunca dan masyarakat Islam yang masih lagi mempunyai warisan mulia yang meniupkan ke hati pejuang-pejuang itu makrifat kepadaTuhan, Rasulnya, perjuangan yang mulia, mati syahid kerana Allah dan menaburkan nilai-nilai keislaman ke dalam fikiran mereka yang kesemuanya ini tidak ada dalam sistem latihan kita sekarang.

Tetapi, jika kita teruskan usaha-usaha kita untuk merosakkan masyarakat Islam, maka sampai bilakah kekalnya kesan-kesan makrifat Islam yang mulia itu? Tidak syak lagi habuan generasi akan datang akan lebih berkurangan lagi. Ini ialah kerana gadis-gadis yang akan keluar dari pusat-pusat pengajian tinggi kita pada hari ini tidak dapat kita harapkan lagi untuk mendidik generasi akan datang dengan makrifat-makrifat ini serta nilai-nilai keislaman melainkan sebilangan kecil saja.

Ini disebabkan makrifat-makrifat dan nilai tersebut tidak akan tertanam di hati seseorang melainkan jika ia sentiasa melihat ibunya sembahyang, puasa dan membaca al-Quran dan sesiapa yang mendengar salah satu darinya maka ia akan teringatlah kepada Allah dan Rasulnya.

Ada pun ibu-ibu pada masa akan datang mereka tidak pernah menyebut melainkan nama-nama artis, penari, penyanyi, memberi komentar filem-filem baru, berbual-bual berkenaan hiburan dan permainan. Amatlah jarang salah seorang dari mereka itu melembutkan lidahnya dengan menyebut nama Allah dan Rasulnya.

Dengan keadaan begini bolehkah diharap dari mereka yang terdidik dengan cara ini untuk berjuang kerana Allah dan Rasulnya, sanggup pula mati kerana kedua-duanya dan mempunyai perasaan ingin berjihad yang ada pada setengah-setengah pemuda kita zaman sekarang yang telah memberangsangkan mereka dari masa ke masa untuk mencatit **sejarah** kepahlawanan dan pengorbanan yang gemilang.

Sesungguhnya apabila kita ingin menyediakan pemuda-pemuda yang sanggup menggadai nyawa dan harla kerana Islam, sanggup mati, senyum mempertahankan negeri Islam, sanggup mempertahankan peraturan hidup Islam maka tidak ada jalan lain selain dari memikirkan untuk mendidik mereka dengan pendidikan yang mengukuhkan iman di hati mereka dan menanamkan akidah dan akhlak untuk memberanikan mereka melakukan pengorbanan yang besar terhadap Allah mengikut tanggapan orang-orang Islam. Kesemuanya ini hendaklah diberikan dalam bentuk yang paling tinggi mutunya di samping latihan ketenteraan yang bermutu.

Inilah alat penangkis tunggal yang boleh melindungi kita dari musuh yang berganda-ganda lebih kuat dari kita, dan inilah kubu kuat yang melindungi kita dan membolehkan kita hidup mulia dalam dunia yang penuh dengan seteru-seteru yang sentiasa merancang untuk menghapuskan kita dari alam nyata ini. Muga-muga Allah tidak perkenankan usaha mereka.

Di akhirnya kita pohonkan doa kepada Allah Tuhan semesta 'alam.

Abul A'la Al-Maududi



Shahadatul Haq

Siri Tarbiyyah

Dakwah-INFO

Pendahuluan

Syahadah Al-Haq atau Pengakuan Sebenar Bahawa Tiada Tuhan yang Layak Disembah Selain Allah dan Muhammad Adalah Utusan Allah adalah suatu seruan yang dikemukakan oleh Sayyid Abu al-A'la al-Maududi dan ditujukan untuk seluruh manusia. Melalui seruan ini beliau menjelaskan kepada masyarakat tentang dakwah Islamiyyah. Di samping turut menampilkan pendekatan yang digunakannya bagi mengetengahkan keistimewaan dakwah ini dan membawa manusia berkongsi bersama segala keindahannya.

Dakwah ini dilakukan semata-mata kerana Allah dan rasulNya. Dakwah ini merupakan suatu risalah yang sesuai dengan keadaan dan persekitaran manusia. Dengan memahami hakikat ini mudah-mudahan manusia memahami tanggungjawab berat yang diletakkan di bahu mereka. Justeru terdorong untuk bekerja dengan lebih bersemangat dan produktif. Mudah-mudahan Islam mereka bukan lagi bersifat teori tanpa praktikal.

"Syahadah Al-Haq" bukan sekadar mengimani kewujudan Allah, malaikatNya, kitabNya, rasulNya dan hari akhirat. Malah tanggungjawab syahadah ini juga tidak cukup setakat mendirikan sembahyang, puasa, zakat dan haji. Syahadah ini hanya terlaksana apabila orang-orang yang beriman menyampaikan kalimah hak ke seluruh bangsa manusia dalam bentuk amal soleh, akhlak yang terpuji dan pemerintahan yang adil. Dengan kata lain mereka perlu menjelaskan ke seluruh alam, kebenaran yang bakal memimpin mereka menggunakan jalan yang lurus, cara yang betul dan amalan yang berkekalan. Manusia akan diberikan balasan berdasarkan amalan mereka. Mereka juga akan dihukum berdasarkan kejahatan dan amalan keji yang dilakukan mereka.

Dar al-Su'udiyyah Li al-Nasyr Wa al-Tauzi' amat berbesar hati kerana dapat memberi sumbangan dalam memperkayakan khazanah Islam melalui penerbitan buku ini. Semoga buku ini akan menjadi penyuluh menerangi jalan umat Islam. Semoga dengan adanya buku ini segala kejahatan dan kesesatan akan lenyap. Segala-galanya ini hanyalah kerana Allah.

Penerbit
Dar al-Su'udiyyah Li al-Nasyr Wa al-Tauzi'

Syahadah Al-Haq

(Ucapan ini disampaikan oleh al-Maududi, Pemimpin Jama'ah Islam, di dalam suatu majlis yang diadakan di Bandar Sayyal Kaut, salah sebuah bandar di Barat wilayah Punjab. Melalui ucapan ini al-Maududi menjelaskan erti dakwah Islamiyyah. Di samping menjelaskan kepada sidang hadirin pendekatan secara teori dan praktikal yang digunakan oleh Jama'ah Islam.)

Segala puji bagi Allah yang memiliki segala sifat-sifat sebagai pencipta dan pemerintah di alam semesta ini. Tuhan yang segala hukumnya terlaksana di langit dan di bumi. Semuanya terlaksana melalui kebijaksanaan dan qudratNya yang merangkumi sekalian yang ada, dengan rahmat dan ilmuNya. Dialah Allah

yang Maha Pencipta, Maha Esa dan Maha Tinggi yang mencipta manusia dan mengurniakan mereka segala kelebihan ilmu dan akal. Dialah yang menjadikan manusia sebagai khalifah di muka bumi. Dialah yang mengutus para utusan dari sisiNya bagi membimbing dan memimpin manusia ke arah jalan yang baik dan terpimpin. Dialah yang menurunkan kitab-kitab yang mengandungi hidayah, cahaya dan bimbingan untuk manusia yang bertakwa.

Selawat dan salam dihadiahkan kepada hamba-hamba Allah yang soleh dan terpilih yang diutus sebagai pembawa berita gembira dan bencana. Mereka diutus sebagai penunjuk jalan bagi manusia, menerangi jalan yang lurus dan menunjukkan jalan yang sejahtera dan adil bagi bangsa manusia. Mereka mengajar manusia tujuan mereka dicipta oleh Allah. Mereka mengajar manusia cara hidup yang baik dan betul di dunia ini. Segala cahaya hidayah dan akhlak baik yang anda lihat pada hari ini di muka bumi ini sebenarnya adalah hasil usaha mereka. Jika tidak kerana kurnia dan rahmat Allah yang telah mengutus para utusanNya kepada kita, jika tidak kerana usaha mereka yang berterusan dan berharga dalam mengembangkan dakwah dan hidayah ini, sudah tentu pada hari ini tidak wujud cahaya hidayah dan kerdipan bintang yang bersinar dan bergemerlapan di dada langit. Oleh itu, seluruh manusia terhutang budi dengan pengorbanan, kurniaan dan jasa mereka yang tidak terbayar walau betapa banyak balasan yang diberikan selama-lamanya.

Saudara! Sudah menjadi sebahagian daripada amalan kami untuk membahagikan setiap majlis dan perhimpunan kami kepada dua bentuk. Pertama, kami sebagai anggota Jama'ah Islamiyyah bermuzakarah dengan membentangkan segala kerja dan usaha yang telah kami lakukan. Kami berbincang tentang strategi dan langkah yang perlu kami ambil untuk mengembangkan dakwah. Kedua, kami jemput penduduk setempat di mana kami adakan perhimpunan. Melalui perhimpunan ini kami akan jelaskan kepada penduduk setempat tentang dakwah Islamiyyah. Kami juga akan jelaskan kepada mereka pendekatan yang kami pilih dan kami guna dalam usaha kami untuk menyebar dan mengembangkan keistimewaan dan kelebihan dakwah yang abadi ini.

Majlis yang tuan-tuan hadiri melalui jemputan anggota jama'ah ini merupakan bentuk kedua yang saya sebutkan tadi. Jadi sekarang ini kami ingin jelaskan kepada hadirin sekalian tentang dakwah yang kami laungkan kepada seluruh manusia, semoga semuanya beroleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Dakwah kami ini ditujukan kepada semua, baik buat mereka yang telah beriman dengan Allah dan rasulNya, juga buat mereka yang masih belum berpeluang untuk beriman. Kami tujukan dakwah ini kepada mereka semua semata-mata kerana Allah dan rasulNya. Kami tujukan risalah yang khusus untuk apa jua keadaan dan situasi mereka. Malangnya dalam majlis yang berbahagia ini tidak kelihatan golongan kedua yang saya nyatakan tadi. Semua ini disebabkan oleh kepincangan dasar yang telah diamalkan oleh raja dan pemerintah kita di dalam tempoh lapan kurun yang silam dalam menjalinkan hubungan dengan penduduk negeri ini. Mereka tidak melaksanakan dengan baik undang-undang Islam dalam konteks hubungan antara kaum. Mereka juga tidak memberikan layanan

sepertimana sepatutnya diberikan oleh seorang pendakwah dan penakluk kepada seorang ahli zimmi. Tidak sepertimana layanan yang pernah diberikan oleh generasi Arab dahulu kepada orang-orang bukan Islam di Iraq, Syam dan sebagainya yang tunduk di bawah kuasa mereka. Malah kita sendiri tidak boleh nafikan bahawa kita turut terlibat, kerana kita sendiri melayan mereka seolah-olah mereka adalah bangsa asing yang berbeza sama sekali dari segi darah, bahasa dan budaya. Tidak hairan jika Islam pada pandangan mereka adalah agama yang khusus untuk satu bangsa atau satu keturunan bukan satu agama untuk seluruh manusia. Kesannya, sebilangan besar hamba-hamba Allah terpinggir daripada dakwah yang benar ini. Mereka juga tidak bersedia untuk mendengar sesiapa sahaja yang ingin menyampaikan kepada mereka tentang risalah abadi yang telah didatangkan oleh Allah yang merupakan tuhan kita, tuhan mereka dan tuhan bagi segala-galanya. Mereka tidak bersedia mendengar risalah para rasul dan para nabi yang datang untuk membimbing kita dan juga mereka, menuju ke arah kejayaan dan kebahagiaan. Oleh itu saya berhasrat dalam ucapan saya ini saya akan tumpukan kepada beberapa aspek dakwah ini yang penting untuk dihayati oleh umat Islam.

Dakwah yang kita tujukan kepada umat Islam ialah mengajak mereka merasai tanggungjawab besar yang diletakkan di bahu mereka apabila mereka mendakwa mereka beriman dengan Allah dan hari akhirat, dan apabila mereka mengaku akur dengan segala perintah Allah dan rasulNya. Tidak mungkin mereka boleh berpeluk tubuh daripada memikul tanggungjawab ini dengan hanya mengaku beriman atau mendakwa diri mereka sebagai muslim. Hanya bergantung kepada pengakuan dan cakap kosong dalam hal ini tidak cukup. Sebenarnya apabila kamu mengakui Allah sebagai tuhan dan Islam sebagai agama kemudian kamu lafazkan syahadah yang sebenar (Pengakuan Bahawa Tiada Tuhan yang Layak Disembah Selain Allah dan Muhammad Adalah Utusan Allah), kamu sepatutnya merasai tanggungjawab yang perlu kamu laksanakan sebaik sahaja kamu melafazkan syahadah ini. Kamu juga perlu fikirkan apakah yang dapat kamu lakukan untuk menunaikan tugas penting ini. Jika kamu tidak laksanakan kewajipan kamu ini atau kamu tidak berusaha untuk melaksanakannya kamu sebenarnya menempah akibat buruk perbuatan kamu dan kamu akan rugi di dunia dan di akhirat.

Mungkin ada yang tertanya-tanya: Apakah tanggungjawab yang anda katakan boleh membawa akibat buruk jika diabaikan ini?
Suatu yang perlu anda sentiasa ingat ialah tanggungjawab besar ini tidak akan terlaksana dengan hanya kamu beriman dengan Allah, malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya dan hari akhirat. Tanggungjawab ini juga tidak tertunai dengan hanya kamu melaksanakan sembahyang, puasa, zakat dan haji sahaja. Malahan ia tidak cukup sekadar anda melaksanakan undang-undang syarak dalam urusan peribadi seperti perkahwinan, cerai atau pusaka kemudian anda boleh berpeluk tubuh tanpa menitiskan walau setitik peluh dan kamu tidur lena. Tidak, bukan demikian saudara. Ada satu tanggungjawab yang jauh lebih besar

dan lebih penting daripada semua itu. Sedarlah saudara. Tanggungjawab ini ialah kamu melaksanakan di hadapan seluruh alam ini segala hak Syahadah Al-Haq (Pengakuan Bahawa Tiada Tuhan yang Layak Disembah Selain Allah dan Muhammad Adalah Utusan Allah) yang kamu imani dan kamu akui sebagai agama kamu.

Kitab suci yang mulia telah mengingatkan kamu bahawa Allah Taala yang memiliki nama-nama yang suci telah meletakkan kamu sebagai satu ummah perantara. Malah Allah memilih kamu bukan umat-umat yang lain supaya kamu melaksanakan segala hak syahadah ini. Hak syahadah ini perlu dilaksanakan dengan cara kamu menyampaikan kalimah hak ini ke seluruh bangsa manusia, melalui amalan soleh yang kamu lakukan, melalui akhlak terpuji yang kamu miliki serta melalui pemerintahan kamu yang adil dan betul supaya pada hari di mana segala saksi bangkit menyatakan penyaksian mereka, semua manusia tunduk di bawah hujah Allah dan mereka tidak dapat menafikan bahawa dakwah para nabi dan kalimah hak ini telah sampai ke gegendang telinga mereka. Allah Taala berfirman:

Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Al-Baqarah: 143)
Kamu sendiri pun tahu apakah hukuman Allah buat mereka yang menyembunyikan syahadah ini ketika di dunia. Mudah-mudahan Allah menjauhkan kita daripada akibat buruk yang bakal mereka terima di akhirat kelak. Allah Taala sendiri berfirman:

Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyembunyikan keterangan (saksi dan bukti) yang telah diberikan Allah kepadanya? (Al-Baqarah: 140)
Lihatlah kaum Yahudi yang telah dianugerahkan takhta syahadah ini sebelum kamu. Malangnya ada kala mereka menyembunyikan syahadah ini dan ada kalanya mereka mengakui kebenaran syahadah ini, menurut kemahuan mereka yang berniat jahat. Malahan mereka tenggelam dalam kezaliman. Akhirnya segala amalan dan syahadah mereka digunakan bagi menegakkan kepalsuan dan menidakkan kebenaran. Justeru itu mereka layak menerima laknat selama-lamanya. Oleh itu mereka ditimpa kehinaan dan kepapaan, dan sudah sepatutnya mereka menerima kemurkaan Allah sebagaimana dinyatakan sendiri oleh wahyu Allah.

Maksud syahadah (Pengakuan Bahawa Tiada Tuhan yang Layak Disembah Selain Allah dan Muhammad Adalah Utusan Allah) yang diletakkan ke bahu kamu selepas ketiadaan Nabi Muhammad s.a.w. ini ialah kamu menjelaskan kepada seluruh manusia tentang kebenaran yang nyata ini dan kamu bimbing mereka untuk melalui satu-satunya jalan yang menghubungkan mereka ke arah

kebahagiaan di dunia dan akhirat. Kamu tunjukkan kepada mereka pendekatan sebenar yang telah ditunjukkan oleh Allah, kamu tunjukkan segala petunjuk dan arahtujunya yang merupakan satu-satunya pendekatan yang betul dan diredai oleh Allah. Satu-satunya pendekatan yang akan membawa kebahagiaan kepada seluruh manusia.

Jadi maksud sebenar di sebalik syahadah (Pengakuan Bahawa Tiada Tuhan yang Layak Disembah Selain Allah dan Muhammad Adalah Utusan Allah) yang perlu kamu paparkan kepada seluruh manusia ialah kamu buktikan bahawa kebenaran yang jelas nyata dan pendekatan yang sahih ini adalah benar dan terbukti kukuh sehingga ia boleh menjadi hujah untuk Allah menghukum hamba-hambaNya. Suatu perkara yang jelas nyata ialah para nabi dan para rasul hanya diutus untuk menyampaikan syahadah ini. Sudah tentu tanggungjawab ini menjadi kewajipan mereka. Setelah itu, selepas ketiadaan mereka tanggungjawab ini diwajibkan pula kepada orang-orang yang mengimani dan akur dengan risalah dan perintah mereka. Pada hari ini tanggungjawab syahadah dipikul pula oleh seluruh umat Islam yang beriman dengan risalah Muhammad s.a.w.. Tanggungjawab ini kini menjadi tanggungjawab mereka semua yang suatu ketika dahulu ia menjadi kewajipan pembawa risalah ini, Nabi Muhammad s.a.w. ketika hayatnya.

Saudara-saudara sudah pasti memahami betapa penting dan besarnya peranan syahadah ini. Segala undang-undang yang Allah gubal dan berkaitan dengan balasan dan hukuman kepada amalan dan kesalahan manusia sebenarnya berlandaskan dan berteraskan kepada syahadah ini. Sudah tentu Allah yang Maha Bijaksana dan Maha Pengasih akan melaksanakan segala sesuatu dengan adil. Sudah tentu dengan kebijaksanaan, rahmat dan adilNya, Allah tidak akan menghukum manusia apabila mereka tergelincir daripada landasan hidup sebenar sedangkan mereka tidak pernah mengetahui jalan yang boleh memimpin mereka ke arah kebaikan atau jalan yang menyelamatkan mereka daripada dosa, sedangkan mereka tidak mengetahui jalan sebenar yang dapat mengangkat martabat mereka ke arah insan yang sempurna. Tidak mungkin ini akan dilakukan oleh tuhan yang Maha Mulia, tuhan yang menyifatkan dirinya sendiri sebagai pengasih, pengampun dan pemurah dalam banyak ayat yang disebutkan di dalam Kitab suci yang mulia. Tidak mungkin ini akan dilakukan oleh tuhan yang memiliki segala sifat pengasih dan pengampun, malah turut memuji diriNya sendiri namun kemudian Dia menghukum hamba-hambaNya walaupun mereka tidak pernah diberitahu atau diberi amaran oleh para rasul atau para nabi atau para hamba-hambaNya yang soleh. Kerana itulah pada mulanya Allah mencipta seorang nabi yang mulia, kemudian Allah utuskan pula beberapa orang nabi membawa berita gembira dan bencana. Ini diikuti pula dengan pengutusan utusan demi utusan kepada generasi demi generasi. Kisah mereka ini ada yang diceritakan oleh Allah dan ada yang tidak diceritakan. Malah hanya Allah sahaja yang mengetahui jumlah mereka. Tujuan Allah mengutuskan para rasul ini adalah untuk mengajar bangsa manusia cara hidup sebenar yang diredai oleh Allah dalam mengharungi hidup di dunia ini. Para rasul ini memimpin manusia

supaya mereka melalui jalan yang akan membawa mereka memperolehi keradaan Allah dan anugerahnya yang agung. Para rasul ini menjelaskan kepada manusia segala selok-belok hidup ini yang akan membawa mereka lebih dekat kepada Allah dan kepada rahmatNya serta menikmati segala limpah kurniaNya. Agar mereka mengingatkan manusia tentang amalan-amalan yang perlu mereka hindar dan akan menyebabkan mereka dihukum oleh Allah di akhirat kelak. Ini dinyatakan sendiri oleh Allah di dalam KitabNya:

Rasul-rasul (yang Kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat), supaya tidak ada bagi manusia sesuatu hujah (atau sebarang alasan untuk berdalih pada hari kiamat kelak) terhadap Allah sesudah mengutuskan Rasul-rasul itu. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Al-Nisa': 165)

Semua ini menjelaskan apa yang saya nyatakan tadi bahawa syahadah yang Allah perintahkan ini sebenarnya bertujuan mematahkan segala hujah manusia yang bakal digunakan di hadapan Allah kelak. Agar tiada ruang lagi untuk manusia membuat alasan selepas mereka menerima seruan para nabi. Tiada alasan untuk mereka berkata: Kami tidak pernah diberitahu tentang perkara ini. Jadi tidak ada sebab untuk kami dihukum kerana melakukan apa yang kami tidak tahu mana yang baik dan mana yang tidak, mana yang elok mana yang buruk.

Demikianlah Allah letakkan tanggungjawab ini kepada para rasul yang telah dipilih untuk menyampaikan risalahNya dan memastikan syahadah ini sampai kepada hamba-hambaNya. Jadi para rasul terpaksa berhadapan dengan segala tanggungjawab ini. Mereka menyebarkan risalah ini sebaik-baiknya dan mereka laksanakan segala tanggungjawab ini dengan penuh kesungguhan, kesabaran dan ketabahan tanpa mengenal erti penat lelah, dengan memberitahu bahawa seluruh manusia akan diberikan ganjaran berdasarkan amalan mereka dan akan diberikan hukuman berdasarkan kejahatan dan kelakuan buruk mereka.

Jika sebaliknya, iaitu jika para nabi ini tidak menjalankan tugas mereka, maka merekalah yang akan dihukum oleh Allah kerana kesesatan dan kejahatan manusia. Dengan kata lain, para rasul terpaksa berhadapan dengan dua pilihan. Sama ada mereka melaksanakan segala kewajipan syahadah ini dengan cara yang terbaik dan memastikan hujah Allah mengatasi hujah manusia. Atau kecuaian mereka akan dijadikan alasan oleh manusia di hadapan Allah kelak bahawa mereka tidak menyampaikan kalimah hak yang telah diamanahkan kepada mereka dan mereka tidak memimpin manusia sebangsa mereka menuju jalan hidup yang sebenar yang telah dinyatakan oleh kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka. Kita dapat lihat sendiri betapa para nabi amat merasai betapa beratnya amanah ini. Oleh itu mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan tanggungjawab syahadah ini dan menyampaikan risalah mereka. Mereka habiskan segala tenaga mereka untuk melakukan sesuatu yang tidak mungkin dapat dilakukan oleh manusia biasa. Akhirnya mereka berjaya

melaksanakan tanggungjawab mereka dan memastikan hujah Allah mengatasi hujah manusia tanpa memberi ruang kepada manusia zalim dan takbur yang enggan menerima dakwah dan menentang ayat-ayat Allah serta hari akhirat, untuk mereka memberi alasan di hadapan Allah yang Maha Kuasa di hari akhirat kelak di hari di mana Allah katakan kepada mereka:

Ini ialah hari memutuskan hukum untuk memberi balasan yang dahulu kamu mendustakannya. (Al-Saffaat: 21)
Seterusnya, orang-orang yang menerima dakwah melalui para utusan Allah ini, orang-orang yang memahami jalan yang benar seperti yang diajar oleh para nabi a.s., Allah pilih pula mereka untuk mewarisi tanggungjawab ini (tanggungjawab syahadah ini) dan mengambil alih peranan para nabi bagi memikul tanggungjawab ini. Mereka ini akan bertanggungjawab di hadapan Allah dan di hadapan manusia di bumiNya. Apabila mereka melaksanakan tanggungjawab syahadah ini dengan bersungguh-sungguh mereka akan menerima ganjaran daripada Allah, tidak kira sama ada manusia menerima atau menolak dakwah mereka. Allah akan memberi ganjaran kepada manusia berdasarkan kebaikan yang telah mereka amalkan dan Allah akan hukum mereka berdasarkan kejahatan dan amalan buruk mereka. Namun jika mereka cuai dalam melaksanakan tanggungjawab ini atau bertindak zalim dengan memutar belitkan kebenaran sehingga yang benar menjadi palsu dan palsu menjadi benar, nescaya Allah akan menghukum mereka terlebih dahulu daripada orang lain kerana kecuaian dan pendustaan mereka. Allah bukan sahaja akan hukum mereka kerana apa yang mereka lakukan malah Allah akan hukum mereka kerana apa yang dilakukan oleh orang lain yang sesat akibat kecuaian mereka tidak melaksanakan tanggungjawab mereka atau akibat tindakan mereka yang mengubah jalan yang benar melalui syahadah dusta mereka.

Sidang hadirin sekalian, inilah dia tanggungjawab syahadah yang telah diwajibkan kepada kita semua, kepada orang-orang yang mengaku sebagai ummah Islam, orang-orang yang memiliki Kitab Allah dan orang-orang yang menerima hidayah melalui perantaraan para nabi dan nabi yang terakhir, nabi yang buta huruf dan berbangsa Arab.

Pembahagian Syahadah
Kini marilah kita bersama-sama melihat apakah jalan yang sebenar bagi melaksanakan tanggungjawab syahadah ini? Saudara, syahadah ini wujud dalam dua bentuk iaitu dalam bentuk perkataan dan perbuatan.
Syahadah Perkataan
Syahadah dalam bentuk perkataan ialah kita menjelaskan kepada seluruh manusia tentang kebenaran yang telah disampaikan kepada kita melalui perantaraan para nabi dan para rasul. Kita jelaskan kepada mereka menggunakan lisan dan pena atau apa sahaja cara dakwah dan sebaran menggunakan media cetak atau radio atau apa sahaja ciptaan manusia di kurun ke dua puluh ini yang boleh kita manfaatkan. Kita boleh gunakan segala cara ini dengan bantuan segala

ilmu, teknik dan teori yang lama dan moden yang telah dihasilkan melalui kajian dan analisa manusia. Setelah itu kita kemukakan dakwah ini kepada seluruh manusia. Kita perkenalkan agama yang telah Allah pilih sebagai agama (cara hidup yang lengkap) untuk seluruh manusia. Kita huraikan kepada seluruh manusia tentang ajaran agama yang benar ini. Kita bentangkan kepada mereka tentang ajaran dan pedoman agama ini dengan tujuan mengajar manusia seluruh sistem hidup ini yang terdiri daripada akidah, prinsip, akhlak, tamadun, kehidupan bermasyarakat termasuk semua undang-undang dan langkah-langkah berbentuk amali dalam aspek ekonomi, urusniaga, kehakiman, undang-undang dalam negeri, dasar am, pentadbiran dan semua perkara yang membabitkan masalah yang dihadapi oleh manusia dalam kehidupan mereka. Kita bentangkan semua perkara ini dengan disokong oleh hujah dan bukti. Kita buktikan bahawa semua ini adalah betul dan tepat berdasarkan keterangan dan bukti. Di samping itu, kita mengkritik segala teori dan ideologi yang bercanggah dengan kebenaran ini dengan kritikan yang jujur berlandaskan teori-teori ilmu dan kajian agar tidak timbul lagi sebarang keraguan dan segala kebenaran akan jelas terpampang.

Namun demikian perlu diingat syahadah dalam bentuk perkataan ini tidak akan dapat direalisasikan atau dapat terlaksana melainkan jika seluruh umat ini saling bekerjasama merealisasikannya. Seluruh umat ini mestilah bergabung untuk membimbing seluruh manusia dan memimpin mereka dan menjadikan kebenaran ini sebagai matlamat hidup mereka, menjadikan kebenaran ini satu-satunya tumpuan yang tidak pernah lekang daripada ingatan mereka seperti yang telah dilakukan oleh para nabi ketika melaksanakan tanggungjawab mereka yang tidak pernah alpa untuk membimbing manusia walau sekelip mata. Dalam melaksanakan kewajipan ini adalah perlu langkah ini menjadi paksi yang memusatkan seluruh usaha dan seluruh tindak-tanduk kita. Langkah ini perlu menjadi fokus yang menggemblengkan seluruh kekuatan moral, fizikal dan material yang kita miliki. Langkah ini juga perlu menjadi objektif atau matlamat utama kita dalam apa jua kerja dan usaha yang kita lakukan. Namun jika wujud di kalangan kita mereka yang dengan jelas melaungkan kesesatan dan menentang kebenaran, ia merupakan suatu keadaan yang tidak dapat diterima oleh sebuah masyarakat yang menjadikan Syahadah Al-Haq ini sebagai satu-satunya fokus dan tumpuan mereka, jika benar masyarakat itu jujur dengan dakwaan mereka.

Syahadah Perbuatan

Syahadah dalam bentuk perbuatan pula bermaksud kehidupan seharian kita mestilah menjadi cermin yang membiaskan dasar dan prinsip yang kita yakini dan kita laungkan. Dalam melaksanakan kewajipan ini sebenarnya ia tidak cukup dengan hanya kita memperdengarkannya kepada manusia dan menyebutnya dengan memuji serta mengagung-agungkannya. Sebenarnya apa yang dapat mempengaruhi dan memikat jiwa manusia ialah apabila mereka melihat dengan mata mereka sendiri kebaikan ajaran agama ini yang sering kita perkatakan dan kita tonjolkan melalui perbuatan kita sepanjang hidup kita. Apa yang dapat menarik manusia supaya menerima dakwah ini ialah apabila mereka dapat rasakan melalui pergaulan mereka dengan kita, suatu nilai akhlak dan amanah

yang disemai oleh iman di dalam hati pemiliknya. Nilai-nilai ini akan membesar dan membuahkan hasil. Mereka dapat melihat sendiri dengan mata mereka contoh-contoh manusia soleh yang dilahir dan dididik oleh agama ini. Mereka dapat melihat sebuah masyarakat yang adil dan melaksanakan segala prinsip agama ini. Inilah caranya bagaimana manusia akan tertarik untuk berada di bawah bumbung agama yang benar ini. Mereka akan bernaung di bawah satu panji jika mereka dapat melihat sebuah masyarakat yang soleh dan suatu budaya yang murni terpampang di hadapan mata mereka. Mereka dapat lihat bagaimana elemen budaya, ilmu dan seni berkembang di dalam persekitaran masyarakat ini dengan berlandaskan prinsip Islam yang sejati dan abadi. Mereka dapat melihat bagaimana wujudnya suatu sistem ekonomi yang adil dan bersih daripada segala percakaran dan manipulasi yang kejam. Malahan manusia secara semulajadinya akan tertarik untuk berada di bawah lembayung agama ini apabila mereka melihat sendiri bagaimana masyarakat yang berada di bawah naungan lembayung ini (lembayung agama). Di mana setiap sudut hidup mereka baik bersifat individu mahupun masyarakat semuanya berlandaskan akhlak yang mulia dan membawa kebaikan untuk seluruh bangsa manusia.

Inilah yang dikatakan sebagai syahadah dalam bentuk perbuatan dan inilah ciri-cirinya. Jelas di sini, syahadah ini tidak mungkin dapat dilaksanakan melainkan setelah kita, sebagai individu atau masyarakat menjadikan diri kita sebagai contoh yang jelas kepada agama kebenaran yang kita laungkan ini, dalam bentuk perbuatan, dalam bentuk yang dapat dilihat kesannya dalam dunia realiti. Ini dapat dilakukan apabila amalan setiap individu ummah ini menjadi saksi kepada kebenaran dakwah ini dan akhlak mereka menjadi saksi kepada kemurnian dakwah ini. Setiap rumah kita diwarnai oleh ajaran agama yang agung ini. Setiap gedung perniagaan dan setiap kilang kita disinari sinar hidayahnya. Setiap sekolah dan setiap institusi pengajiannya diterangi oleh cahayanya yang bergemerlapan. Setiap hasil sastera dan setiap akhbar kita menjadi wacana yang mengungkapkan keindahannya dan menjadi lidah yang mematikan hujah sesiapa sahaja yang cuba menolak kebenarannya. Demikian juga dengan dasar negara dan budaya masyarakat kita, seluruhnya menjadi contoh jelas kepada jalan lurus yang kita lalui, jalan yang kita mahu supaya seluruh manusia melaluinya dan bersama dengan prinsipnya.

Ringkasnya, sesiapa sahaja yang bergaul dengan kita baik individu mahupun masyarakat, sesiapa sahaja yang berurusan dengan kita dalam apa jua sudut akan mendapati setiap tingkah laku dan tindakan kita baik yang lahir daripada individu mahupun daripada masyarakat akan menjadi contoh dan saksi bahawa segala prinsip yang kita laungkan sebagai suatu yang benar dan disokong oleh kitab dan wahyu ini sememangnya benar dalam realiti hidup. Kehidupan manusia juga akan berubah menjadi lebih baik dan bertamadun apabila prinsip ini diamalkan dan menjadi landasan hidup mereka.

Namun jangan kita rasakan syahadah dalam bentuk perbuatan ini sudah cukup menandakan kita telah melaksanakan segala tanggungjawab kita dan kita mampu berhadapan dengan Allah di akhirat kelak. Tidak, sebenarnya syahadah ini tidak akan lengkap dan tidak akan terhasil melainkan setelah terbentuknya sebuah negara yang tertegak berlandaskan prinsip yang abadi seperti yang dinyatakan secara jelas oleh agama ini. Sebuah negara yang meletakkan usaha memartabatkan agama ini sebagai matlamatnya. Sebuah negara yang menjadikan pelaksanaan syariah Allah sebagai objektif dan misi utamanya. Sebuah negara yang merealisasikan sebuah negara Islam yang diimpikan. Di mana negara dan rakyatnya ditadbir dengan berlandaskan dasar yang adil, bersepadu dan bersumberkan seluruh teras agama. Malah negara Islam ini dapat dilihat melalui nilainya yang adil, dasar-dasar pembaharuannya, corak pentadbirannya, keamanan dan keharmonian yang diberikan kepada rakyatnya, langkah-langkah pemulihan yang dijalankannya, akhlak mereka yang terlibat dalam pentadbirannya, keteguhannya berpegang kepada kebenaran, kejujuran, amanah dan bersih dalam dasar yang dilaksanakan di dalam dan luar negara, dalam menentukan status aman dan perang. Semua suasana ini dapat dilihat dalam negara ini hingga menyebabkan semua lapisan masyarakat akan bersuara: "Demi sesungguhnya, agama yang dapat membentuk dan membangunkan sebuah negara seperti ini sudah tentu agama yang pasti akan membawa kebahagiaan kepada seluruh manusia dan membawa penganutnya ke arah kejayaan di dunia dan di akhirat." Apabila syahadah seperti ini digabungkan dengan syahadah dalam bentuk perkataan, sudah tentu hujah Allah mengatasi hujah manusia. Ketika itu kita tidak akan dipersoalkan lagi tentang tanggungjawab yang telah diletakkan di bahu umat Islam. Ketika itu, umat ini boleh bersuara mengikuti jejak Rasulullah s.a.w. di hadapan Allah, Pemilik yang Maha Kuasa, Maha Suci segala namaNya: "Kami telah sampaikan kepada seluruh penduduk bumi ini apa yang telah disampaikan kepada kami, tanpa mengenal erti penat lelah. Kami tidak bertanggung jawab terhadap mereka yang masih tidak mahu menerima kalimah hak dan enggan mengikut cara hidup sebenar yang diredai oleh Allah. Mereka sebenarnya menzalimi diri sendiri dan mereka menurut jalan yang sesat kerana kezaliman dan keangkuhan mereka sendiri."

Syahadah dan Realiti Ummah

Syahadah dalam bentuk perkataan dan perbuatan yang perlu kita laksanakan ini adalah semata-mata kerana kedudukan kita sebagai orang Islam dan orang yang beriman dengan Allah, orang yang bangga dengan Islam dan iman. Saudara, marilah bersama saya untuk melihat dengan lebih mendalam, apakah kita benar-benar telah melaksanakan tanggungjawab yang besar ini? Kita mulakan dengan syahadah dalam bentuk perkataan. Jika anda perhatikan keadaan umat Islam hari ini dan anda paparkan akhlak dan tingkah laku mereka, anda pasti akan dapati bahawa mereka yang mengaku sebagai Islam melalui lidah dan pena mereka, sama ada sebagai individu atau sebagai sebuah masyarakat sebenarnya amat sedikit. Sementara mereka yang benar-benar melaksanakan tanggungjawab syahadah ini seperti yang diperintahkan oleh Allah dan rasulNya boleh dibilang

dengan jari. Jika anda kecualikan jumlah yang sedikit ini anda akan lihat umat Islam yang mengaku sebagai Islam melalui lidah mereka sebenarnya telah mencemar nama baik agama ini di hadapan jiran mereka yang berlainan agama dan negara kerana akhlak mereka yang buruk dan tingkah laku mereka yang tidak senonoh.

Jika anda mahu melihat lebih mendalam sila perhatikan umat Islam yang memiliki tanah. Mereka ini mengakui bahawa undang-undang pusaka yang digubal oleh Allah di dalam kitabNya merupakan suatu undang-undang yang tidak berguna sebaliknya amalan jahiliyyah yang mereka warisi daripada nenek moyang mereka lebih sesuai dan lebih baik untuk diamalkan. Sila lihat pula para hakim dan peguam yang hari-hari mengakui bahawa undang-undang Islam adalah tidak betul dan tidak perlu dilaksanakan. Menurut mereka teori asas syariat Islam iaitu yang diturunkan oleh Allah, pada asasnya adalah tidak betul. Menurut mereka lagi, undang-undang manusia yang digubal oleh manusia seperti kita ini lebih sesuai untuk diamalkan dan dilaksanakan dalam setiap urusan. Begitulah juga apabila anda perhatikan apa yang berlaku di peringkat universiti, kolej dan institusi pengajian termasuk pentadbir dan pensyarah-pensyarahnya, mereka mengakui bahawa segala teori yang dihasilkan oleh ilmuwan Eropah dalam bidang falsafah, sejarah, sains, ekonomi, politik, undang-undang, akhlak dan segala teori yang lahir daripada fahaman materialisme Eropah lebih dianggap logik dan disokong oleh kajian sains. Sementara pandangan Islam dalam bidang ilmu dan teori-teori tersebut tidak langsung diambil kira oleh para pensyarah dan profesor universiti kita. Demikian juga apabila anda perhatikan pengakuan para sasterawan melalui hasil karya mereka atau hasil pemikiran mereka yang menunjukkan mereka tidak mempunyai nilai sastera atau budaya tersendiri yang dapat mempengaruhi dan mencorak hasil sastera mereka melainkan pengaruh yang dibawa oleh sasterawan Inggeris, Perancis dan Rusia. Bagi mereka idea Islam yang selama ini melimpah ruah telah kering kontang. Alangkah dahsyatnya pengakuan ini. Mudah-mudahan Allah memelihara kita daripada akibat buruk semua ini.

Dalam masa yang sama akhbar dan majalah kita juga menyerupai akhbar dan majalah bukan Islam. Segala isu, kandungan dan dakyahnya tidak jauh berbeza. Selepas itu sila lihat para peniaga dan pengusaha, sepanjang siang dan malam melalui cara dan kaedah urusniaga yang mereka jalankan menunjukkan mereka mengakui bahawa undang-undang yang disyariatkan oleh Islam seperti kontrak, jual beli dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam bagi urusniaga yang dijalankan di pasar dan premis perniagaan adalah suatu yang mustahil untuk dilaksanakan pada hari ini. Tidak ada cara lain bagi para peniaga dan para pengusaha yang menjalankan urusniaga di premis perniagaan kecuali menggunakan cara yang salah yang digunakan oleh orang yang tidak berpegang dengan agama yang benar, mereka yang tidak beriman dengan Allah dan hari akhirat. Sementara itu, para pemimpin kita dan juga mereka yang menentukan polisi ummah ini pula hanya memahami semangat kebangsaan atau semangat

perkauman. Cara dan kaedah yang digunakan dalam menyelesaikan sesuatu isu nasional atau isu yang berkaitan dengan perlembagaan dan dasar sama sepertimana yang digunakan oleh orang-orang kafir. Malah mereka dengan jelas menyatakan bahawa Islam tidak mempunyai apa-apa yang boleh dijadikan sebagai panduan atau cahaya yang dapat menerangi sebarang krisis antarabangsa berkaitan dengan perlembagaan dan dasar-dasar penting. Dalam masa yang sama, rakyat atau golongan majoriti ummah pula secara zahir membuat pengakuan melalui lidah mereka bahawa tumpuan mereka hanya berlegar sekitar soal keduniaan. Seolah-olah mereka tidak pernah dikurniakan oleh Allah sebarang agama yang boleh menjadi bahan perbualan mereka atau boleh mengisi masa mereka untuk mereka bincangkan. Inilah pengakuan lisan yang dilakukan oleh umat Islam hari ini di negeri kita ini dan di seluruh tempat di muka bumi ini. Syahadah dalam bentuk perbuatan pula lebih buruk dan lebih dahsyat mencemar kesucian Islam. Kita tidak nafikan bahawa umat ini masih mempunyai beberapa orang tokoh yang baik. Orang-orang yang mempamerkan ajaran dan keindahan Islam dalam seluruh cara hidup, akhlak dan pergaulan mereka. Namun jumlah mereka ini terlalu kecil. Sementara majoriti umat ini pula masih belum keluar malah masih terus menerus terjun ke dalam lembah kehinaan. Apa yang jelas melalui peribadi umat Islam dan melalui akhlak mereka menunjukkan bahawa orang-orang yang terdidik dan membesar dalam asuhan Islam tidak berbeza sama sekali dari segi akhlak dan peribadinya dengan orang-orang yang membesar dan dididik oleh jahiliyyah. Mereka tidak jauh berbeza dari segi tingkah laku. Mereka juga tidak jauh berbeza dari segi adab dan amanah mereka. Malah apa yang lebih menyedihkan ialah orang-orang yang terdidik dan membesar dalam asuhan Islam ini lebih dahsyat dan lebih teruk melakukan maksiat dan kesalahan berbanding orang-orang kafir masakini. Orang Islam di zaman kita ini, walaupun hati saya hancur luluh sedih untuk menyatakan perkara ini, namun hakikatnya mereka boleh melakukan pembohongan, penipuan, penindasan dan penyelewengan. Mereka juga mampu untuk melanggar batas iman mereka. Mereka boleh mencuri, merompak, menyerang, merampas harta dan membuat huru-hara. Mereka tidak malu untuk membuat maksiat, melakukan angkara yang keji dan hina. Keadaan mereka sama sahaja dengan penganut-penganut agama-agama lain yang bertaburan di seluruh muka bumi ini. Kejahatan mereka sama sahaja. Malah tidak cukup setakat itu sahaja, seluruh cara pergaulan kita, makan kita, minum kita, keramaian kita, adat resam kita bersama keluarga dan dalam majlis perkahwinan, majlis kematian, perayaan kita, perhimpunan kita dan perarakan kita, semuanya menurut acuan jahiliyyah tradisi dan moden, bercampur aduk. Cuba sebutkan, adakah anda lihat apa-apa yang boleh melambangkan adab-adab dan akhlak Islam seperti yang diajar oleh pembimbing dan pemimpin kita, Nabi Muhammad s.a.w.?

Ringkasnya, setiap sudut kehidupan masyarakat kita bercanggah sama sekali dengan Islam. Malah seluruh manusia dan seluruh alam ini telah membuat kesimpulan bahawa penganut Islam sendiri lebih memilih jahiliyyah berbanding Islam, agama sebenar yang menyebabkan mereka lebih dimuliakan oleh Allah

berbanding manusia lain. Adakah pada pandangan kamu mereka telah membuat kesimpulan yang silap mengenai cara hidup kita dan tindakan kita ini? Tidak mungkin kita mengatakan mereka silap, sedangkan kita memang menurut segala langkah jahiliyyah. Kita sendiri meniru segala budaya barat dan terpengaruh dengan kehebatan mereka. Malah apabila kita mahu dirikan sebuah sekolah atau sebuah kolej kita akan rujuk segala ilmu dan sukatan pelajarannya daripada orang-orang yang kufur dengan Allah dan rasulNya. Apabila kita mahu menubuhkan sesuatu pertubuhan, kita akan letakkan segala matlamat, peraturan asas dan rangka kerjanya sama seperti pertubuhan orang-orang kafir, sama tiada bezanya. Apabila seluruh ummah bangkit melaksanakan satu usaha yang penting atau bangun dengan suatu langkah atau mara dalam arena perjuangan politik, segala tuntutan, cara perjuangan, dasar, pendekatan, resolusi, ucapan dan kenyataan mereka tidak ubah seperti yang ditunjukkan oleh bangsa kafir ketika berhadapan dengan situasi dan suasana yang sama. Ummah ini akan menurut setiap jejak dan langkah mereka. Alangkah sedihnya melihat keadaan negara Islam yang menikmati kemerdekaan atau autonomi, negara-negara yang dipimpin oleh orang-orang yang menganut agama Islam namun negara-negara ini mengamalkan dasar negara bukan Islam. Negara ini mencedok undang-undang dan perlembagaan mereka daripada undang-undang kerajaan bukan Islam. Malah ada di antara negara Islam ini yang menyempitkan skop syariat Allah hanya dalam ruang lingkup undang-undang kekeluargaan. Ada juga negara Islam yang bertindak lebih jauh dengan meminda undang-undang kekeluargaan ini mengikut selera mereka. Kelemahan ini telah disedari oleh musuh ketat kita. Mereka menyedari sebahagian undang-undang yang diamalkan oleh kerajaan kita yang dilabelkan sebagai Islam itu sendiri bercanggah dengan asas agama yang sebenar dan bertentangan sama sekali dengan konsep syariat Islam yang bertoleransi. Baru-baru ini, seorang yang bernama Lawrance Browne, menulis sebuah buku yang bertajuk The Prospects of Islam dengan tujuan memburuk-burukkan umat Islam amnya dan umat Islam India khasnya. Buku ini mengetengahkan kepada para pembaca di Timur dan Barat tentang sikap umat Islam yang menolak undang-undang mereka sendiri dan membelakangkan sendiri cara hidup mereka yang mereka dakwa wajib diamalkan. Di sini dinyatakan apa yang ditulis oleh penulis tersebut dalam soal ini. Mudah-mudah ia menjadi pengajaran dan peringatan kepada mereka yang masih prihatin atau masih boleh mendengar dan melihat.

"Kita telah memansuhkan undang-undang jenayah dan sivil Islam di India kerana kita merasakan undang-undang ini adalah undang-undang zaman purba yang tidak lagi boleh diguna pakai di zaman ini. Cuma untuk umat Islam kita masih kekalkan undang-undang kekeluargaan (Personal Law). Tindakan kita ini telah menyebabkan ummat Islam merasa disakiti, kerana tindakan ini meletakkan umat Islam setaraf dengan ahli zimmi dalam sebuah negara Islam dalam abad sebelum ini. Apabila masa berlalu dan keadaan berubah, umat Islam India bukan sahaja selesa dengan undang-undang ini malah beberapa kerajaan Islam yang lain telah mengikut jejak langkah kita. Ada di antara kerajaan Islam ini seperti Turki

dan Albania telah melakukan sedikit pindaan kepada undang-undang perkahwinan, cerai dan pusaka hingga meletakkan undang-undang mereka setanding dengan undang-undang kita. Tindakan seperti ini telah mendedahkan kita kepada suatu hakikat yang sering dinafikan oleh umat Islam iaitu akidah umat Islam yang menyatakan bahawa syariat Islam ini bersumberkan wahyu Ilahi atau kitab yang diturunkan daripada langit tidak lain hanyalah kisah khayalan atau mitos sahaja." Inilah yang dinyatakan oleh penulis tersebut.

Inilah pengakuan dalam bentuk perbuatan yang telah ditunjukkan oleh seluruh umat Islam di seluruh rantau dan negara Islam. Walau apa sekalipun yang kita ucapkan atau apapun dakwaan yang kita kemukakan tentang Islam dan iman kita namun ia sebenarnya masih belum cukup untuk menjadi daya penggerak atau untuk menolak segala penyelewengan ini. Sebabnya, seluruh amalan kita tidak ragu-ragu lagi membuktikan bahawa amalan harian kita tidak memberi apa-apa sumbangan kepada agama dan ajaran agama ini. Malah kerajaan kita dan mereka yang bertanggungjawab secara khusus mahupun umum, semuanya melihat bahawa undang-undang dan syariat Islam ini tidak membawa apa-apa kebaikan kepada mereka. Mereka tidak merasakan dengan melaksanakan undang-undang ini akan membuka laluan mereka untuk memperolehi kejayaan.

Inilah sebenarnya yang ditonjolkan oleh amalan, akhlak dan ucapan kita. Apa yang kita lakukan ini sebenarnya menyembunyikan kebenaran dan menyokong kepalsuan. Allah telah mengingatkan kita bahawa apa yang kita lakukan ini akan mengheret kita kepada azab yang berat di dunia dan akhirat. Kita kini merasakan sendiri akibat buruk keterlanjuran ini seperti yang pernah dirasai oleh umat-umat sebelum kita. Di antara undang-undang yang Allah tetapkan di alam ini ialah apabila sesuatu umat tidak bersyukur dengan nikmat Islam dan melanggar perintahNya, Allah akan timpakan mereka kebuluran, ketakutan dan kehinaan di dunia dan akhirat. Allah jadikan mereka sebagai pengajaran kepada seluruh manusia, dahulu dan sekarang. Inilah yang telah dilakukan oleh tuhan kamu kepada bangsa Yahudi. Allah mengheret mereka ke dalam kehinaan dan Allah laknat mereka. Allah timpakan mereka hukuman yang berat dan tidak akan mampu dielak oleh mereka yang melakukan jenayah ini. Hari ini kita umat Islam sedang dihadapkan di hadapan mahkamah Allah yang mampu menampung seluruh isi bumi ini, di hari akhirat di mana segala perkara diadili dengan saksama dan setiap orang dihukum menurut kesalahan mereka. Bangsa Yahudi tidak mungkin dimurkai oleh tuhan mereka tanpa apa-apa sebab. Tidak mungkin mereka dihukum, dihina dan diheret ke lembah yang terkutuk tanpa apa-apa sebab. Kita sendiri tidak ada apa-apa yang dapat kita tunjukkan kepada Allah yang Maha Agung dan kita juga tidak ada apa-apa hubungan kekeluargaan dengan Allah yang mungkin dapat menyelamatkan kita daripada dihukum kerana kesalahan yang kita lakukan dan kita tidak mungkin akan diampunkan kerana kezaliman dan keangkuhan kita ketika di bumi ini, begitu juga kerana kesesatan kita.

Suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah setiap kali kita lengah dalam melaksanakan tanggungjawab Syahadah Al-Haq ini atau kita cuai dalam melaksanakan kewajipan ini, setiap kali kita bertindak menyokong kesesatan dan tenggelam dalam kesesatan dan kesalahan, kita sebenarnya telah berundur ke belakang dan kita akan ditimpa kelemahan. Kita juga akan dihimpit kehinaan dan kemunduran. Anda boleh lihat negara-negara umat Islam yang terbentang dari Maghribi di utara Afrika hinggalah ke Indonesia di Asia Tenggara, semuanya terlepas daripada genggaman kita dalam masa satu abad iaitu pada abad ke tiga belas Hijrah. Satu demi satu bangsa Islam dijajah dan menjadi kerdil hingga bangsa asing menjajah negara mereka serta menguasai sepenuhnya urusan pentadbiran negara mereka. 'Muslim' bukan lagi suatu panggilan yang melambangkan kegemilangan, ketuanan dan kemuliaan seperti yang berlaku sebelum ini. Malah apa yang berlaku adalah sebaliknya apabila panggilan yang suci ini bertukar kepada menjadi panggilan yang melambangkan kehinaan, kemiskinan dan kemunduran. Kita kini tidak lagi mampu mengangkat kepala kita di hadapan bangsa lain. Kita telah dihina dan ditindas dengan cara yang di luar jangkaan kita. Ada bangsa Islam yang dibunuh kesemuanya. Ada umat Islam yang dihalau keluar dari negara mereka sendiri. Ada umat Islam yang diseksa dengan seksaan yang berat, mereka dihalau dan dijadikan hamba yang merempat di muka bumi. Sementara negara Islam yang kerajaannya masih dikuasai oleh umat Islam tidak mampu berhadapan dengan musuhnya dan tidak mampu memberikan tentangan yang setanding. Akhirnya kekalahan demi kekalahan terpaksa dilalui. Kini anda lihat negara-negara ini begitu kecut dengan kehebatan serangan bangsa asing. Segala strategi dan taktik yang digunakan tidak mampu untuk menentang ancaman bangsa asing atau untuk mendedahkan muslihat mereka. Demi sesungguhnya, jika wujud sebuah kerajaan Islam yang tulen, istiqamah dan menggunakan jalan yang betul dalam segala dasar dan urusan pentadbirannya, sebuah kerajaan yang melaksanakan tanggungjawab syahadah dalam bentuk perkataan dan perbuatan, anda akan lihat segala kekuatan kufur akan goyah gentar dengan kehebatan kerajaan ini, hati mereka gementar dengan kekuatan kebenaran. Akal dan mulut mereka akan akur dan tunduk kepada keagungan kalimah kebenaran.

Jika anda mahu penjelasan yang lebih mendalam dan anda mahu mengetahui akibat buruk kesan membelakangkan Syahadah Al-Haq, silalah sorot kembali pandangan anda ke zaman silam. Lihatlah keadaan India ketika diperintah oleh Islam pada dua kurun sebelum ini hinggalah ke zaman kita ini. Kesan tidak bersungguh-sungguh melaksanakan tanggungjawab syahadah ini, terlalu sibuk dengan soal politik, terlalu terpesona dengan kuasa yang dimiliki oleh kerajaan yang berkuasa, kesan kita menyokong kesesatan, membelakangkan kebenaran, hanyut dalam kemungkaran dan perbuatan keji, akibatnya seluruh negara ini terlepas daripada genggaman kita. Kita terlalu leka tenggelam dalam lautan syahwat dan sibuk memenuhi kehendak peribadi. Akibatnya kita telah menerima pelbagai bentuk penindasan dan seksaan yang amat menghinakan di bawah cengkaman Marhatta dan Sikh. Selepas itu kita terpaksa pula akur dengan

pemerintahan British yang memerintah dengan kuku besi dan menurut sesuka hati mereka hingga keadaan berubah dan suasana kembali kucar-kacir. Akhirnya kita terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah pada suku pertama kurun ini. Mereka terus menerus mencerai-ceraikan daging dan tubuh kita sesama mereka hingga kita akhirnya dihalau oleh British dan mereka meluah kita seperti meluah biji buah. Berkenaan puak hindu, kesan kesilapan kita dan penyelewengan yang kita lakukan dalam melaksanakan tanggungjawab syahadah, bagaimana kita melayan mereka seperti rakyat asing semenjak berkurun yang lalu. Kesan tindakan kita itu mereka bangkit memberontak dan membalas dendam bagi pihak diri mereka dan datuk nenek mereka terhadap kita, wanita kita, orang tua kita dan zuriat kita. Sekarang mereka menguasai hampir keseluruhan benua India. Di bawah pemerintahan mereka, hampir empat puluh juta umat Islam terpaksa menerima akibat buruk kesan kecuaian mereka, kecuaian datuk nenek mereka dan kecuaian raja-raja mereka dalam melaksanakan tanggungjawab Syahadah Al-Haq. Mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai ancaman siang dan malam. Mereka dibunuh dan disembelih.

Sementara negara baru kita ini, Pakistan yang kita perolehi melalui landasan yang pincang ini (landasan kebangsaan dan perkauman yang sempit) tidak mampu untuk melakukan apa-apa untuk membantu mereka. Malah negara ini tidak mampu bersuara bagi membantah apa yang dilakukan oleh puak Hindu terhadap rakyat India yang beragama Islam. Ini semua disebabkan struktur negara ini yang lemah dan jiwanya yang tidak berkeyakinan. Ini berlaku kerana mereka yang mentadbir negara ini hanya beriman dengan Allah pada mulut mereka sahaja. Ketergantungan mereka hanya kepada benda. Halatuju kerajaan ini masih menurut pendekatan yang ditinggalkan oleh guru-guru mereka yang berbangsa Inggeris. Apa yang jelas puak Hindu dan negara India lebih kuat berbanding mereka ini dari segi kelengkapan dan kekuatan. India lebih banyak memiliki sumber teknologi dan kekayaan hasil bumi. Mereka juga lebih setia untuk mengikut jejak langkah Inggeris, yang merupakan guru bagi kedua-dua pihak.
Demi sesungguhnya, jika umat Islam India benar-benar menegakkan keadilan dan kebenaran demi Allah, sudah tentu masalah kaum majoriti dan minoriti tidak akan timbul semenjak dahulu. Sudah tentu umat Islam hari ini tidak akan berhadapan dengan ancaman yang ditimbulkan oleh jiran mereka, kaum Hindu. Demi Allah, jika umat Islam hari ini menunaikan Syahadah Al-Haq mereka dan menampilkan imej agama yang benar lagi jujur ini dalam setiap perkataan dan perbuatan mereka sudah tentu masalah kaum majoriti dan minoriti di India akan lenyap dalam tempoh beberapa tahun sahaja. Suatu perkara yang tidak syak lagi ialah jika negara kita ini (Pakistan) menunaikan dengan baik tanggungjawab syahadah ini dan memberikan segala haknya dengan penuh perhatian, kesungguhan dan kegigihan kemudian ia menonjolkan imej sebuah negara Islam yang adil dan berpegang teguh dengan landasan syariat yang luhur dalam aspek perlembagaannya, dasarnya, kehakimannya, hubungannya dengan bangsa-bangsa dan kerajaan-kerajaan lain, aspek undang-undangnya ketika aman dan perang, aspek perdagangan, perusahaan dan sebagainya... jika ini yang dilakukan

oleh negara ini sudah tentu negara India yang kafir itu akan tunduk menyembah bumi kepada keagungan, ketinggian akhlak dan keluhuran dasar pemerintahan negara ini. Sudah tentu rasa takut dan gerun terhadap negara jiran akan lenyap.

Apakah sebenarnya masalah kaum majoriti dan minoriti? Bukankah masalah ini pernah dilalui oleh umat Islam pertama dahulu yang merupakan pelita yang menerangi kegelapan di zaman mereka? Memang benar, masalah ini pernah timbul di zaman mereka. Bangsa Arab ketika itu mahu melenyapkan kaum minoriti ini yang pada mulanya nisbah mereka tidak lebih seorang bagi setiap satu ratus ribu orang. Namun pelaksanaan Islam yang sebenar dan jelas telah mengubah jumlah minoriti ini kepada majoriti dalam tempoh tidak sampai sepuluh tahun. Apabila umat Islam yang melaksanakan kebenaran dan menegakkan keadilan ini bertebaran ke seluruh muka bumi dan menonjolkan ke seluruh suku kaum di dunia ini imej yang adil, saksama, amanah, bersih, telus dan sebagainya yang berteraskan akhlak yang mulia, maka kaum-kaum ini beriman dan menerima kalimah Allah; kaum-kaum yang bertaburan antara Turkistan dan Maghribi berduyun-duyun memeluk agama Allah. Malah rantau yang sebelum ini dihuni oleh bukan Islam kini seluruh rantau ini dipenuhi oleh umat Islam. Tiada seorang pun yang ketinggalan untuk memeluk agama Allah dan menerimanya dengan reda sebagai cara hidup mereka. Segala unsur fanatik perkauman atau perselisihan atau fanatik keagamaan tidak dapat menyekat kuasa suara kebenaran dan hujah ampuh yang dipertonton di hadapan mata kepala mereka. Jika pada hari ini kamu dianggap kerdil, terdedah kepada segala bahaya dan diancam tindakan yang menakutkan, ia sebenarnya adalah balasan atas perbuatan kamu yang menidakkan kebenaran dan menyokong kesesatan.

Itu adalah balasan apabila kita melupakan tanggungjawab dakwah ke arah kebenaran di dunia ini. Di akhirat kelak akan ada hukuman yang lebih dahsyat dan lebih berat berbanding penghinaan yang kita terima ketika di dunia yang fana ini. Semuanya disebabkan oleh kealpaan kita dan keengganan kita menunaikan tanggungjawab Syahadah Al-Haq. Saudara perlu sedar bahawa selagimana saudara tidak bersungguh-sungguh melaksanakan kewajipan Syahadah Al-Haq ini, selagimana saudara tidak menegakkan keadilan kerana Allah dan menerangkan kebenaran sepertimana yang Allah mahu saudara lakukan, maka apa sahaja kesesatan dan pencerobohan di muka bumi ini, apa sahaja amalan jahat dan buruk yang merebak di alam ini, dan apa sahaja angkara keji dan kotor, maka saudara tidak akan terlepas daripada memikul tanggungjawabnya. Saudara tidak akan dapat melepaskan diri daripada turut bertanggungjawab. Jika saudara tidak turut sama memberi kesedaran tentang bahaya segala dosa dan kemungkaran ini, sudah tentu saudara akan dihukum kerana kecuaian dan kerana ketidak prihatinan saudara untuk melemahkan ancaman ini. Saudara akan dipersalahkan di hadapan tuhan kerana saudara tidak melakukan sebarang usaha untuk menyekat segala kepincangan yang mencengkam negara ini. Saudara tidak mengisytiharkan peperangan ke atas

segala kepincangan ini walaupun Allah telah memerintahkan saudara melakukannya.

Mudah-mudahan dengan segala penjelasan ini tuan-tuan telah benar-benar memahami kewajipan syahadah yang perlu kita laksanakan kerana kita adalah orang Islam yang beriman dengan Allah, rasulNya dan hari akhirat. Mudah-mudahan kita benar-benar memahami bahawa kita selama ini terlalu sibuk dan tenggelam dengan segala kesesatan dan khayalan yang mempesonakan. Mudah-mudahan juga kita memahami bahawa segala kecelakaan dan penghinaan yang kita terima di bumi yang fana ini, begitu juga dengan pelbagai penindasan yang masih kita terima hingga ke hari ini adalah akibat daripada kesilapan kita yang tidak melaksanakan kewajipan Syahadah Al-Haq, akibat daripada kesilapan kita yang terlalu hanyut dengan keindahan hidup yang sementara ini; kita terlalu leka dengan idea baru yang dijaja oleh barat.

Jika tuan-tuan teliti masalah ini dengan bersungguh-sungguh dan tuan-tuan kaji hakikat sebenar masalah ini daripada perspektif ini, tuan-tuan pasti akan dapat melihat dengan jelas sejelas mentari di siang hari bahawa segala masalah yang dianggap oleh umat Islam hari ini sebagai masalah utama atau isu sebenar malahan masalah tersebut diletakkan sebagai objektif nasional atau matlamat utama negara, tuan-tuan dapat lihat bagaimana mereka berusaha siang dan malam berhempas pulas untuk mencapai objektif tersebut dengan menggunakan kaedah yang kebanyakannya diambil daripada bangsa asing dan meniru mereka bulat-bulat, jika tuan-tuan perhatikan semua ini dengan bersungguh-sungguh tuan-tuan akan fahami dengan jelas bahawa semua masalah atau isu ini sebenarnya bukanlah masalah utama mereka dan tiada hubungan langsung dengan objektif mereka sepertimana yang digariskan oleh Allah. Langkah membelanjakan segala kekayaan dan menggembleng segala kekuatan moral yang ada bagi mencapai hasrat tersebut atau bagi mengatasi segala masalah tersebut sebenarnya merupakan langkah yang membazir dan mensia-siakan kekuatan yang amat berharga ini sebaliknya hanya mengundang kemurkaan dan bala Allah.
Tentang soal bagaimana kaum minoriti mampu memelihara identiti mereka atau kepentingan mereka dalam kalangan majoriti yang ada di sekeliling mereka? Bagaimana pula kaum majoriti dalam sesebuah negara mampu memperolehi kuasa dalam keadaan mereka merupakan jumlah terbesar yang sepatutnya menikmati hak tersebut? Bagaimana pula bangsa yang tertindas mampu mempertahankan kemerdekaan dan kebebasan mereka, atau mampu mempertahankan diri daripada angkara golongan yang zalim? Bagaimana pula sebuah bangsa yang ditindas mampu mengembalikan hak-hak mereka yang telah dirampas dan kemudian mampu menikmati hidup yang selesa seterusnya mampu menggembleng kekuatan kebendaan mereka untuk menandingi bangsa-bangsa yang kuat dengan kekuatan yang seimbang?

Kesemua persoalan ini atau yang seumpama dengannya mungkin menjadi suatu persoalan yang amat penting dan mendapat tumpuan utama bagi masyarakat bukan Islam. Malah persoalan ini menjadi paksi yang bakal menggembleng segala usaha mereka. Persoalan ini akan menjadi objektif di mana segala usaha dan perjuangan mereka akan dipusatkan ke arahnya dan mereka menanti dengan penuh harapan. Namun demikian bagi kita umat Islam segala persoalan ini bukanlah masalah-masalah yang berlainan antara satu sama lain sebaliknya semuanya itu merupakan akibat kepada kelalaian yang tidak sepatutnya kita lakukan dan telah menyelubungi kita semenjak berabad lamanya. Masalah ini merupakan akibat buruk kesan tindakan kita yang sejak sekian lama malah sehingga ke hari ini masih mengabaikan segala tanggungjawab kita yang sebenar, tanggungjawab yang perlu menjadi tumpuan untuk kita capai.

Jika kita laksanakan segala tugas yang sepatutnya kita laksanakan ini sudah tentu pada hari ini kebanyakan masalah rumit yang tiada penghujungnya ini tidak akan timbul. Tidak akan timbul segala masalah yang telah sekian lama mencengkam jiwa ini dan hampir-hampir mematikan kekuatan moral kita.

Demi sesungguhnya, jika kita memahami fenomena hari ini, kita menyedari hakikat apa yang berlaku ini dan kita melangkah dengan satu langkah baru bagi mencapai objektif kita yang sebenar dan kita arahkan segala tumpuan kita ke arah matlamat yang kita impikan ini dengan tidak lagi menoleh ke kiri dan kanan atau mempedulikan apa sahaja yang merintangi laluan kita atau apa sahaja masalah yang bakal menghalang kita daripada melaksanakan tugas sebenar kita ini atau apa sahaja masalah yang boleh menggugat kita dalam melaksanakan dakwah dan tanggungjawab syahadah ini, jika kita melangkah dengan suatu usaha yang bersungguh-sungguh dan kita gembleng segala tenaga yang ada sudah tentu segala kegelapan yang menyelubungi kita hari ini akan tersingkap, segala masalah yang selama ini mencengkam jiwa kita akan terlerai. Sebabnya, sebagai umat Islam kita telah dijadikan oleh Allah sebagai lampu yang menyuluh kejahilan dan sebagai cahaya yang menerangi kealpaan dan kesesatan. Kita sebenarnya bertanggungjawab terhadap kesesatan alam ini, apabila manusia tenggelam dalam lembah kezaliman. Apabila kita alpa dengan segala tanggungjawab kita, apabila kita lupa dengan peranan yang perlu kita mainkan sebaliknya kita leka dengan hiburan dunia yang hina ini, muka bumi ini akan dilanda dengan segala kezaliman dan pencabulan. Alam ini akan diselubungi kejahilan, kezaliman, kemaksiatan dan dosa. Sudah tentu saham kita akibat daripada segala malapetaka serta segala kecelakaan dan penghinaan ini lebih besar berbanding orang lain. Ini tidak memeranjatkan kerana orang yang bertanggungjawab perlu memikul kesalahannya dan kesalahan orang yang berada di bawah bidang kuasanya yang sepatutnya diberikan bimbingan.

Malangnya dan amat-amat malang apabila ulama dan pemerintah Islam sendiri tidak langsung memahami hakikat yang jelas nyata ini. Mereka masih mengajak bangsa mereka supaya meyakini bahawa masalah sebenar yang perlu mereka

perhatikan, masalah yang perlu mereka tumpukan dan perlu diusahakan secara bersungguh-sungguh ialah masalah kaum majoriti, masalah kemerdekaan negara, masalah mengekalkan identiti bangsa dan kekuatan kebendaan. Demikianlah bagaimana mereka mengajak saudara-saudara seIslam mereka supaya turut sama menggunakan kaedah dan prosedur yang mereka terima daripada bukan Islam bagi menyelesai dan merungkai segala masalah yang mereka hadapi. Mengapa mereka seolah-olah tidak dapat membezakan antara tabiat dan ciri Islam dengan tabiat dan ciri kufur.

Demi Allah yang memegang nyawa ini, saya amat memahami dengan jelas hakikat ini, segala cara dan pendekatan ini merupakan cara yang digunakan oleh golongan kufur dan kemudian elemen-elemen ini diikuti oleh para pemimpin kamu dan orang-orang yang menerajui urusan kamu. Mereka ini telah tersesat dan kemudian menyesatkan ramai manusia, memimpin manusia jauh daripada jalan yang sebenar.

Jika tuan-tuan masih menggunakan jalan yang bersimpang siur ini, jalan yang sesat ini dan tuan-tuan tidak mahu menggunakan jalan yang lurus, tuan-tuan tidak akan mampu mencapai apa yang dicitakan dan tuan-tuan tidak akan beroleh apa-apa petunjuk dan kejayaan di dunia dan akhirat. Adalah menjadi tanggungjawab saya untuk saya jelaskan masalah ini kepada tuan-tuan. Saya akan jelaskan masalah ini dan saya akan huraikan masalah utama hidup tuan-tuan yang ada kaitannya dengan masa depan tuan-tuan di dalam hidup di dunia dan di akhirat. Agar tuan-tuan benar-benar memahami masalah tuan-tuan dan hakikat yang sebenar. Apa yang jelas berdasarkan pengetahuan dan ilmu yang Allah berikan, saya yakin bahawa masa depan kamu di dunia ini dan kehidupan kamu di akhirat kelak berlegar dalam satu masalah iaitu bagaimana kamu menangani soal hidayah yang telah disampaikan kepada kamu oleh Nabi s.a.w. yang buta huruf dan berbangsa Arab; Hidayah yang kamu imani dan kerana hidayah ini jugalah kamu diterima sebagai umat Islam. Sama ada kamu setuju atau tidak, hidayah ini telah meletakkan kamu sebagai utusan Islam ke seluruh alam. Seluruh manusia akan melihat agama yang benar ini melalui kamu. Jika kamu berpegang teguh dengan hidayah ini dan kamu tunjukkan syahadah yang sebenar melalui perkataan dan segala amalan yang kamu lakukan dengan bersungguh-sungguh seperti yang diperintahkan oleh Allah dan rasulNya, apabila akhlak dan nilai Islam jelas terpampang melalui cara hidup kamu dalam masyarakat dan dalam pergaulan kamu dengan imej yang sungguh indah dan menarik, itulah sebenarnya kejayaan dunia dan akhirat. Ketika itu tuan-tuan tidak akan lagi melihat awan mendung yang berarak membawa ketakutan, putus asa dan kehinaan yang selama ini menyelubungi hati nurani tuan-tuan. Semuanya hanyalah umpama awan yang berarak pada musim panas yang tidak berapa lama lagi akan hilang. Kamu akan perhatikan bagaimana dakwah kamu yang benar ini dan akhlak kamu yang tulus ini akan mula mempengaruhi manusia dan akan mula meresap ke dalam hati dan fikiran manusia yang matang. Seluruh alam akan mengakui sifat amanah, bersih dan luhur yang ada pada kamu. Mereka

akan menaruh harapan pada kamu dan mengharapkan kamu melayan mereka dengan adil dan saksama. Mereka akan berkeyakinan dengan kamu dan ketelusan kamu ketika berurusan dengan mereka. Tuan-tuan akan melihat seluruh manusia akan bersandar kepada kata tuan-tuan. Mereka akan merujuk segala perselisihan mereka kepada kata tuan-tuan dan mereka akan bergantung sepenuhnya kepada tuan-tuan. Pada ketika itu, pemimpin yang kufur dan sesat tiada nilai lagi. Segala asas falsafah, politik dan ekonomi mereka akan goyah. Segala tipu helah mereka akan terbongkar apabila berhadapan dengan kejujuran kamu dan cara hidup kamu yang istiqamah. Segala kebenaran dan kepalsuan, segala yang tiruan dan yang asli akan dapat dibezakan dengan jelas, dengan perbezaan yang amat ketara. Segala kekuatan dan keupayaan yang pada hari ini anda lihat berpihak kepada barisan kufur dan bernaung di bawah panji mereka, anda akan lihat semuanya akan berpecah dan terlerai satu demi satu untuk menyertai barisan Islam dan bernaung di bawah panji Islam. Hinggalah akan datang suatu masa ketika mana sosialisme sendiri akan merasa takut di dalam kubu mereka sendiri, takut dengan nasib sendiri. Kapitalisme pula akan merasa gementar di dalam tanah tumpah darah mereka sendiri, takut mereka akan lenyap dan kehilangan kuasa. Universiti-universiti di London dan Paris tidak mampu lagi bertahan sebagai pusat kepercayaan menentang tuhan dan pusat falsafah kebendaan. Malah tidak wujud lagi mereka yang menyokong fahaman fanatik perkauman dan semangat kebangsaan yang wujud dalam komuniti Brahma dan Jerman.

Pada hari itu fajar akan menyingsing mengingatkan kita masa silam di masa kita melupakan kewajipan kita dan kita leka menunaikan tanggungjawab kita. Hari itu mengingatkan kita hari-hari silam dengan hati yang bercampur baur antara suka dan duka. Kita himbau sesama kita dan kita sampaikan buat generasi mendatang bahawa pernah suatu ketika di mana pembawa panji Islam sentiasa merasa ketakutan apabila melihat kehebatan kuasa barat di sekeliling mereka. Hanya iman mereka menjadi penawar kepada segala penyakit dan menjadi penyelamat daripada segala kejahatan.

Inilah yang dapat saya lihat pada masa depan kamu yang gemilang dengan syarat kamu menyerahkan diri kepada Allah dengan sebenar-benar ikhlas demi agamanya dan kamu menegakkan keadilan demi Allah dan mendokong kebenaran sepertimana yang Allah mahukan. Jika kamu lakukan sebaliknya, kamu ubah segala kebenaran, kamu tidak ubah seperti orang yang memiliki simpanan yang berharga tetapi tidak mahu menggunakannya dan tidak membenarkan orang lain memanfaatkannya, kamu mendakwa sebagai muslim dan kamu gunakan nama Islam, kamu tonjolkan imej kamu di hadapan seluruh manusia sebagai seorang pendokong Islam dan penegak panji Islam, tetapi melalui perkataan dan perbuatan umum kamu mendokong kesesatan, kamu sokong amalan jahiliyyah, syirik, maksiat dan kamu tenggelam dalam arus dunia yang hina, kecuali segelintir sahaja yang terselamat.

Kitab Allah ada bersama kamu, di dalam dada kamu, di rumah kamu, di sekolah kamu, di perpustakaan kamu, malangnya seluruh umat ini lebih mudah merujuk dan mendapat bimbingan pemimpin-pemimpin kufur dan sesat. Kamu mendakwa menyembah Allah tetapi kamu menyerahkan seluruh hidup kamu kepada taghut yang disembah bukan kepada Allah. Kamu bersahabat dan bermusuh semata-mata kerana kepentingan peribadi untuk kepentingan diri sendiri. Kamu melaungkan Islam dan kamu gunakan nama Islam semata-mata untuk menipu manusia dan supaya kamu memperolehi keuntungan dunia.
Ringkasnya kamu tidak laksanakan segala kewajipan syahadah ini sebaliknya kamu lakukan sebaliknya, kamu ubah kedudukan sebenar dan kamu lakukan sepertimana orang yang menolak sama sekali kebaikan agama yang jelas ini, orang yang menolak keberkatan agama ini yang sentiasa melimpah ruah. Apatah lagi mereka memisahkan seluruh manusia daripada menerima sumber air yang bersih, yang telahpun mereka cemari puncanya; mereka cemari dengan akhlak dan tingkah laku mereka yang buruk. Jika kamu masih mahu menempuh jalan yang berliku ini dan kamu memilih untuk bersama kenderaan yang buruk ini, kamu sebenarnya kerugian di dunia dan akhirat. Kami memohon moga Allah menjauhkan kami daripada bencana ini. Ini adalah sunnah Allah yang telah ditetapkan pada ciptaanNya dan tiada siapa yang mampu mengubahnya. Kamu sendiri telah saksikan dengan mata kepala kamu sendiri akibat bala dan kemurkaan Allah yang telah kamu lalui dan sehingga kini kamu masih merasainya sepanjang hidup di dunia ini. Tiada siapa tahu apa akan berlaku pada kamu pada masa akan datang. Mungkin apa yang akan berlaku lebih dahsyat daripada hari ini.

Sebenarnya jika kamu tanggalkan segala nilai Islam yang kamu pakai hanya semata-mata untuk mengelabui mata manusia sebaliknya kamu tonjolkan kekufuran kamu, sudah tentu kedudukan kamu di dunia ini akan lebih baik dan kamu akan dapat menikmati segala kesenangan di dunia ini sama seperti yang dinikmati oleh penduduk dan pemimpin di Amerika, Rusia dan Britain. Sementara jika kamu mengaku sebagai Islam kemudian menyokong kekufuran atau kamu mendakwa sebagai Islam kemudian kamu mencemar nama baik Islam di hadapan mata masyarakat dunia melalui pengakuan palsu kamu dan kamu menutup segala pintu hidayah untuk semua manusia tidak kira bangsa, apa yang kamu lakukan itu sebenarnya suatu jenayah yang sudah pasti akan menghumban kamu ke dalam kehinaan di dunia ini. Sudah tentu jenayah ini akan mengheret kamu kepada kecelakaan dan kehinaan dalam apa jua sudut kehidupan di dunia ini. Malah mengundang azab yang pasti dikenakan oleh Allah kepada mana-mana manusia yang melakukan jenayah ini, dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan yang terkutuk ini, azab yang kamu sendiri tidak akan mampu menanggungnya dan tiada siapa yang akan dapat menyelamatkan kamu.
Cukuplah apa yang berlaku kepada Yahudi sebagai pengajaran untuk kamu. Mereka mendakwa mereka adalah anak-anak dan manusia yang dikasihi oleh Allah. Namun sebaliknya mereka dilanda mala petaka dan penghinaan, malahan mereka beroleh kemurkaan dan bala Allah. Sama sahaja, sama ada kamu menolak

jalan yang lurus ini dan kamu menggunakan pendekatan nasionalisme atau sosialisme, atau kamu menggunakan pendekatan perkauman sempit atau kapitalisme atau kamu gunakan apa juga pendekatan, ia tidak akan diterima di sisi Allah dan tidak akan dapat membersihkan kamu daripada kesalahan kamu menolak kebenaran.

Satu-satunya jalan untuk menyelamatkan diri daripada akibat kealpaan dan azab yang pedih ini ialah kamu menolak segala cara atau pendekatan yang hanya membawa kamu tanpa hala tujuan, memesongkan kamu daripada jalan yang sebenar. Kamu hendaklah berwaspada dan menjauhkan diri daripada terheret bersamanya.

Dengan ini saya telah jelaskan kepada tuan-tuan secara mendalam tentang kewajipan kita dalam menunaikan Syahadah Al-Haq ini. Saya juga telah jelaskan kecuaian tuan-tuan dalam soal ini yang menyebabkan tuan-tuan terpaksa melalui segala mala petaka, penghinaan dan kemunduran dari segi moral dan material.

Jalan Kami

Sekarang saya ingin jelaskan kepada tuan-tuan apa yang kami lakukan dan ke arah mana hala tuju kami. Dakwah kami ditujukan kepada mereka yang beriman dengan Allah sebagai tuhan dan Islam sebagai agama. Kami menyeru mereka; Agar menjadikan Islam sebagai agama dalam realiti hidup mereka; Agar mereka berpegang dengan Islam baik secara individu atau secara kolektif; Agar mereka mempraktikkan segala kebaikan Islam; Agar mereka membentuk hidup mereka dalam konteks individu mahupun masyarakat dengan kebaikan Islam; Agar mereka melaksanakan segala rukun Islam dan menyokong segala teras Islam; Agar mereka menyemai nilai mulia dan keberkatan Islam di dalam keluarga mereka, saudara-mara mereka, masyarakat mereka dan sekolah mereka; Agar mereka mencorak urusniaga dan segala urusan ekonomi mereka menurut Islam. Begitu juga kami mengajak mereka supaya melaksanakan segala tuntutan agama ini di dalam pertubuhan dan institusi negara dan membentuk dasar negara mereka berlandaskan ajaran Islam. Sehingga tiada lagi mana-mana sudut kehidupan atau mana-mana sistem yang ada sama ada sistem di kala perang atau aman, dasar hubungan antarabangsa, masalah ekonomi dan masalah sosial, semuanya dalam bentuk yang bersesuaian dengan nilai agama yang benar ini atau sesuai dengan tuntutan ajaran Islam.

Ringkasnya, hala tuju dan sasaran kami ialah agar umat Islam mendokong kebenaran melalui kata-kata mereka di hadapan seluruh manusia, dengan pengakuan yang sebenar dan meyakinkan seluruh manusia tentang ajaran agama ini, meyakinkan mereka bahawa ajaran agama ini adalah ajaran yang benar. Syahadah ini iaitu syahadah sebenar dan usaha ke arah memartabatkan agama hendaklah menjadi objektif utama seorang muslim dan suatu yang paling utama perlu diusahakannya. Syahadah ini sepatutnya menjadi paksi yang memusatkan

segala amalannya di dunia ini dan sepatutnya menjadi matlamat yang menggembeling segala tenaga dan usahanya.

Marilah sama-sama wahai umat Islam, hentikanlah segala amalan yang bercanggah dengan Islam atau yang mencemar nama baik Islam. Nilailah segala amalan kamu. Nilailah segala perkataan atau perbuatan yang kamu ucapkan atau kamu lakukan dengan neraca Islam yang sebenar. Jauhkanlah segala perkara yang tidak diterima oleh neraca ini. Arahkanlah segala jiwa raga kamu ke arah dakwah Islam. Jadikanlah Syahadah Al-Haq ini sebagai objektif utama kamu dalam hidup ini tanpa kamu mengenal erti penat lelah hingga kamu mampu membuktikan syahadah ini menurut cara yang sebenarnya. Sehingga segala elemen agama ini tertegak dan mampu dilihat oleh seluruh manusia seterusnya menjadi hujah Allah bagi mendakwa hamba-hambaNya yang ada di bumi ini. Agar tidak wujud lagi sebarang alasan untuk manusia kemukakan kepada Allah selepas ketiadaan para rasul. Demikianlah yang dinyatakan oleh Allah di dalam kitabNya dan benarlah segala firmanNya.

Inilah satu-satunya tujuan penubuhan Jama'ah Islam. Jalan yang kami pilih untuk melaksanakan tanggungjawab ini ialah kami mulakan dengan umat Islam. Kami ingatkan mereka tentang kewajipan mereka dan kami jelaskan kepada mereka erti Islam yang sebenar. Kami bentangkan kepada mereka tuntutan Islam dan apa yang Islam tuntut supaya mereka lakukan dan mereka tunaikan. Apakah tanggungjawab yang diletakkan ke bahu seorang muslim sebaik sahaja dia memeluk agama Allah ini, sebaik sahaja dia beriman dengan Allah dan hari akhirat.
Mereka yang menyambut baik dakwah ini dan memahami dengan jelas seruan kami ini, kami akan jelaskan pula selepas itu bahawa kebanyakan amalan yang dituntut oleh Islam tidak dapat dilaksanakan secara individu atau perseorangan. Malah sebahagian besarnya perlu dilaksanakan secara jamaie (kerja berkumpulan) dan membabitkan kesemua lapisan masyarakat Islam baik dalam bentuk individu mahupun berkumpulan. Amalan dalam agama ini yang berkaitan dengan individu terlalu sedikit. Agama ini tidak mungkin akan dimartabatkan, kalimah agama ini juga tidak mungkin dapat dinobat dan kewajipan syahadah ini tidak mungkin akan tertunai dengan hanya sebahagian kecil ini. Ia tidak memadai. Tambahan pula, sebahagian kecil ini juga tidak mungkin dapat dilaksanakan sepenuhnya, segala perintah dan larangan agama ini juga tidak dapat diamalkan selagimana kehidupan masyarakat dikuasai oleh kuasa kufur; ketika kuasa kufur menentukan nasib masyarakat ini. Malah sistem kufur akan menyempitkan ruang amalan untuk agama individu, jikalau istilah ini boleh diterima. Apa yang saya maksudkan di sini ialah amalan yang berkenaan dengan individu sahaja seperti yang disebutkan sebelum ini akan disempitkan ruang pengamalannya oleh sistem kufur sedikit demi sedikit. Tidak ada cara lain dalam usaha memartabatkan agama yang sempurna ini dan dalam usaha melaksanakan Syahadah Al-Haq sepenuhnya selain umat Islam yang memahami tanggungjawab mereka, umat Islam yang bersemangat serta bersedia untuk

berusaha dan mengorbankan tenaga untuk mencapainya… Mereka perlu disatukan dan menjadi satu kelompok yang tersusun. Barisan mereka hendaklah dikemaskan bagi menegakkan agama yang benar dan menyeru seluruh manusia supaya menghirup bayu segar ini dan beroleh kesegaran mata airnya. Semoga dengan ini mereka dapat bangkit bersama bagi merealisasikan matlamat agung ini. Di samping dapat bersatu berhadapan dengan mereka yang meletakkan pelbagai halangan dan rintangan sepanjang jalan dakwah yang mengajak manusia ke arah kejayaan dan kedaulatan agama ini. Malah mereka akan dapat menyingkir segala anasir yang berniat jahat. Mereka juga akan mampu menangkis apa jua serangan yang mengancam jalan ini atau cuba untuk menggagalkan usaha ini.

Dari sini anda akan memahami mengapa Allah dan rasulNya memerintahkan kita supaya sentiasa bersama dalam satu jamaah. Malah Allah tegaskan perkara ini setegas-tegasnya. Oleh itu tidak hairan jika anda lihat cara beramal yang betul dan diredai oleh Allah dalam mengharungi jalan dakwah ke arah menegakkan dan memartabatkan kalimah agama ini bermula dengan membina struktur jamaah dan memperkemaskan tonggaknya terlebih dahulu. Selepas itu barulah melangkah kepada beramal dan berjuang di jalan Allah. Konsep ini iaitu keperluan berjamaah dan kedudukannya yang penting dalam asas Islam telah dinyatakan oleh pelbagai hadis. Termasuklah hadis yang diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud:

"*Saya memerintahkan supaya kamu melaksanakan lima perkara; jamaah, dengar, taat, hijrah dan jihad di jalan Allah. Barangsiapa yang keluar daripada jamaah ini walaupun sejengkal dia telah merungkai ikatan Islam daripada lehernya kecuali dia kembali semula. Barangsiapa yang menyeru dengan seruan jahiliyyah dia adalah penghuni neraka Jahannam walaupun dia puasa, sembahyang dan mengaku sebagai Islam.*"

Hadis di atas yang mengandungi beberapa unsur berharga membentangkan tiga perkara penting:

1. Langkah yang betul serta semulajadi dalam melaksanakan dakwah dan usaha menegakkan agama ini mestilah bermula dengan membina sebuah jamaah. Di mana semua anggotanya tunduk dan taat kepada salah seorang di antara mereka dan segala arahannya. Selepas itu barulah, beramal dengan hijrah dan jihad, bergantung kepada persekitaran dan keadaan yang diizinkan. Ini yang pertama.
2. Kedua, keluar daripada jamaah ini dianggap keluar daripada Islam dan kembali kepada kehidupan jahiliyyah di zaman di mana orang-orang Arab tidak mempunyai seorang ketua yang diberikan kesetiaan dan ditaati arahannya.
3. Ketiga, kebanyakan tuntutan dan objektif utama Islam hanya dapat dicapai dengan adanya jamaah dan usaha secara berkumpulan. Kerana itulah, bagi orang yang keluar daripada jamaah, Nabi s.a.w. bersabda: "Dia telah merungkai ikatan Islam daripada lehernya walaupun dia puasa, sembahyang dan mengaku sebagai Islam." Atas dasar inilah pemimpin kita Umar bin al-Khattab pernah berkata: "Tiada Islam tanpa jamaah."

Mereka yang benar-benar memahami konsep ini akan merasakan suatu rasa tanggungjawab dan rasa keimanan yang tinggi terhadap kewajipan ini. Perasaan ini akan membawa mereka menolak segala keinginan dan matlamat peribadi mereka semata-mata untuk turut sama dalam arus jamaah dan bersedia menurut segala peraturannya kerana mengharapkan keredaan Allah dan kerana berkhidmat untuk agama yang benar ini. Bagi mereka ini kami ingin seru supaya mereka memilih salah satu daripada tiga pilihan yang terbentang di hadapan mereka... tiada pilihan selain daripada yang tiga ini:

1. Jika hati kamu merasa yakin dan selesa bahawa dakwah, prinsip, objektif, struktur jamaah kami dan cara bekerja yang kami pilih untuk jamaah dan diri kami ini adalah benar, bersumberkan al-Kitab dan sunnah tanpa dicemar oleh sebarang unsur jahiliyyah; jika kamu yakin semua ini dan kamu sendiri mengakui bahawa segala amalan yang telah kami laksanakan dan dakwah kami ini merupakan amalan yang sepatutnya menjadi tumpuan dan objektif utama setiap muslim dan muslimat di seluruh dunia, maka marilah bersama-sama sertai kami untuk membantu kami melaksanakan tugas ini dan bersama-sama kita beramal demi kepentingan kamu sendiri di dunia dan di akhirat, dengan izin Allah.
2. Jika kamu tidak yakin dengan cara kerja kami dan hati kamu tidak terbuka untuk bersama-sama kami, carilah jamaah lain yang bekerja untuk matlamat agama yang sebenar, jamaah yang berusaha dengan menggunakan cara yang islamik. Gabungkan diri kamu ke dalam jamaah tersebut. Bernaunglah di bawah panjinya dan sertailah mereka bersama amalan mereka. Demi sesungguhnya, jika kami temui sebuah jamaah seperti ini sudah tentu kami akan turut serta bersamanya. Kami adalah golongan yang amat berusaha untuk bekerja di bawah satu jamaah. Kami tidak mahu sama sekali berkelainan dan berpisah. Kami juga tidak mahu sama sekali berpecah.
3. Jika kedua-dua pilihan ini masih tidak sesuai dengan diri kamu. Maksudnya jika kamu tidak setuju untuk bersama dengan kami dan tidak menemui mana-mana jamaah lain yang memiliki ciri tersebut, bentuklah sebuah jamaah yang berlandaskan agama yang sebenar, bermatlamat menegakkan agama Allah sepenuhnya dan melaksanakan Syahadah Al-Haq melalui perkataan dan perbuatan supaya kamu dapat melaksanakan kewajipan Islam kamu dan kamu dapat melaksanakan segala kewajipan agama kamu.

Inilah tiga peluang dan tiga cara beramal yang terbentang di hadapan mereka yang menerima dakwah ini dengan baik dan dapat merasai tanggungjawab mereka sebagai individu dan sebagai sebahagian daripada masyarakat. Kami katakan kepada mereka ini dan kami persilakan mereka supaya memilih mana-mana cara ini. Jika kamu telah memilih salah satu cara ini kamu tidak akan terpisah daripada kebenaran dengan izin Allah. Kami tidak pernah mendakwa dan kami tidak ada hak untuk mendakwa bahawa jamaah kami sahaja yang benar sementara mereka yang tidak mahu menyertai kami dan tidak mahu

bersama arus kami adalah sesat. Tidak, kami tidak pernah berkata demikian. Sudah tentu kami tidak akan katakan demikian kerana kami amat sedar dan faham. Malah kami juga tidak mengajak orang lain untuk bernaung di bawah panji kami atau mengajak mereka untuk menyertai jamaah kami. Sebaliknya dakwah kami daripada awal hingga akhir hanyalah untuk mengajak mereka melaksanakan kewajipan yang menjadi tanggungjawab setiap muslim dan muslimat, seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini. Sesiapa yang melaksanakan kewajipan ini atau berusaha sedaya upaya untuk melaksanakannya, dia telah berada di landasan yang benar, tidak kira sama ada dia menyertai kami ataupun tidak. Sebaliknya jika kamu tidak melaksanakan kewajipan kamu atau kamu tidak berusaha untuk melaksanakan tanggungjawab syahadah ini iaitu Syahadah Al-Haq dengan cara yang betul atau kamu tidak cuba membantu mereka yang bekerja untuk mencapai objektif tersebut, tindakan kamu itu sebenarnya tidak betul. Begitu juga jika kamu bertangguh untuk turut sama melaksanakan kewajipan syahadah ini atau berusaha untuk menegakkan agama ini sebaliknya kamu kemukakan pelbagai helah dan alasan yang tidak berasas, atau lebih teruk lagi apabila kamu kerahkan segala kekuatan kamu atau kamu arahkan segala tumpuan dan usaha kamu ke arah mendokong kesesatan, kamu bina dan kemaskan struktur dan tonggak kesesatan… kamu dokong kesesatan melalui perbuatan kamu dan kamu cemar kebenaran melalui perangai dan tingkah laku kamu... semua ini akan mengakibatkan kamu dihukum di hadapan Allah dan kamu akan merasai akibat buruk tindakan kamu ini. Mungkin segala helah atau segala alasan ini akan berguna dan boleh meringankan jenayah kamu jika perkara ini diserahkan kepada manusia di dunia ini. Namun kes kamu ini akan diserahkan kepada Allah yang Maha Tinggi dan Maha Esa. Tuhan yang tidak akan dicabar di kerajaan rayaNya ini dan tuhan yang tidak akan lupa apa yang berlaku di langit dan di bumi walaupun sebesar zarah. Kamu tidak akan dapat melepaskan diri!

Tidak dinafikan kewujudan lebih daripada satu jamaah yang mempunyai hasrat dan objektif yang sama merupakan suatu yang tidak baik. Mungkin kepelbagaian ini akan memudaratkan objektif yang dicita-citakan itu sendiri. Namun tiada apa yang dapat kita lakukan pada peringkat awal ini. Kuasa Islam telahpun terungkai dan hancur lebur semenjak beberapa abad yang lalu. Pada hari ini bukan kita sahaja yang mempelopori usaha ini dan bukan kita sahaja yang menentukan nasib kuasa Islam yang ingin kita tegakkan ini. Apa yang pasti pada hari ini ialah kita memikul tanggungjawab untuk menghidupkan kembali kuasa yang dicitakan ini, kita bangkitkan semula daripada lenanya dan kita akan bangunkan segala asas dan ranting serta cabangnya sekali lagi. Tidak mungkin dalam peringkat awal usaha ini kita dapat membentuk sebuah jamaah yang dapat merangkum seluruh umat Islam, semuanya bernaung di bawah lembayung jamaah ini di mana seluruh umat Islam wajib menyertainya dan mentaatinya, turut sama dalam arenanya; Menolak atau menentang jamaah ini dianggap sebagai menolak Islam dan terkeluar daripada agama Allah, seperti yang dinyatakan oleh hadis al-sharif tadi.

Wallahu a'lam.

GENERASI MUDA DAN PERUBAHAN



Fathi Yakan

Perubahan merupakan cogankata yang kerap dikemukakan pada masa mutakhir ini oleh pihak-pihak yang menggelarkan diri mereka sebagai Aliran Revolusi. Marxisme adalah merupakan aliran yang paling menonjol sekali mempercayai bahawa perubahan itu mesti berlaku secara kekerasan. Marx secara terang-terangan telah mengemukakan pandangannya terhadap cara (uslub) yang seharusnya diambil oleh gerakan Komunis dalam melakukan perubahan sosial dan mengubah Kapitalisme. Katanya: "Tidak ada jalan bagi menggantikan Kapitalisme dengan Sosialisme kecuali dengan revolusi."

Pemuda dalam hubungan ini adalah medan yang subur untuk digunakan oleh semua aliran yang mempercayai Strategi Perubahan ini. Revolusi dan Coup-de-tat yang telah berlaku dan akan berlaku di seluruh dunia akan meletakkan asasnya kepada pemuda-pemuda dalam usaha mencapai tujuan mereka itu.

Bagaimana pula sikap Islam dalam hubungan menggunakan golongan pemuda ini? Apakah peranan pemuda dalam perubahan Islam yang dicita-citakan? Apakah ciri-ciri Perubahan Islam itu? Kesemuanya ini akan cuba dibincangkan dan diperkatakan dalam kajian kita ini (Generasi muda dan Perubahan).

Kenapa mesti Pemuda?
Kenapa fokus selalunya kepada pemuda?
Kenapa pergantungan sentiasa kepada pemuda?

Pada logik Islam, apabila kita bergantung kepada pemuda, bukanlah bermakna kita melupakan peranan orang-orang dewasa dan juga orang tua, atau memperkecil-kecilkan kedudukan mereka seperti fahaman Korainisme di mana seorang pemimpin mereka selepas revolusi telah menuntut supaya dihapuskan kesemua orang-orang tua supaya tidak menjadi beban kepada negara.

Menurut Islam setiap manusia ada peranannya. Setiap peranan harus diberikan haknya, tanpa ada rasa sensitif, tanpa ada pertentangan. Mengikut asas-asas dan kaedah-kaedah berikut:

1) Dirahmati Allah seorang yang mengenal batas dirinya dan dia melakukan apa yang sepatut dilakukannya.

2) Bukan dari kalangan kita mereka yang tidak menghormati orang tua dan tidak mengasihani anak-anak kecil.

3) Kebenaran itu diterima walaupun datangnya dari seorang anak kecil atau orang tua walaupun ianya kerabat jauh yang tidak disukai, sementara kebatilan itu ditolak walaupun datang dari anak kecil atau orang tua yang dekat lagi dikasihi.

Apabila skop tugas-tugas perubahan difokuskan kepada pemuda-pemuda maka ia adalah sesuai dan selaras dengan kemampuan dan tugas mereka. Manusia dalam setiap peringkat usianya dalam kehidupan mempunyai kebolehan-kebolehan dan kemampuan-kemampuan yang sesuai dengan tugas—tugas yang tertentu. Kadang-kadang mungkin tidak sesuai dengan semua tugas. Tugas pada masa usia kanak-kanak lain daripada tugas waktu usia muda pemuda, dan seterusnya lain pula dengan tugas dalam waktu usia dewasa dan hari-hari tua.
Allah swt. berfirman:

يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرۡذَلِ ٱلۡعُمُرِ لِكَيۡ لَا يَعۡلَمَ بَعۡدَ عِلۡمٍ شَيۡـًٔا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ قَدِيرٌ ﴿٧٠﴾

16:70. ..dikembalikan kepada umur yang paling lemah (pikun), supaya dia tidak mengetahui lagi sesuatupun yang pernah diketahuinya. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Kuasa.

Kenapa pemuda menjadi objek di sini?

Pada hakikatnya usia muda seorang pemuda ialah usia yang penuh dengan cita-cita yang tinggi dan darah yang gemuruh serta idealisme yang luas. Iaitu usia yang memberi pengorbanan dan menebus semula. Usia yang menabur jasa, memberi kesan dan emosional.

Dari sini usia muda pemuda dalam perkiraan Islam mempunyai tanggungjawab dan nilai yang khusus dan kerana itu Rasulullah saw menekankan supaya pemuda-pemuda merasai demikian melalui sabdanya:

(اغتنم خمسا قبل خمس: شبابك قبل هرمك، وصحتك قبل سقمك، وغناك قبل فقرك، وحياتك قبل موتك، وفراغك قبل شغلك).

'Ambillah peluang lima perkara sebelum datangnya lima perkara:- Usia muda kamu sebelum tua, masa sihat sebelum sakit, harta kekayaan kamu sebelum papa, masa hidup kamu sebelum mati, dan masa kosong kamu sebelum sibuk.'

Umat manusia, dalam tabiat kejadian dan pembentukannya mempunyai masa terhad dalam usia yang mampu memberi sesuatu. Kemudian ia mula surut kebelakang (susut). Firman Allah swt:

وَتِلْكَ ٱلْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ ٱلنَّاسِ

3:140. Dan masa (kejayaan dan kehancuran) itu kami pergilirkan diantara manusia.

Dan benarlah sabda Rasulullah:

(ان لكل عامل شرة، ولكل شرة فترة، فمن كانت فترته الى سنتي فقد اهتدى، ومن كانت فترته الى غير ذلك فقد هلك).

'Bahawa setiap amalan itu ada puncak kesungguhan-nya, setiap puncak kesungguhan itu ada surutnya. Maka sesiapa yang surutnya adalah pada sunnahku, maka di telah mendapat petunjuk, dan sesiapa yang surut kepada yang lain, bererti telah binasalah dia.'

Dari sini penekanan adalah untuk mendapatkan faedah dari usia muda dan dari para pemuda dalam menunaikan tugas berat dan melintasi halangan-halangan serta menyahut cabaran yang diperlukan dan dituntut oleh perubahan tamaddun.

Kenapa Pemuda Islam?

Islam, apabila ia menekankan supaya para pemuda melaksanakan matlamatnya yang menginginkan perubahan, bererti bukanlah diserahkan tugas itu kepada mana-mana generasi sahaja yang tidak mempunyai ciri-ciri tertentu, tetapi terlebih dahulu dimestikan atau dituntut supaya generasi itu mempunyai sifat-sifat Islam dan berpegang teguh dengan prinsip-prinsip Islam iaitu berkehendakkan generasi Islam yang tulen.

Para pemuda yang bersifat Islam adalah suatu hal, dan para pemuda tanpa Islam adalah suatu hal yang lain dan tidak ada apa-apa selain dari itu. Para pemuda dengan Islam bererti pemberi, iaitu kebaikan dan pembinaan dan yang tanpa Islam ialah celaka dan bala'.

Pemuda ialah suatu tenaga yang digunakan oleh Islam untuk membangunkan dan memakmurkan alam tetapi orang lain mempergunakan mereka untuk meruntuhkan umat manusia.

Sesungguhnya masyarakat manusia hari ini penuh sesak dengan pemuda-pemuda tetapi pemuda-pemuda ini hanyalah yang kosong, hanyut dan terbiar;

Pemuda yang tiada peribadi,bersikap seperti kera;

Pemuda yang tiada mempunyai akhlak, yang lebih dekat dengan binatang ;

Pemuda yang dijadikan tentera oleh kuasa-kuasa jahat dan zalim, disusun oleh parti-parti kufur dan syaitan;

Pemuda pondan yang tiada kebaikan pada mereka;

Tetapi keberkatan datang bersama pemuda yang tinggi cita-citanya.

Kenapa Perlunya Persiapan Pemuda Islam?

Ada beberapa gambaran yang berbeza di sekitar tugas seorang pemuda Islam dan matlamat dari persiapan mereka itu. Apakah matlamat utama dari persediaan pemuda Islam ini?

Adakah matlamatnya sekadar memelihara dirinya daripada kecundang oleh hawa nafsu dan dorongan-dorongan fitnah, atau setakat supaya dia menunaikan fardhu-fardhu wajib yang ditaklif oleh Allah dan meninggalkan segala larangan Allah? Adakah itu sudah mencukupi?

Atau adakah matlamatnya untuk membekalkan mereka dengan pengetahuan Islam yang cukup yang membolehkan mereka menulis dan bercakap sahaja?

Dan adakah matlamat persiapan seorang pemuda Islam bagi untuk menjalankan amal-amal kebajikan, memberikan makan kepada orang miskin, merawat orang sakit dan bersimpati dengan mereka yang menderita sahaja?

Atau adakah sekadar mempersiapkan pemuda Islam supaya boleh menjalankan dakwah Islamiah sekadar melepaskan batuk di tangga?

Atau menjadikan mereka itu berada dalam suatu suasana organisasi pemuda Islam dan cukup setakat itu tanpa mengira samada dia menjadi da'i atau pembimbing semata-mata?

Pada hakikatnya kita tidak bebas untuk memilih matlamat-matlamat yang di gariskan itu, pada masa dunia Islam berada di bawah pemerintahan sistem 'Taghut', dan Islam berada jauh dari memegang teraju pimpinan.

Sebenarnya, matlamat utama persiapan pemuda-pemuda Islam hari ini ialah untuk melaksanakan matlamat tercapainya 'Qawamah' (penguasaan) Islam terhadap masyarakat dan dunia. Ini memerlukan tugas para pemuda Islam bagi memindahkan pimpinan umat dari tangan jahiliah ke tangan Islam. Dan juga pemikiran, perundangan dan akhlak jahiliah kepada pemikiran, perundangan dan akhlak Islam.

Amal seperti itu dan apa yang diperlukan olehnya, apa yang berhubung dengannya dan apa yang bercabang darinya atau apa yang dituntut olehnya dan juga tujuan terbesar dari persiapan seorang pemuda Islam tadi; perkara-perkara ini hendaklah dianggap penting oleh para pemuda Islam. Ini adalah wajib dari segi syara' dan ianya itu tidak akan gugur dari menjadi tanggungjawab mereka sehinggalah Kalimah Allah lebih tinggi, mengatasi kalimah-kalimah orang kafir.

Tujuan 'manhaj' (method) Islam ialah untuk mengembalikan 'ubudiyah' manusia kepada Allah dalam segala urusan hidup mereka. Dalam bidang akhlak dan urusan hidup, dalam bidang undang-undang dan pemikiran mereka. Ini bererti meruntuhkan asas-asas dan pusat-pusat yang menjadi tempat tegak dan berdirinya masyarakat jahiliah dan tamaddun materialisme. Di tempatnya pula ditanam asas-asas supaya tertegaknya sistem Islam.

Ini bermakna bahwa tugas dan peranan pemuda Islam ialah melakukan "Perubahan" dan bukannya menempel atau memperbaiki, dan inilah yang sewajibnya berlaku.

Tugas ini pada hakikatnya adalah tugas yang berat dan sukar tetapi ianya adalah tugas yang dituntut; dan tugas selain dari ini tidak mempunyai nilai. Malah tugas yang lain ini akan mem-bawa bencana yang akan menangguhkan kemahuan para pemuda kepada perubahan, malah akan membawa kepada perjalanan seiring dengan realiti jahiliah yang ada dan cuba hidup bersamanya.

Islam manhaj Perubahan.

Satu daripada ciri-ciri Islam ialah ianya bersifat "merubah." la menolak cara menempel atau memperbaiki. Ia tidak rela dengan penyelesaian separuh-separuh atau sesuku-sesuku, atau ia tidak ingin mengharuskan hidup bersama jahiliah.

Firman Allah swt:

وَقَٰتِلُوهُمۡ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتۡنَةٞ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ لِلَّهِ

2:193. Dan perangilah mereka itu, sehingga tidak ada fitnah lagi dan (sehingga) ketaatan itu Hanya semata-mata untuk Allah.

Manhaj Rasul adalah Perubahan.

Manhaj Rasulullah saw. dalam menghadapi jahiliah adalah bersifat 'taghyir' (merubah). Tatkala orang-orang Quraisy menemuinya untuk berkomprominya supaya Rasulullah menyembah tuhan mereka selama sebulan dan sebagai balasan mereka akan menyembah tuhan Muhammad pula selama sebulan yang lain, Al-Quran secara tegas menurunkan ayat:

قُلۡ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡكَٰفِرُونَ ١ لَآ أَعۡبُدُ مَا تَعۡبُدُونَ ٢ وَلَآ أَنتُمۡ عَٰبِدُونَ مَآ أَعۡبُدُ ٣ وَلَآ أَنَا۠ عَابِدٞ
مَّا عَبَدتُّمۡ ٤ وَلَآ أَنتُمۡ عَٰبِدُونَ مَآ أَعۡبُدُ ٥ لَكُمۡ دِينُكُمۡ وَلِيَ دِينِ

109:1-6. Katakanlah: "Hai orang-orang kafir. Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang Aku sembah. Dan Aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak pernah (pula) menjadi penyembah Tuhan yang Aku sembah. Untukmu agamamu, dan untukkulah, agamaku."

فَلِذَٰلِكَ فَٱدۡعُۖ وَٱسۡتَقِمۡ كَمَآ أُمِرۡتَۖ وَلَا تَتَّبِعۡ أَهۡوَآءَهُمۡۖ وَقُلۡ ءَامَنتُ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِن كِتَٰبٖۖ
وَأُمِرۡتُ لِأَعۡدِلَ بَيۡنَكُمُۖ ٱللَّهُ رَبُّنَا وَرَبُّكُمۡۖ لَنَآ أَعۡمَٰلُنَا وَلَكُمۡ أَعۡمَٰلُكُمۡۖ لَا حُجَّةَ بَيۡنَنَا وَبَيۡنَكُمُۖ ٱللَّهُ
يَجۡمَعُ بَيۡنَنَاۖ وَإِلَيۡهِ ٱلۡمَصِيرُ ١٥

42:15. Maka Karena itu Serulah (mereka kepada agama ini) dan tetaplah sebagai mana diperintahkan kepadamu dan janganlah mengikuti hawa nafsu mereka dan Katakanlah: "Aku beriman kepada semua Kitab yang diturunkan Allah dan Aku diperintahkan supaya berlaku adil diantara kamu. Allah-lah Tuhan kami dan Tuhan kamu. bagi kami amal-amal kami dan bagi kamu amal-amal kamu. tidak ada pertengkaran antara kami dan kamu, Allah mengumpulkan antara kita dan kepada-Nyalah kembali (kita)".

Kedudukan Umat Islam Mewajibkan Perubahan.

Perubahan wajib sebagai suatu kemestian yang "dharuri" dilakukan oleh para pemuda Islam bagi menghadapi cabaran zaman, bagi menghadapi gelombang materialisme dan atheisme yang mengancam kewujudan Islam.

Pandangan yang mendalam tentang kedudukan Umat Islam di setiap tempat mengukuhkan lagi keperluan mempersiapkan pemuda Islam dengan persiapan yang mencukupi syarat untuk menunaikan tugas perubahan Islam yang dicita-citakan, malah ia menjadi suatu tanggungjawab agama yang tidak seharusnya diabaikan atau dipermudah-mudahkan.

Falsafah Perubahan Islam.

Perubahan Islam yang dicita-citakan itu bukanlah satu falsafah yang berbelit-belit sebagaimana yang difahami oleh setengah orang. Ia merupakan falsafah perubahan dalam Islam. Secara ringkas falsafah ini terungkap dalam kata-kata Rubi'e bin 'Amir kepada Rustam, ketua angkatan bersenjata Parsi, apabila ditanya sebab kemaraan orang-orang Islam:

"Allah mendatangkan kami bagi mengeluarkan hamba-hamba (manusia-manusia) dari menjadi hamba kepada hamba (manusia) supaya menjadi hamba kepada Allah yang Maha Esa lagi Maha Perkasa. Dari kesempitan dunia kepada dunia yang lebih luas. Dari kezaliman beragama kepada keadilan Islam. Maka kami diutus dengan agama Allah kepada mahluk Nya untuk menyeru mereka kepada Allah. Maka barangsiapa yang menerima, kami menerima mereka dan tinggalkan mereka di tanahair mereka dan sesiapa yang enggan kami perangi sehinggalah kamu menyahut seruan Allah yang dijanjikan."

Ciri-ciri Perubahan Islam

Perubahan Islam mempunyai ciri-ciri aqidah dan akhlak yang berbeza dari aliran-aliran perubahan lain di dunia. Tidak pernah mereka yang telah menghirup dan mengecapi Islam, kemudian enggan dan menolaknya, kerana Islam mempunyai keunggulannya yang tersendiri dalam konsep pemikiran, 'manhaj' haraki dan 'uslub' perubahan. Antara ciri-cirinya:

A) Perubahan Menyeluruh

Perubahan Islam bukan setakat perubahan suatu sudut dari sudut-sudut kehidupan manusia, baik di segi sosial, ekonomi, politik atau aqidah, tetapi dari segi tabiatnya. Islam itu adalah merupakan manhaj yang menyeluruh (kulli dan syamil). Ini menjadikan 'perubahan Islam' itu unik dari segi manhaj dan uslub (method dan cara).
Oleh kerana itu perubahan Islam tidak mungkin tercapai dengan cara rekaan semata-mata, apalagi secara 'irtijali' yakni tanpa program, dan tidak juga dengan cara ketenteraan untuk mendapatkan kuasa secepat kilat. Sebaliknya, perubahan Islam itu mestilah dengan mempersiapkan faktor-faktor dan sendi-sendi yang membolehkan terbangunnya masyarakat di atas asas-asas itu.

B)Perubahan aqidah (ideological)

Aqidah Islamiah menentukan tabiat dan manhaj perubahan. Maka garis yang membataskan polisi perubahan itu berkisar dan berpusat kepada dua tonggak asasi:-

1) Betul tujuan/matlamat yang ingin dicapainya; betul dalam method atau manhaj

perubahannya. Inilah yang menjadikannya menolak nilai/kriteria perubahan secara parti, politik dan ketenteraan.
2) Betul wasilah dan terjamin tepatnya dari segi syara' serta bersesuaian dengan ruh Islam, sebagaimana terpeliharanya juga perubahan Islam itu dari melanggar kaedah-kaedah syara'.

Islam melihat perubahan itu bukan sahaja dari segi tujuan tetapi juga dari segi wasilah (jalan) bagi menegakkan perintah Allah dan melaksanakan hukumanNya. Apabila perubahan itu tidak mencapai tujuan, ianya boleh membawa akibat buruk kepada Islam itu sendiri.

C)Perubahan Berperikemanusiaan

Ertinya, ia tidak akan menuju kepada kebaikan dengan melalui jalan keburukan, dan menghirup kehinaan untuk sampai ke mercu kebahagiaan. Atau ia tidak membina bangunan di atas tengkorak dan darah.

Walaupun Tacashoft, seorang pemimpin agung Komunis telah memberikan amaran untuk menghapuskan semua orang-orang Rusia yang melewati usia dua puluh lima tahun kerana mereka tidak mahu mewakili pemikiran Marx, namun Islam menunjukkan sifat-sifat rahmat dan berperikemanusiaan dalam banyak peristiwa dan kejadian.

Pada hari pembukaan Mekah, Abu Bakar As-Siddiq ra. telah menemui bapanya yang mana pada masa itu masih lagi seorang musyrik dan dibawanya kepada Rasulullah saw. Tatkala Rasulullah saw melihat, beliau lalu berkata kepada Abu Bakar, "Kenapa tidak orang tua ini sahaja yang di rumahnya dan aku sendiri datang menemuinya." Berkata Abu Bakar: "Wahai Rasulullah, dia lebih patut menemui engkau dari engkau menemuinya." Maka Rasulullah pun duduk di hadapannya dan menyapu ke atas dadanya lalu berkata, Islamlah anda, maka beliau pun memeluk agama Islam.

Di sini jelas bahawa perubahan Islam itu ada mempunyai ciri-ciri berperikemanusiaan; tabiatnya berakhlak dan akidah Islamiah ialah wasilah serta matlamatnya.

Perubahan dalam kefahaman aliran-aliran lain

Kalau demikian kefahaman perubahan cara Islam, bagaimana pula 'mafhum' perubahan aliran-aliran lain?

A) Dalam fahaman Komunis

Dalam fahaman Komunis, perubahan itu bertolak daripada hasad dengki golongan pekerja buruh dan prolitariat (golongan kelas bawah). Ia merupakan hembusan semangat dendam antara kelas-kelas di dalam masyarakat. Inilah apa yang diucapkan oleh Marx kepada golongan pekerja buruh, "Akan datang kepada kamu lima belas atau dua puluh atau lima puluh peperangan saudara di antara bangsa-bangsa untuk kamu menjadi golongan berkuasa dalam bidang politik."

Telah berkata Babun: "Sembelihkanlah golongan berkuasa dan elite serta jutawan." Berkata pula Bordon: "Dunia mesti mengetahui bahawa tidak ada jalan lain bagi melawan golongan aristokrat (atasan) selain daripada menghapuskan mereka."

Puak Komunis, dalam kefahaman mereka tentang Perubahan akan menggunakan

segala cara dan jalan (wasilah) yang menyeleweng semata-mata untuk tercapainya sebuah masyarakat Komunis. Lenin pernah berkata, "Semestinya bagi para pejuang Komunis boleh menggunakan semua cara penipuan, tipu-helah dan penyesatan. Perjuangan demi untuk Komunisme boleh dengan apa cara sekalipun asalkan dapat menyebabkan tercapainya Komunisme. Mesti difahami bahwa Komunisme adalah suatu tujuan tertinggi dan dalam usaha mencapai tujuan tertinggi ini kadang-kala dituntut menggunakan jalan-jalan yang tidak suci. Oleh itu Kominisme memberkati semua cara yang bertentangan dengan akhlak selama cara itu menolong dan membantu tercapainya matlamat kita iaitu Komunisme."

B)Dalam fahaman Revolusi Perancis

Revolusi Perancis yang bertujuan menentang kezaliman sosial dan penguasaan politik diktator juga telah mengikuti jalan dan wasilah yang tidak mulia serta menyalahi slogan dan prinsip yang dilaungkannya.
Kata Mare,"Apakah kezaliman ini? Siapakah yang tidak sanggup menyaksikan aku memotong kepala-kepala demi melepaskan manusia ramai?" Luther pula, yang menggesa untuk memadamkan revolusi berkata, "Siapa yang mampu hendaklah membunuh, mencekik, dan menyembelih dengan secara rahsia atau secara terang-terangan. Oleh itu, bunuhlah, cekiklah dan sembelihlah siapa saja dari para petani yang memberontak."

C)Dalam Protokol Zionis Yahudi

Kefahaman Perubahan dalam Zionisme pula ialah mengharuskan segala perbuatan kejam dan tindakan merosakkan demi membangunkan Kerajaan Yahuza.

Dalam Protokol (Zionis) Pertama, "Politik tidak sedikitpun bersesuaian dengan akhlak, dan pemerintah yang terikat dengan akhlak bukanlah politikus yang baik. Tujuan menghalalkan cara. Maka kita hendaklah meletakkan perencanaan kita tanpa menoleh apakah ia baik atau berakhlak, apa yang penting ialah sejauh mana kepentingan dan faedahnya."

Dalam Protokol Ketiga, "Kita perlu memerintah beberapa puak dengan mengeksploitasikan perasaan hasad dengan menyalakan permusuhan mereka dengan kesempitan hidup dan kemiskinan. Perasaan ini ialah wasilah kita yang membolehkan kita menyapu (menghapuskan) setiap mereka yang menyekat tujuan kita."

D)Dalam dunia Arab

Negara-negara Arab di dalam empat kurun lepas telah memperlihatkan usaha-usaha dan gerakan-gerakan perubahan, paling tidak ianya tidak berasaskan aqidah, tidak berasaskan akhlak dan tidak juga berperikemanusiaan.

Usaha-usaha dan gerakan itu lebih bersifat kepada Patriotisme, Nasionalisme, Kepuakan, Sosialisme, Komunisme dan lain-lain yang dahagakan darah dengan pembunuhan atau mencabul kehormatan, dengan mencincang mayat dan segala bentuk balas dendam.

Aliran-aliran ini ialah aliran perubahan yang telah menyimpang dan menyeleweng. Ianya berkisar pada pembunuhan beramai-ramai yang menggerunkan, sedangkan umat dan dunia memerlukan kepada suatu manhaj perubahan yang menjamin kemantapan dan kestabilan, manhaj yang menghilangkan kepulan asap kecelakaan, kegelisahan dan ketakutan. Ini semua tidak mungkin didapati dalam perubahan Islam.

PEMAHAMAN TENTANG PERUBAHAN ISLAM

Berbagai pendapat dan pandangan tentang pemahaman Perubahan Islam sehingga ia menjadi suatu keperluan bagi kita menentukan pemahaman yang sebenar, yang tidak menjadikannya suatu konsep yang salah.

- Perubahan Islam bukanlah suatu fenomena politik bagi sebuah negara.
- Ia juga bukanlah satu ketetapan yang lahir dari sebuah negara yang mengharamkan hanya sebahagian apa yang diharamkan Allah, atau melaksanakan sebahagian dari syariat Allah.
- Ia bukanlah merupakan nas dalam perlembagaan di sebuah negara yang menyatakan agama rasminya ialah agama Islam atau ketua negaranya semesti seorang yang beragama Islam.
- Dalam Perubahan Islam, tidak tergambar hukuman gantung atau hukuman bunuh sebilangan kecil atau sebilangan besar mereka yang menyeleweng samada dari segi politik mahupun akhlak.
- Perubahan Islam tidak berlaku dengan hanya menghapuskan kebatilan tanpa menelurkan hak.
- Perubahan Islam tidak mungkin akan bercanggah dengan kepastian ilmiah atau bertentangan dengan kemajuan teknik.
- Sesungguhnya perubahan Islam itu adalah dengan meruntuhkan asas masyarakat jahiliah pada sudut pemikiran, perundangan dan juga prinsip-prinsip. Dan menggantikannya dengan pemikiran, perundangan dan prinsip-prinsip Islam di tempat itu.
- Perubahan Islam bererti melaksanakan 'Ubudiyah' manusia kepada Allah di dalam semua urusan kehidupan individu dan awam.
- Perubahan Islam bererti kesetiaan dan kepatuhan masyarakat, bangsa dan pemerintah hanya bagi Allah Rabb al-Alamin.
- Perubahan Islam ialah perubahan dari akar umbi secara menyeluruh dan mencabut segala bentuk 'kayan' jahiliah dan bukannya usaha tempelan atau memperbaiki beberapa sudut sahaja dengan celupan Islam.

Kenapa Perubahan Islam?

Sesungguhnya perubahan yang mengikut ciri-ciri yang telah disebutkan itu merupakan suatu kefardhuan dari segi syara’ dan penting dari segi kemanusiaan.
Adapun dari segi syara’, dengan sebabkan terbengkalainya 'hakimiyah Allah' di muka bumi dan berkuatkuasanya sistem dan perundangan ciptaan manusia ke atas masyarakat umat manusia, wajib setiap orang Islam mengambil inisiatif melakukan perubahan dan memulakan cara hidup Islam sebagai memenuhi tuntutan Islam. Firman Allah swt:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا۟ تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

4:65. Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, Kemudian mereka tidak merasa dalam hati mereka sesuatu keberatan terhadap putusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya.

وَمَا ٱخۡتَلَفۡتُمۡ فِيهِ مِن شَيۡءٖ فَحُكۡمُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبِّي عَلَيۡهِ تَوَكَّلۡتُ وَإِلَيۡهِ أُنِيبُ

"Tentang apapun kamu berselisih, maka putusannya terserah kepada Allah. Itulah Allah tuhanku. KepadaNya aku bertawakkal dan kepadaNyalah aku kembali." S 42.10

Usaha bagi mewujudkan sebuah masyarakat Islam tidak akan tercapai tanpa perubahan. Hukum-hukum dan kewajipan syara' tidak mungkin dilaksanakan tanpa negara, dan mengikut satu kaedah syara':

(أن ما لا يتم الواجب الا به فهر واجب).

'Sesuatu yang tidak menyempurnakan satu kewajipan yang lain melainkan dengannya, maka ia juga wajib hukumnya.'

Perubahan Islam dianggap menjadi suatu perkara penting bagi umat manusia kerana banyak sebab dan alasan yang boleh kita simpulkan adalah seperti berikut:-

* Melepaskan umat manusia dari kehinaan dan kecelakaan yang diakibatkan oleh peradaban barat.
* Bankrapnya tamadun negara barat menjadikan perubahan Islam itu suatu keperluan yang mendesak kepada umat manusia.
* Hancur leburnya 'kayan-kayan' (bentuk) aqidah di dunia memerlukan kepada perubahan secara Islam dan penyelesaian Islam.
* Pandangan yang mendalam dan teliti terhadap kedudukan dunia Islam kini memerlukan perubahan Islam ini iaitu.

Ada negara-negara yang mendakwa sebagai negara Islam, dalam waktu yang sama memburukkan wajah Islam dan hakikat Islam dengan melakukan apa yang sebenarnya jauh dari Islam!

Ada negara-negara Islam lain yang mengadu bahawa ia dikuasai oleh parti-parti kiri atau kanan yang rakyatnya diperintah di bawah besi dan api, dan Islam diperangi tanpa ada tolak ansur lagi.

Ada negara Islam yang menjual diri dan maruah kepada blok timur mahupun blok barat, menjadikan rakyat dan hasil negaranya hanya bagi kepentingan penjajahan.
Kenyataan yang pahit ini sedang dialami oleh umat manusia dan dunia memerlukan perubahan itu hinggakan ia sampai ke peringkat wajib. Adalah penting untuk melepaskan dunia Islam dari keadaan yang ada, supaya Islam dapat mengambil pimpinan bagi menunjuk dunia kepada hidayah dan seterusnya melepaskan manusia dari kehilangan pegangan dan terkapai-kapai.
Seperti Firman Allah swt:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلۡنَٰكُمۡ أُمَّةٗ وَسَطٗا لِّتَكُونُواْ شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِ وَيَكُونَ ٱلرَّسُولُ عَلَيۡكُمۡ شَهِيدٗاۗ

2:143. Dan demikian (pula) kami Telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu.

Ada segolongan orang pula berpendapat bahawa perubahan Islam tidak ada faedahnya selain dari mendapat keredhaan Allah di akhirat dan terlepas dari

siksaanNya. Tanpa menafikan pentingnya sudut akhirat, Perubahan Islam memberi keuntungan di dunia sebelum di akhirat. Antara lainnya:-

- Tercapainya keimanan kaum muslimin, kewujudan mereka, aqidah dan juga akhlak mereka.
- Tercapainya wahdah (Penyatuan) muslim dan kekuatan mereka yang membolehkan mereka menyelesaikan masalah politik dan ketenteraan mereka.
- Tercapainya keadilan dan kecukupan dalam kehidupan berekonomi.
- Tercapainya kewujudan individu soleh, usrah solehah, masyarakat baik dan negara yang baik.
- Tercapainya gambaran dari prinsip perundangan dan sistem Islam dalam realiti bukan sahaja sebagai suatu ideal.
- Terbangunnya suatu kuasa ketiga antara dua blok yang sering bertentangan (timur/barat). Ini mengujudkan perimbangan di dunia dan menghentikan pertentangan antara kuasa timur dan kuasa barat serta pencabulan mereka yang berterusan ke atas keselamatan dan keamanan bangsa-bangsa yang lemah serta hak mereka untuk hidup merdeka sepenuhnya.
- Tercapainya kepimpinan Pemikiran Islam dan penguasaan 'manhaj' Islam selepas bankrapnya tamadun barat dan runtuhnya ideologi-ideologi taghut di dunia.

Apakah Ertinya Tercapai Perubahan Islam

Apabila kita menyeru ke arah perubahan Islam kita mestilah mengetahui apakah yang diertikan dengannya dan apa pula implikasi darinya?

Perubahan Islam bukanlah perkara biasa. Juga bukannya kerja yang mudah. Ia bukanlah seperti revolusi-revolusi lain, tidak juga seperti lain-lain pemberontakan.

Perubahan Islam ialah yang berdasarkan aqidah Islam dan tidak dapat berdiri atas asas aqidah lain. Ia melalui manhaj dan sistem yang tidak ada tandingannya di alam ini. Ia merupakan kuasa ketiga yang tidak dapat ditandingi oleh kuasa lain.

- Oleh itu ia akan menggerakkan semua kuasa-kuasa dunia untuk berusaha menghentikan perjalanannya.
- Kerana itu kuasa Yahudi antarabangsa serta Misionary antarabangsa, juga Komunis antarabangsa akan menentang gerakan perubahan Islam.
- Kerana itu juga banyak institusi dan pertubuhan Arab dan 'Islam' akan menentang Perubahan Islam ini.
- Kerana itu setiap parti di kalangan umat kita akan menentang Perubahan Islam ini.Sesungguhnya jalan ke arah perubahan Islam adalah jalan yang sukar dan berlumpur tetapi ia merupakan satu-satunya jalan yang hak (dan yang hak itu lebih berhak untuk diikuti).

Firman Allah swt:

وَأَنَّ هَـٰذَا صِرَٰطِى مُسْتَقِيمًا فَٱتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ

6:153. Dan bahwa (yang kami perintahkan ini) adalah jalanKu yang lurus, Maka ikutilah Dia, dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan (yang lain), Karena jalan-jalan itu mencerai beraikan kamu dari jalannya.

فَذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمُ ٱلْحَقُّ ۖ فَمَاذَا بَعْدَ ٱلْحَقِّ إِلَّا ٱلضَّلَـٰلُ

10:32. Maka (Zat yang demikian) Itulah Allah Tuhan kamu yang Sebenarnya; Maka tidak ada sesudah kebenaran itu, melainkan kesesatan.

Pemilihan Mereka Yang Berkeahlian

Tugas perubahan yang sukar itu dituntut oleh Islam untuk melepaskan manusia dari kerendahan jahiliah, dan ianya memerlukan kepada para pemuda sebagai pihak yang berkeahlian dan mempunyai persediaan. Ini memerlukan adanya pemilihan yang baik.

Logik pemilihan ini bukanlah satu perkara baru atau yang diada-adakan. Ia suatu logik yang telah berlaku dalam sejarah bagi melaksanakan perubahan di mana penerimaan umat manusia, persiapan dan kebolehan berbeza dari segi kualiti dan kuantiti. Apa yang mampu dilakukan oleh seseorang itu mungkin tidak mampu dilakukan oleh yang lain, begitu pula sebaliknya. Memang benarlah apa yang disabdakan oleh Rasulullah saw dalam menggambarkan perbezaan manusia dalam memberi dan menerima.

Sabdanya:

(مثل ما بعثني الله به من الهدى والعلم كمثل
الغيث الكثير أصاب أرضا فكان منها: ١ –
نقية (اي طيبة) قبلت الماء فأنبتت الكلأ
والعشب الكثير.. وكانت منها: ٢ – أجادب
أمسكت الماء فنفع الله بها الناس فشربوا
وسقوا وزرعوا.. واصاب منها طائفة اخرى ثم
هي: ٣ – قيعان لا تمسك ماء ولا تنبت كلأ..
فذلك مثل من فقه في دين الله ونضعه ما بعثني
الله به فعلم وعلم.. ومثل من لم فع بذلك رأسا
ولم يقبل هدى الله الذي أرسلت به).

'Bandingan apa yang diutuskan oleh Allah kepada aku yang berupa petunjuk dan ilmu adalah bagaikan hujan yang banyak yang menimpa bumi. Bumi itu sebahagiannya baik, ia menerima hujan dan dengan itu menumbuhkan rumput (tumbuhan) yang banyak. Sebahagiannya tidak menumbuhkan tanaman tetapi ia menakung air lalu Allah jadikan manusia mendapat manfaat dengannya untuk minuman dan menyiram tanaman. Dan sebahagian yang lain tidak menakung air serta tidak menumbuhkan tumbuhan. Maka begitulah bandingan mereka yang faham agama Allah. Apabila diberi manfaat yang diutus oleh Allah maka dia belajar dan mengajar. Bandingannya ialah mereka yang tidak diangkat dan tidak menerima petunjuk Allah yang telah diutuskan itu.'

Pemilihan ini digunakan oleh Rasulullah apabila baginda memilih mereka yang mempunyai persediaan dan keupayaan untuk berdakwah sebelum dihantar untuk menyeru kaum qabilah Arab dan manusia umumnya. Prinsip pemilihan ini telahpun berlaku dalam tugas-tugas yang penting.

Pada hari peperangan Khaibar telah bersabda Rasulullah saw:
"Akan aku berikan bendera ini kepada lelaki yang Allah akan membuka Khaibar di tangannya, dia kasih kepada Allah dan RasulNya dan dia pula dikasihi Allah dan RasulNya."S20.13

Besok paginya semua menemui Rasulullah dengan harapan bendera tersebut akan diserah kepada masing-masing. Bersabda Rasulullah, "Di mana Ali bin Abu Talib?" Maka dijawab, "Dia mengadu kesakitan mata." Bersabda Rasulullah, "Jemputkan dia

ke mari." Ali datang menemui Rasuluilah. Maka Rasulullah pun meludahkan ke dua mata Ali dan berdoa supaya sembuh, lalu ia segera sembuh seperti tidak pernah mengalami kesakitan. Maka Rasulullah saw pun memberikan bendera itu kepadanya.' Al-Quran telah menunjukkan kepada kita akan prinsip pemilihan dalam banyak ayat dan tempat dalam membentangkan tentang para anbiya' dan mursalin.

Tentang pemilihan Musa a.s. Allah berfirman:

إِنِّى ٱصْطَفَيْتُكَ عَلَى ٱلنَّاسِ بِرِسَٰلَٰتِى وَبِكَلَٰمِى فَخُذْ مَآ ءَاتَيْتُكَ وَكُن مِّنَ ٱلشَّٰكِرِينَ

7:144. Sesungguhnya Aku memilih (melebihkan) kamu dan manusia yang lain (di masamu) untuk membawa risalah-Ku dan untuk berbicara langsung dengan-Ku, sebab itu berpegang teguhlah kepada apa yang Aku berikan kepadamu dan hendaklah kamu termasuk orang-orang yang bersyukur."

وَأَنَا ٱخْتَرْتُكَ فَٱسْتَمِعْ لِمَا يُوحَىٰٓ ﴿١٣﴾

20:13. Dan Aku Telah memilih kamu, Maka dengarkanlah apa yang akan diwahyukan (kepadamu).

Tentang pemilihan Maryam Allah swt berfirman:

وَإِذْ قَالَتِ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ يَٰمَرْيَمُ إِنَّ ٱللَّهَ ٱصْطَفَىٰكِ وَطَهَّرَكِ وَٱصْطَفَىٰكِ عَلَىٰ نِسَآءِ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٤٢﴾

3:42. Dan (Ingatlah) ketika malaikat (Jibril) berkata: "Hai Maryam, Sesungguhnya Allah Telah memilih kamu, mensucikan kamu dan melebihkan kamu atas segala wanita di dunia (yang semasa dengan kamu).

Dalam pemilihan Nabi Adam, Nuh dan Ibrahim pula, Allah swt berfirman:

۞ إِنَّ ٱللَّهَ ٱصْطَفَىٰٓ ءَادَمَ وَنُوحًا وَءَالَ إِبْرَٰهِيمَ وَءَالَ عِمْرَٰنَ عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٣٣﴾ ذُرِّيَّةًۢ بَعْضُهَا مِنۢ بَعْضٍ ۗ

3:33. Sesungguhnya Allah Telah memilih Adam, Nuh, keluarga Ibrahim dan keluarga 'Imran melebihi segala umat (di masa mereka masing-masing),mewarisi zuriat sebahagiannya dari sebahagian yang lain.

Tentang pemilihan Rasulullah saw pula, Nabi Muhammad saw sendiri bersabda:

(ان الله اصطفى كنانة من ولد اسماعيل..
واصطفى قريشاً من كنانة.. واصطفى من قريش
بني هاشم.. واصطفاني من بني هاشم).

'Allah telah memilih kaum Kananah dari keturunan Ismail. Dia memilih Quraisy dari Kananah. Dia memilih Bani Hasyim dari kalangan Quraisy, dan memilih aku dari Bani Hasyim.' Riwayat Muslim dalam sahihnya.

Asas Keahlian Yang Dipilih

Perbezaan kemampuan dan persiapan di antara individu-individu yang berlainan adalah suatu tabi'i dan realiti. Maka di sana terdapat faktor yang banyak menjadikan

perbezaan ini, samada merupakan fitrah (asal kejadian), warisan atau juga faktor yang boleh diusaha (iktisabi). Di antara faktor ini ada yang merupakan asas yang tumbuh dari peribadi individu itu atau yang baru muncul.

Operasi pemilihan perlulah berpegang kepada faktor sifat-sifat asas yang antara lain ialah:-

1- Persiapan indhibati (Boleh disusun-atur)

Suatu sifat yang membolehkan seorang itu dicalonkan untuk berperanan mengubah tamadun ini ialah persediannya menurut arahan. Penerimaan arahan adalah suatu persediaan kejiwaan dan fikiran untuk terikat dan berpegang teguh (iltizam). Tanpa adanya persediaan ini, unsur taat akan hilang dan turut hilang pula unsur bersedia menerima untuk melaksanakan. Maka tidak ada nilai kemampuan rohaniah, fikriyah dan jasmaniah yang boleh dimanfaatkan daripadanya dan ia tidak dapat dikawal atau diarahkan. Ia kadangkala menjadi unsur yang menghancurkan, menyekat dan menghalang.

2-Persedian Ibdai'i (Memberi/produktif)

Suatu lagi sifat yang wajib ada pada seorang calon untuk berperanan mengubah ialah sifat Ibda' ertinya memberi dan melahirkan natijah. Inilah sifat yang menjadikan seorang pemuda Islam itu dalam suasana masyarakat sekitarnya menjadi sebagai pelopor dan bukannya pengekor, yang cergas bergiat dan bukannya malas dan menjemukan. Yakni sifat inisiatif sendiri dalam skop peranan yang diwakilkan kepadanya. Adapun mereka yang hanya bergerak apabila diketuk atau ditekan, maka yang seumpama itu tidak diperlukan sangat oleh Islam dewasa ini. Keperluan hari ini amatlah mendesak kepada mereka yang sanggup memikul Islam bukannya Islam memikul mereka.

3- Persediaan Jihad

Sifat yang berikutnya bagi pemuda Islam sebagai calon berperanan mengubah ialah sifat Jihad, ertinya persediaan kejiwaan untuk berjihad dan tuntutan jihad seperti berkorban jiwa dan harta malah segala sesuatu. Sifat jihad yang menjadikan pemuda Islam itu mempunyai persediaan cukup bagi memenuhi bai'ah dengan Allah menurut firmanNya:

إِنَّ ٱللَّهَ ٱشۡتَرَىٰ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ أَنفُسَهُمۡ وَأَمۡوَٰلَهُم بِأَنَّ لَهُمُ ٱلۡجَنَّةَۚ
يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيَقۡتُلُونَ وَيُقۡتَلُونَۖ وَعۡدًا عَلَيۡهِ حَقّٗا فِي ٱلتَّوۡرَىٰةِ
وَٱلۡإِنجِيلِ وَٱلۡقُرۡءَانِۚ وَمَنۡ أَوۡفَىٰ بِعَهۡدِهِۦ مِنَ ٱللَّهِۚ فَٱسۡتَبۡشِرُواْ بِبَيۡعِكُمُ ٱلَّذِي
بَايَعۡتُم بِهِۦۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ١١١

9:111 "Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang-orang mukmin itu jiwa dan harta mereka dengan ganjaran syurga, mereka berperang pada jalan Allah, maka mereka membunuh dan mereka dibunuh, janji ke atasnya itu benar tersebut dalam Taurat, Injil dan al-Quran, dan siapakah yang lebih menepati janjinya selain dari Allah dan bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu, dan itulah kemenangan yang besar."

Inilah di antara sifat-sifat penting yang diwajibkan ada pada mereka yang akan dicalonkan untuk melakukan tugas perubahan. Dan inilah sifat-sifat utama yang darinya muncul pula sifat-sifat lain.

Gambaran Buruk Yang Ingin Diubati

Persediaan untuk pemuda Islam bagi menghadapi cabaran dan melakukan perubahan Islam yang dicita -citakan itu, sewajibnya menepati segala jaminan untuk menjadikannya mampu membentuk 'Sahsiah Island yah' yang sejajar dengan peranan-yang telah diamanahkan kepadanya.

Sesungguhnya 'Sahsiah Islamiyyah' kini telah ditimpa gambaran buruk yang mengakibatkan kepada terbantutnya peranan yang sejati ini juga membawa kepada penggunaan tenaga pada perkara-perkara ranting (juz'i) yang membawa kepada hilangnya kemampuan untuk mengikuti jalan hingga ke hujung perjuangan atau boleh membawa kepada natijah-natijah buruk.

Antara rencana persediaan yang mesti diberikan perhatian yang kebiasaannya telah menyebabkan wajah buruk kepada Sahsiah Islamiyyah, dan dikhususkan kepada pemuda Islam ialah:-

1- Penguasaan Idealisme Negatif terhadap Harakah

Ianya adalah pemisahan yang berlaku terhadap sebahagian pemuda Islam di antara idealisme yang berbentuk teori yang menjadikan mereka abai dari beriltizam secara amali. Akibatnya tidak ada kesan langsung di bidang penghasilan haraki.

Sebahagian yang lain pula menyepikan diri mereka ke dalam ruangan yang sempit di dalam "Idealisme" yang menyebabkan mereka tidak akan sampai kepada kenyataan atau menuju kepada ideal itu. Mereka ini tidak menggunakan tenaga mereka yang sepatutnya mereka gunakan untuk bergerak dan menghasilkan sesuatu.

Sesungguhnya ada seorang muslim pada zaman nubuwah telah mengasingkan dirinya di atas sebuah bukit. Maka dia berjumpa dengan Rasulullah saw lalu baginda bersabda:

احدكم ساعة في مو طن من مواطن الجهاد خير
من عبادة احدكم ستين عاما).

'Kesabaran seseorang dari kamu satu saat di suatu tempat jihad lebih baik daripada beribadat enam puluh tahun.'

Rasulullah saw tidak akan memilih antara dua, kecuali jalan tengah selagi ia tidak bertentangan dengan syariat Allah. Antara wasiat Rasulullah saw yang masyhur:

(القليل الدائم خير من الكثير المنقطع).

'Sedikit yang berterusan lebih baik daripada banyak yang berputus-putus.'

Keimanan mewajibkan bergerak (harakah) dan mengeluarkan hasil (intaj), jika tidak maka ia menjadi iman yang kurang dan disyaki. Ini adalah berdasarkan kepada ayat-ayat di dalam kitab Allah yang mana setiap ayat mengenai iman, disyaratkan dengan amal. Cukuplah sebagai bukti firman Allah: "Tidak ada kebaikan pada banyaknya doa' (munajat) mereka itu kecuali mereka yang diperintahkan dengan bersedekah."

2- Penguasaan Teori ke atas Realiti

Daripada gambaran buruk 'Sahsiah Islamiyyah' juga ialah, berfikir pada bekas yang jumud yang sesuai dengan waqi' (realiti) atau tidak atau sesuai dengan realiti lain. Ini membawa terpisahnya para teoris itu dari realiti kehidupan, atau mereka gagal dalam mengubah realiti (waqi'), kerana mereka tidak memahami atau mengkaji realiti yang sebenar. Perubahan Islam tidak mungkin tercapai melalui teori yang jahil dengan realiti dan juga latar belakang serta kekuatan-kekuatan (power) yang menguasai suasana itu.

Kadangkala golongan ini menganggap kegagalan mereka sebagai takdir dari Allah, dan pada mereka cukuplah untuk menjadi 'ghuraba' (dagang) pada akhir zaman, atau cukup untuk mereka berada atas jalan 'haq' (kebenaran) walaupun mereka tidak dapat menguasai kebatilan atau mengubahnya.

Pada hakikatnya mereka tidak mengambil sebab-sebab yang membolehkan berlakunya perubahan itu. Mereka tidak menggunakan nawamis yang ditentukan Allah untuk perubahan. Mereka menganggap sesuatu perubahan itu sebagai suatu keadaan mukjizat yang mungkin berlaku tanpa penat dan payah, seolah-olah mereka tidak mengambil ingatan terhadap firman Allah swt:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوۡمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِهِمۡ

13:11 "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum itu sehingga mereka itu mengubah apa yang ada dalam diri mereka."

Menghubungkan sebab dengan musabab, serta menggunakan segala sebab yang ada khususnya dalam peranan penting seperti Perubahan Islam ini merupakan suatu kaedah asal dalam agama Allah yang tidak harus dilupakan, atau dicuaikan atau dipermudahkan. Ini disebut sendiri oleh Al-Quran:

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ لَمۡ يَكُ مُغَيِّرًا نِّعۡمَةً أَنۡعَمَهَا عَلَىٰ قَوۡمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِهِمۡ

8:53 "Sesungguhnya Allah tidak mengubah nikmat yang diberikan kepada sesuatu kaum melainkan mereka mengubah apa yang ada dalam diri mereka."

3- Keterlaluan mengatasi kesederhanaan

Salah satu dari rupa buruk Sahsiah Islamiyyah hari ini ialah gejala keterlaluan yang tidak ada kesederhanaannya. Gejala ini mungkin merupakan gejala yang paling merbahaya kepada harakah Islamiyyah malah kepada Islam sendiri.

- Kadang-kadang gejala ini wujud dalam skop keyakinan peribadi terhadap Islam, yang akan membawa kepada 'ghuluw' (melampau). Rasulullah saw telah mengingatkan:

(ان هذا الدين شديد فأوغلوا فيه برفق).
(ألا هلك المتنطعون)

'Sesungguhnya agama itu keras, maka masuklah kamu ke dalamnya dengan lemah-lembut. Berjagalah! Binasa orang yang berjalan meraba-raba.'

- Kadang-kala gejala ini timbul dalam bentuk amal dakwah dan usaha menarik orang kepada Islam, yang membawa kesan sebaliknya. Ianya menjadikan orang bertambah liar bukan bertambah dekat. Ini adalah bertentangan dengan Sunnah Rasulullah saw seperti yang ditunjukkan oleh al-Quran:

ٱدۡعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلۡحِكۡمَةِ وَٱلۡمَوۡعِظَةِ ٱلۡحَسَنَةِۖ وَجَٰدِلۡهُم بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُۚ

"Serulah (manusia) kepada jalan tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan berbincanglah (berdialog) dengan mereka itu dengan cara yang lebih baik." S 16.125

وَلَوۡ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ ٱلۡقَلۡبِ لَٱنفَضُّواْ مِنۡ حَوۡلِكَۖ

"Sekiranya kamu bersikap keras dan berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekeliling kamu." S 3.159

لَقَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولٞ مِّنۡ أَنفُسِكُمۡ عَزِيزٌ عَلَيۡهِ مَا عَنِتُّمۡ حَرِيصٌ عَلَيۡكُم بِٱلۡمُؤۡمِنِينَ رَءُوفٞ رَّحِيمٞ ١٢٨

9:128 "Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mu'min."

- Kadang-kala gejala ini timbul di dalam keadaan menghapuskan kemungkaran, samada secara serpihan (juzi'i) atau keseluruhan (kulli), iaitu sebelum cukup sempurna persediaan yang perlu untuk kerja tersebut. Maka ini menyebabkan harakah menerima 'mihnah' (tribulasi) dan cabaran yang lebih besar yang mana harakah Islam ini belum lagi bersedia untuk menghadapinya.

Pada hakikatnya, gejala ini banyak mengandungi risiko terhadap harakah Islamiyah pada zaman sekarang dan terpaksa dibayar dengan harga yang mahal, paling sedikit gejala ini akan melambatkan amal dan menghentikan perjalanan' sama ada secara juzi'i atau kulli (separuh atau keseluruhan).

4- Penguasaan Juziyyah ke atas Kulliyyah

Iaitu gejala memburukkan wajah gerakan Islam dengan adanya sebahagian dari pemuda Islam yang hanya menekankan suatu sudut tertentu dari Islam dan tidak memandang kepada sudut-sudut lain. Ada di antara mereka yang hanya menekankan kepada pakaian Islam dan apa-apa yang berhubung dengannya sahaja, atau yang lain menekankan soal janggut, tasbih dan kayu sugi (siwak) dan tidak yang lain, sedangkan sebahagian lain menekankan cara kekerasan dan kekuatan material dan tidak kepada yang lain, sedangkan yang lain pula menekankan kepada kehidupan secara rahib dan tasawuf, yang lain menekankan fiqh dan tafaqquh. Kesemuanya mendakwa bahawa merekalah yang benar dan orang lain salah.

Sepatutnya dalam pentarbiyahan pemuda hendaklah ditekankan supaya mengambil Islam keseluruhannya dan sekaligus. Mengikut prioriti yang mana lebih penting untuk diberikan keutamaan serta meletakkan setiap perkara itu pada skop dan kedudukannya yang syarie.

5-Penguasaan Peribadi ke atas Ideologi

Antara gambaran buruk lain ialah ikutan kepada peribadi, melampau dalam taksub kepada manusia di mana ada segolongan pemuda Islam yang taksub kepada peribadi-peribadi (Askhas) bukannya, prinsip (mabadi'). Mereka bergantung kepada peribadi itu lebih daripada pergantungan mereka kepada mabadi' (prinsip). Ini membawa kepada sebab utama mengapa tidak ada penuh kesetiaan atau kepatuhan (wala') kepada Allah. Mereka ini berpihak kepada puak, taksub kepada individu-individu dan nama-nama, bukannya kepada apa yang disyariatkan oleh Allah.

- Dari bahaya gejala ini dan natijah buruknya ialah berlakunya percanggahan dan pecah-belah dalam tubuh harakah Islamiyyah dan timbulnya penyakit yang banyak dalam amal Islami serta banyak wadah dan bendera.

- Dari bahaya gejala ini juga ialah rosaknya neraca hukuman syarak atau menghukum menurut

kaca mata Islam, di mana taksub kepada individu dan hawa nafsu telah mengganti tempat yang sepatutnya diisi oleh taksub kepada prinsip dan nilai.

- Begitu juga gejala ini turut mendedahkan merekaitu ke arah penyelewengan terus natijah daripadaapa yang telah kita sebutkan di atas.

Dari sinilah mungkin kita dapat faham kata-kata Abu Bakar as-Siddiq, 'Sesiapa yang menyembah Muhammad, sesungguhnya Muhammad telah wafat, dan barangsiapa yang menyembah Allah, maka Allah hidup tidak mati.'

Lalu beliau pun membaca firman Allah swt:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُ ۚ أَفَإِيْن مَّاتَ أَوْ قُتِلَ ٱنقَلَبْتُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَـٰبِكُمْ ۚ وَمَن يَنقَلِبْ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ فَلَن يَضُرَّ ٱللَّهَ شَيْـًٔا ۗ وَسَيَجْزِى ٱللَّهُ ٱلشَّـٰكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

3:144 "Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul, sesungguhnya telah berlalu sebelumnya beberapa orang rasul. Apakah jika dia wafat atau dibunuh kamu berpaling ke belakang (murtad). Barangsiapa yang paling ke belakang maka ia tidak dapat mendatangkan mudharat kepada Allah sedikitpun dan Allah akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur."

Kaedah yang sewajibnya menentukan hubungan kita, dan penilaian kita terhadap pimpinan ialah: Wajib mengenali makhluk berdasarkan 'haq' yakni kebenaran dan bukannya mengenal kebenaran melalui makhluk.

6- Penguasaan Hawa nafsu atas Kebenaran

Di sana terdapat suatu lagi gejala lain yang memburukkan wajah gerakan Islam iaitu manusia lebih suka mengikuti kemahuan dan nafsunya sendiri serta fikirannya walaupun bertentangan dengan pandangan 'qiadah' (pimpinan). Sedangkan tarbiyah Islamiyyah mewajibkan supaya ia digantikan dengan keinginan peribadi dan kemahuan sendiri dengan kepatuhan (wala) sepenuhnya kepada Allah seperti yang dimaksudkan dalara firman Allah:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ

"Tidaklah patut bagi seseorang mukmin itu, lelaki atau perempuan mempunyai pilihan lagi jika sekiranya telah dihukum oleh Allah dan RasulNya dalam sesuatu perkara tentang urusan mereka."
S 33.36

7- Antara Apa Yang telah Berlaku dengan Apa Yang Akan Berlaku

Satu lagi gejala yang memburukkan sahsiah Islamiyyah hari ini ialah dengan menerima realiti dan tunduk kepadanya. Ini menjadikan natijah dan hasil yang semata-mata bergantung kepada apa yang ada, bukan apa yang sepatutnya (sewajibnya) berlaku. Dalam banyak keadaan, logik ini menyekat perjalanan harakah dan tidak sampai kepada matlamatnya, kerana perencanaan dalam keadaan ini mengikut asas kemampuan yang ada bukannya kemampuan yang sepatutnya ada. Perbezaan antara dua keadaan itu seperti perbezaan antara Haq dan Batil. Oleh sebab itu pemuda Islam wajib ditarbiyyah dan dididik supaya bercita-cita tinggi atas kebenaran dan merasa mulia dari kebatilan. Mereka juga harus dididik supaya tidak menggadaikan haq kepada waqi untuk membolehkan mereka melaksanakan Perubahan Islam yang dicita-citakan.

Persedian Pemuda Islam

Seperti yang telah dinyatakan kepada kita bahawa peranan pemuda Islam ialah peranan mengubah, iaitu suatu peranan yang amat sulit dan berat. Maka sewajarnya persediaan mereka juga hendaklah sesuai dengan besarnya tanggungjawab dan mas uliyah tersebut, serta betapa bahayanya atau risiko yang akan dihadapi olehnya. Dari sini, perkara utama yang mesti diingat

ialah menentukan skop-skop kasar yang asas bagi persediaan ini sebelum kita masuk secara terperinci.

1- Hendaklah persediaan itu satu persediaan yangsempurna-menyempurnakan: Dalam erti kata yang lain, ianya hendaklah merangkumi semua sudut persediaan, dari segi pemikiran, kejiwaan, pergerakan dan sebagainya. Jangan jadi persediaan itu hanya tertumpu kepada pemikiran semata-mata, atau kerohanian semata-mata, atau pergerakan politiksemata-mata, tetapi ia hendaklah menitik beratkan semua sudut sahsiah supaya menjadi sahsiah Islamiyyah yang sempurna yang mampu bertahan menghadapi cabaran serta berterusan untuk mencapai matlamat.

2- Persediaan yang seimbang: Iaitu dengan menitik beratkan setiap sudut dengan kadar yang sepatutnya bukan berlebihan dan tidak pula berkurangan. Ini kerana melebihkan perhatian kepada sesuatu sudut akan mengurangkan perhatian kepada sudut lain pula. Ini tidak syak lagi akan membawa kepada keburukan dan menghilangkan keseimbangan sahsiah Islam tadi.

3- Persediaan itu hendaklah praktikal di mana ia tidaklah seharusnya dalam bentuk teori sahaja, tetapi hendaklah bergantung kepada uslub dan method 'tatbiqi' (amali) dalam usaha pembentukan (takwin) dan persediaan, juga untuk mewujudkan contoh baik yang bergerak. Ini bererti persediaan ini ialah melalui harakah dan amal, bukannya melalui 'maui'zah' (nasihat) dan pelajaran.

Melaksanakan perkara-perkara utama yang asas ini dalam usaha penyediaan, membantu untuk mewujudkan sahsiah yang mantap, yang tidak kabur atau pincang, tidak pula ekstrim dan tidak juga tarakhus (memudah-mudahkan) atau terlalu bertolak ansur. Inilah sahsiah yang dihajati oleh Islam hari ini dalam proses perubahan.

Bentuk manhaj Bagi Persediaan Pemuda Islam

Ia wajiblah mengandungi tiga perkara pokok:

1- Persediaan di segi pemikiran.

2- Persediaan di segi kejiwaan.

3- Persediaan di segi haraki (Pergerakan).

1- Persediaan di segi Pemikiran

Yang kita maksudkan adalah membentuk aqliyah Islamiyyah (berfikir secara Islam) bagi pemuda-pemuda Islam. Apakah 'thaqafah' (pengetahuan) yang diperlukan?

Bagi pemuda Islam, supaya membolehkan mereka bangun menunaikan tanggungjawab yang berat itu, mereka memerlukan pemikiran yang sempurna, iaitu:

A) "Thaqafah Islamiyyah (pengetahuan Islam) iaitu wajib mereka dipersenjatai dengan pengetahuan Islam, di mana pengetahuan yang asli murni terpusat pada usul-dasar dan kaedah. Ia diperlukanawal-awal lagi untuk membina kehidupan di atasnya; dan juga sebagai alat untuk menarik orang lain kepadanya. Sesungguhnya orang yang tidak memiliki sesuatu itu tidak mampu memberi.

Bagi membentuk thaqafah Islamiyyah ini semestinya dipelajari ilmu-ilmu berikut: Al-Quran dan tafsirnya, as-Sunnah dan ulumnya, as- Sirah an-Nabawiyah, kehidupan para sahabat, fiqh dan usul fiqh, ilmu Aqidah, ilmu Tazkiyah, dan sistem-sistem Islam. "Barangsiapa yang dikehendaki Allah kebaikan padanya dia difahamkan agama kepadanya."

B) Thaqafah Ammah (Pengetahuan Umum) iaitu pemuda-pemuda Islam memerlukan pengetahuan, ilmu dan pemikiran lain bagi membolehkannya mengkritik dan menghadapi mana-mana penyelewengan. Benarlah sabda Rasulullah saw dalam hadis-hadis:

(من تعلم لغة قوم أمِنَ مكرهم)

'Sesiapa yang mempelajari bahasa sesuatu kaum itu ia aman dari tipuan mereka.'

(خذوا الحكمة من اي وعاء خرجت).

'Ambillah hikmah itu walau vdari bekas manapun ia keluar.'

Bagi membentuk thaqafah umum maka mestilah dipelajari: Pengetahuan tentang kemanusiaan, sains, pengetahuan teatang realiti dan sejarah.

2-Persediaan di segi kejiwaan.

Apa yang kita maksudkan ialah pembentukan kejiwaan secara Islam bagi pemuda Islam. Kejiwaan Islam itu ialah kejiwaan yang menggunakan naluri dan kecenderungan mengikut hukum syara', kejiwaan yang mendapatkan fatwa Islam dan berpegang teguhdengan fatwa itu. Maka ia tidak dikuasai oleh hawa nafsu atau dipimpin oleh syahwat atau oleh kepentingan.

Persediaan kejiwaan ini samalah pentingnya dengan merialisasikan persediaan pemikiran dan mengamalkan aqliyah Islamiyyah itu.

Persediaan kejiwaan ialah menjinakkan jiwa untuk terikat dengan syarak dalam memenuhi kehendak dan kemahuan. Ini boleh dicapai dengan memahami hukum syarak bagi had-had pemenuhan itu. Kemudian menjinakkan jiwa untuk menunaikan tanggungjawab ibadah dan tarbawiyah (pendidikan tarbiah).

Persediaan kejiwaan merupakan tulang belakang kepada manhaj tarbiyyah. Ianya merupakan hati yang berdegup dan dinamo yang menggerakkan segala enjinnya.

Di sini wajiblah bagi mereka yang bertanggungjawab memberi tarbiah kepada pemuda-pemuda untuk mengetahui bahawa persediaan kejiwaan ini ialah sebagai batu asas dalam pembinaan sahsiah Islamiyyah.

Pemuda Islam pula hendaklah memahami bahawa perhatian berat hendaklah diberi kepada Tazkiatan-Nafsi (membersihkan diri). Ianya hendaklah lebih dari segi lain. Kalaulah akal dan jasad memerlukan makanan seperlunya untuk menjalankan peranan secara sempurna, begitulah juga dengan jiwa dan hati, hendaklah diberikan makanan kerana dengan jiwa ia beriman dan dengan hati ia menjadi rabbani.

Oleh itu bagi pemuda Islam, sejauh manapun pengetahuan yang ada padanya tidaklah terjamin selagi pembentukannya tidak rabbani, kerana tanpa rabbani, ilmu pengetahuan tidak akan dapat diasas kan ke atas taqwa dan keredhaan Allah swt.

Dari sini dapatlah kita fahamkan beberapa kali tentang nilai hati yang disebutkan oleh Al-Quran dan sunnah apabila berbicara tentang manusia. Allah swt berfirman:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَذِكْرَىٰ لِمَن كَانَ لَهُۥ قَلْبٌ أَوْ أَلْقَى ٱلسَّمْعَ وَهُوَ شَهِيدٌ ﴿٣٧﴾

50:37 "Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat peringatan bagi orang-orang yang mempunyai hati atau akal atau yang menggunakan pendengarannya".

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

26.88-89 "Pada hari yang tidak lagi bermanfaat harta dan anak kecuali mereka yang datang menghadap tuhan dengan hati yang sejahtera".

لَّا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ يُوَآدُّونَ مَنْ حَآدَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَوْ كَانُوٓا۟ ءَابَآءَهُمْ أَوْ أَبْنَآءَهُمْ أَوْ إِخْوَٰنَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ كَتَبَ فِى قُلُوبِهِمُ ٱلْإِيمَٰنَ وَأَيَّدَهُم بِرُوحٍ مِّنْهُ

58.22 "Tidak kamu dapat suatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat saling berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan Rasul Nya, walaupun mereka itu bapa-bapa mereka, anak-anak mereka atau saudara-saudara mereka atau kaum kerabat mereka. Mereka itu orang-orang yang Allah telah menanamkan keimanan di hati mereka keimanan dan disokong pula dengan ruh dariNya".

Dalam sunnah, sabda Rasulullah saw:

(الانسان عيناه هاد، واذناه قمع، ولسانه ترجمان، ويداه جناحان، ورجلاه بريد، والقلب منه ملك، فاذا طاب الملك طابت جنوده).

Manusia itu kedua matanya ialah penunjuk, kedua telinganya menahan (daripada maksiat), lidahnya jurucakap, kedua tangannya sayap, dua kakinya tunggangan. Hatinya raja, apabila raja baik, baiklah tenteranya.'

Tanda-Tanda Hati Yang Hidup.

Pemuda Islam hendaklah mengambil berat tentang hati, mengawalnya dan meninjau keadaannya untuk mengetahui sejauh manakah kasar atau halusnya, lembut atau kerasnya.

Suatu petanda yang menunjukan hati yang sihat ialah hati yang cenderung kepada dorongan baik dan ingatan ke arah hidayah, sesuai dengan firman Allah swt:

ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

8.2 "Orang-orang yang apabila disebutkan nama Allah, gementarlah hati mereka, dan apabila dibacakan ayat-ayatnya bertambahlah keimanan mereka dan kepada Tuhanlah mereka bertawakkal".

وَبَشِّرِ ٱلْمُخْبِتِينَ ﴿٣٤﴾ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَٱلصَّٰبِرِينَ عَلَىٰ مَآ أَصَابَهُمْ وَٱلْمُقِيمِى ٱلصَّلَوٰةِ وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣٥﴾

22.34-35 "Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang tunduk patuh (kepada Allah), iaitu orang-orang yang apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka, orang-orang yang sabar terhadap apa yang menimpa mereka, orang-orang yang mendirikan sembahyang dan orang-orang yang menafkahkan sebahagian dari apa yang telah Kami rezekikan kepada mereka."

Tanda lain yamg menunjukan hati yang sihat ialah tegas di dalam perkara berhubung dengan agama dan berani pada jalan kebenaran. Benarlah sabda Rasulullah saw:

(ان لله تعالى في ارضه انية، وهي القلوب.. فأحبها اليه تعالى: ارقها وأصفاها وأصلبها. ثم فسرها: اصلبها في الدين، وأصفاها في اليقين، وارقها على الاخوان).

‘Bagi Allah, di buminya ada bekas iaitu hati. Maka yang paling dikasihi Allah ialah orang yang hatinya lembut dan bersih, iaitu hati yang keras dalam agama, bersih dalam keyakinan dan lembut terhadap saudara-saudaranya.’

Antara hati yang hidup, takutkan Allah dan apa sahaja yang dimurkainya, iaitu dengan menjauhkan diri dari segala larangan dan maksiat. Ini sesuai dengan firman Allah swt:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْاْ إِذَا مَسَّهُمْ طَٰٓئِفٌ مِّنَ ٱلشَّيْطَٰنِ تَذَكَّرُواْ فَإِذَا هُم مُّبْصِرُونَ ﴿٢٠١﴾

7.201 “Bahawasanya orang-orang yang bertaqwa apabila mereka ditimpa was-was dari syaitan, mereka ingat kepada Allah, maka ketika itu juga ia melihat kesalahan-kesalahannya."

Tanda lain yang menunjukkan sihatnya hati ialah tidak ada perasaan hasad dengki dan menipu.

Di dalam sebuah hadis telah ditanyakan kepada Rasulullah saw:

(يا رسول الله من خير الناس؟ فقال: كل مؤمن
مخموم القلب. قيل وما مخموم القلب؟ فقال: هو
التقي الذي لا غش فيه ولا بغي ولا غدر ولا غل
ولا حسد).

'Hai Rasulullah, siapakah manusia yang baik?Jawabnya: Setiap manusia yang hatinya 'makhmum'. Ditanyakan apa ertinya ‘makhmum. Sabda Rasulullah: iaitu orang yang bertaqwa yang tidak ada padanya penipuan, kezaliman, mungkir dan hasad dengki.

Begitulah tanda-tanda hati yang sihat, penyerahan diri kepada Allah dalam semua keadaan. Firman Allah swt:

أَفَمَن شَرَحَ ٱللَّهُ صَدْرَهُۥ لِلْإِسْلَٰمِ فَهُوَ عَلَىٰ نُورٍ مِّن رَّبِّهِۦ

39:22. Maka apakah orang-orang yang dibukakan Allah hatinya untuk (menerima) agama Islam lalu ia mendapat cahaya dari Tuhannya

Telah bersabda Rasulullah saw dalam menafsirkan ayat ini:

(هو التوسعة، ان النور اذا قذف في القلب
اتسع الصدر وانشرح).

'Iaitulah cahaya yang dicampakkan di hatinya menjadikannya berlapang dada.'

Mengambil berat tentang hati.

Oleh itu pemuda Islam mestilah mengambil berat tentang hatinya. Memberikan bekalan supaya ianya menjadi hati yang rabbani, yakin dan tenang.

Rasulullah saw telah menunjukan bagaimana cara mengambil berat tentang hati bagi menunaikan tanggungjawab risalah yang dipikulnya mengikut kadar cabaran yang dihadapi untuk membolehkan mereka melaksanakan peranan terpenting dalam melakukan perubahan itu.

Pertama: Zikrullah.

Zikir atau mengingati Allah adalah menghidupkan hati. Ia membuang karat-karat dan melembutkan hati. Sesuai dengan hadis Rasulullah saw:

(ان لكل شيء صقالة وصقالة القلوب ذكر الله).

‘Setiap sesuatu itu ada penggilapnya, dan penggilap hati itu ialah zikrullah. Tidak sesuatu yang lain dapat melepaskan seseorang dari azab neraka Allah lebih dari zikrullah.' Al-Baihaqi.

Rasulullah saw telah meninggalkan kepada kita suatu manhaj atau cara berzikir kepada Allah yang meliputi semua kehidupan kita yang jika diamalkan oleh pemuda Islam ia akan menjadi sebagai hirupan udara atau memakan makanan. Benarlah Firman Allah swt

إِنَّ فِي خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ لَءَايَٰتٍ لِّأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩٠﴾ ٱلَّذِينَ يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَٰذَا بَٰطِلًا سُبْحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٩١﴾ رَبَّنَآ إِنَّكَ مَن تُدْخِلِ ٱلنَّارَ فَقَدْ أَخْزَيْتَهُۥ ۖ وَمَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ﴿١٩٢﴾

3.190-192 "Sesungguhnya di dalam penciptaan langit dan bumi pertukaran malam dan siang adalah menjadi tanda bagi mereka yang berfikir. Iaitu mereka yang selalu berzikir mengingati Allah baik waktu bangun atau duduk atau waktu tidur. Mereka itu berfikir tentang penciptaan langit dan bumi lalu berkata, 'Tuhan kami, tidaklah engkau ciptakan ini dengan sia-sia; Maha Suci Engkau maka lepaskanlah kami dari azab neraka; Tuhan kami, sesungguhnya mereka yang Engkau masukkan ke neraka ialah mereka yang telah engkau hinakan dan tiada bagi orang-orang yang zalim itu penolong."

Kedua: Bergantung Dengan Kitab Allah.

Hubungan baik pemuda Muslim dengan kitab Allah iaitu pergantungan dan pembacaan mereka terhadap kitab Allah itu sambil mentadabburkan ayat-ayat dan maknanya adalah jalan yang paling dekat kepada Allah. Ia juga merupakan dorongan paling kuat ke arah hubungan baik dengan Allah.

Di dalam satu wasiat Rasulullah saw kepada Abu Dzar al-Ghafari:

fari: (عليك بتلاوة القرآن، فانه نور لك في الارض، وذخر لك في السماء).

‘Hendaklah engkau membaca Al-Quran, sesungguhnya ia adalah cahaya bagi kamu di bumi, dan Perbendaharaan bagi kamu di langit.’

Dalam hadis Rasulullah saw daripada Abdullah bin Mas’ud:

(ان هذا القرآن مأدبة الله، فاقبلوا مادبته ما استطعتم، ان هذا القرآن حبل الله والنور المبين والشفاء النافع، عصمة لمن تمسك به، ونجاة لمن اتبعه، لا يزيغ فيستعتب، ولا يعوج فيقوّم، ولا تنقضي عجائبه، ولا نيحلق من كثرة الرد. اتلوه فان الله يأجركم على تلاوته كل حرف عشر حسنات، أما اني لا اقول لكم الم حرف، ولكن الف ولام وميم).

Al-Quran ini ialah hidangan Allah. Maka hendaklah kamu menghadapi hidangan itu sekadar yang kamu mampu. Al-Quran ini tali Allah, cahaya yang terang dan penawar yang berfaedah. Menjadi pengawal kepada mereka yang berpegang dengannya, melepaskan mereka yang

mengikutinya. Ia membetulkan sebarang penyelewengan. Ia membetulkan sebarang perkara yang tidak betul. Keajaibannya tidak putus-putus. Bacalah Al-Quran kerana akan diberi ganjaran atas bacaannya, setiap huruf sepuluh kebaikan. Tidaklah ALIF LAM MIM itu satu huruf.'

Ketiga: Muraqabah Allah.

Muraqabah (kawalan) Allah boleh memelihara pemuda Islam dari tergelincir malah memelihara mereka dari fitnah dan sentiasa hati mereka mendapat pertunjuk Allah dan bukannya dipandu oleh hawa nafsu. Oleh itu pemuda Islam hendaklah mengetahui tiga perkara:

* Perkara yang jelas kebaikannya hendaklah diikuti.erkara yang terang keburukannya
  hendaklah dijauhi.

* Perkara yang syubahat hendaklah ditanyakannya.

Muraqabah Allah Taala bertambah kukuh dan mendalam dalam jiwa pemuda Islam bersama tingkatnya rasa dekat (Qurb) dengan Allah. Firman Allah swt::

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِۦ نَفْسُهُۥ ۖ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ ٱلْوَرِيدِ ﴿١٦﴾

16. Dan Sesungguhnya kami Telah menciptakan manusia dan mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, dan kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya,

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۖ مَا يَكُونُ مِن نَّجْوَىٰ ثَلَٰثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةٍ إِلَّا هُوَ سَادِسُهُمْ وَلَآ أَدْنَىٰ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْثَرَ إِلَّا هُوَ مَعَهُمْ أَيْنَ مَا كَانُوا۟ ۖ ثُمَّ يُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُوا۟ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٧﴾

"Tidak ada satupun dari bisikan tiga orang, melainkan Ia yang ke empatnya, dan tidak lima orang melainkan Ia yang ke enamnya, dan tidak kurang dari itu dan tidak lebih, melainkan Ia bersama mereka di mana sahaja mereka berada, kemudian Dia akan beritahu kepada mereka pada hari kiamat apa-apa yang telah mereka kerjakan. Sesungguhnya Allah mengetahui tiap-tiap sesuatu." S 58.7

أَمْ يَحْسَبُونَ أَنَّا لَا نَسْمَعُ سِرَّهُمْ وَنَجْوَىٰهُم ۚ بَلَىٰ وَرُسُلُنَا لَدَيْهِمْ يَكْتُبُونَ ﴿٨٠﴾

80. Apakah mereka mengira, bahwa kami tidak mendengar rahasia dan bisikan-bisikan mereka? Sebenarnya (Kami mendengar), dan utusan-utusan (Malaikat-malaikat) kami selalu mencatat di sisi mereka.

Keempat: Mujahadah An-Nafs.

Dalam skop persediaan kejiwaan, pemuda Islam akan mendapati pergolakan dalam dirinya; nafs-ammarah-bi-su (nafsu jahat). Kalau tidak dikekang dengan taqwa sebagaimana perintah Allah dalam kitabnya:

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِۦ وَنَهَى ٱلنَّفْسَ عَنِ ٱلْهَوَىٰ ﴿٤٠﴾ فَإِنَّ ٱلْجَنَّةَ هِىَ ٱلْمَأْوَىٰ ﴿٤١﴾

Dan adapun orang-orang yang takut kepada kebesaran Allah dan menahan diri mereka dari keinginan hawa nafsunya. Maka sesungguhnya syurgalah tempat tinggalnya".S 79.40-41

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّىٰهَا ﴿٧﴾ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَىٰهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ﴿١٠﴾

"Dan jiwa serta penyempurnaannya, maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu jalan kefasikan

dan ketakwaan, sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya." S 91.7-10

Oleh itu pemuda Islam mestilah sentiasa berjihad dengan diri mereka menghalang daripada makan, minum, berpakaian, kata-kata, pandangan, pendengaran dan syahwat yang berlebihan.

Memang benarlah sabda Rasulullah saw:

(المجاهد من جاهد نفسه في طاعة الله عز وجل)

'Mujahid ialah mereka yang bersungguh-sungguh berjihad pada mentaati Allah'

Ringkasnya, bahawa pemuda Islam diajak ke arah melakukan TAGHYIR ISLAMI (Perubahan secara Islam) dalam dirinya sebelum ia diajak ke arah mengubah masyarakatnya. Benarlah pula kata-kata Ali Bin Abi Talib bila ia mengatakan:

(من نصب نفسه للناس اماماً فليبدأ بتعليم
نفسه فبل تعليم غيره، وليكن تهذيبه بسيرته قبل
تهذيبه بلسانه، ومعلم نفه ومهذبها احق بالا
جلال من معلم الناس ومهذبهم).

'Sesiapa yang dilantik menjadi pemimpin manusia, hendaklah ia mula dengan mengajar dirinya sendiri sebelum mengajar orang lain. Hendaklah ia mengajar dengan cara perjalanan hidup sebelum mengajar dengan lidah. Orang yang dapat mengajar dan melatih diri sendiri itu lebih layak dihormati dari mereka yang mengajar orang ramai.

Mereka yang sebenarnya mencapai kemenangan hakiki dalam medan perjuangan TAGHYIR ialah mereka yang mendapat keuntungan diri mereka walaupun pada lahirnya mereka rugi di dunia. Orang yang mendapat kerugian hakiki ialah mereka yang kalah dalam diri mereka walaupun mereka lahirnya mendapat keuntungan dunia.

Persediaan haraki:

Apa yang kita maksudkan ialah penyediaan pemuda Islam dan latihannya dengan apa yang berhubung dengan sudut harakah secara Islam, serta apa-apa yang berhubung dengan persekitaran dakwah, penyusunan (tarkib) serta masalahnya. Iaitu dengan mengkaji secara lebih baik melalui jalan-jalan ilmiah moden yang boleh kita pegang.

Persediaan haraki ini lebih merupakan latihan (munawarah) yang dilakukan oleh tentera-tentera dalam ujian ketenteraannya sebelum memasuki medan pertempuran yang sebenar. Tentera tanpa latihan sedemikian sudah pasti akan menerima kekalahan.

Medan amal Islami, pada hakikatnya adalah medan peperangan dan jihad walaupun lain bentuk persenjataannya. Pemuda dalam medan dakwah adalah sebagai perajurit di medan perang. Semestinya mereka dilatih secara praktikal apa yang mereka pelajari sebelum turun ke medan cabaran yang lebih besar dan medan pertentangan hakiki.

Berapa ramai pakar profesional dibanyak bidang ilmu pengetahuan yang ilmu mereka terkurung dalam tempurung kepala mereka dan sedikit sangat manfaat yang boleh didapati. Itu adalah natijah dripada kurangnya dalam bentuk amali.

Antara perkara yang hendak dijelaskan dalam persediaan haraki ini ialah: Mengkaji realiti harakah Islam, mengkaji realiti harakah jahiliyah mengkaji persekitaran dan masyarakat, mengkaji pusat sosial, ekonomi, politik yang menjadi cita-cita massa, mengkaji ilmu sains percubaan dan akhirnya melatih perkara berikut:

- Melatih mereka mentaati dan beribadat kepada Allah: iaitu sembahyang berjemaah, puasa bersama,haji bersama, menghadiri majlis-majlis ilmu, zikir,

mengingati mati serta mengikuti sunnah dan memperkukuh hubungan dengan kitab Allah baik di segi bacaan, hafalan, tafsiran dan iltizam dengan sunnah Rasulullah dan sunnah khulafa' Rasyidun.

- Melatih mereka dengan uslub (gaya) dakwah seperti Uslub Taujih dan Irsyad (pengarahan dan pengajaran), uslub perbincangan secara objektif dan Uslub Targhib (penggalakan) dan Tarhib (amaran) juga uslub penceritaan.

- Melatih mereka dalam soal tanzim (organisasi), perencanaan, pentadbiran, kepimpinan dan segala
tanggungjawab (Masuliah).

- Melatih mereka menanggung kesusahan, menemui kepayahan dan menghadapi bahaya untuk memperkuatkan kecekalan mereka, kesabaran, dan mengentalkan kemahuan mereka sehingga tidak terjadi seperti kata maksud syair:

  Hembusan bayu melukakan pipi,

  Sentuhan sutera melukakan jari.

Akhir kata, peranan pemuda Islam hari ini ialah suatu peranan dan tanggungjawab yang berat, jalannya penuh dengan onak. Tanggungjawab mendirikan Islam dalam realiti kehidupan manusia hari ini memerlukan kepada generasi Al-Quran yang baru mengikut generasi Al-Quran pertama. Pada hari itu barulah orang-orang mukmin akan bergembira dengan pertolongan Allah

DI ANTARA SEMALAM DENGAN HARI INI

Sejak seribu tiga ratus tujuh puluh tahun yang lalu, Muhammad bin Abdullah Nabi yang ummi telah menyeru di atas kemuncak bukit Safa, Mekah:

"wahai sekalian manusia sesungguhnya saya adalah pesuruh Allah kepada kamu sekalian, yang memiliki seluruh langit dan bumi tidak ada Tuhan melainkan Dia, yang menghidupkan dan yang mematikan. Berimanlah kamu dengan Allah dan RasulNya, Nabi yang ummi yang telah beriman dengan Allah dan kalimahNya. Turunlah kamu sekalian kepadaNya moga-moga kamu mendapat pertunjuk".

Dakwah yang merangkum itu merupakan satu garis pemisah di seluruh alam di antara silam yang gelap gelita dengan akan datang yang bersinar cahaya dan kini bahagia abadi. Juga sebagai satu pengisytiharan yang terang dan nyata terhadap satu sistem yang baru yang disyarakkan Allah yang amat mengetahui dan amat bijaksana. Disampaikan oleh penyampainya Muhammad s.a.w. pengkhabar gembira dan pengingat manusia bersama kitabNya al-Quran yang terang bersinar, juga bala tenteranya yang dahulu yang terdiri daripada orang Muhajirin dan Ansar dan pengikut-pengikut jejak langkah mereka dengan penuh ihsan.

Dakwah bukan suatu ciptaan manusia, ia adalah ciptaan Allah yang tidak ada ciptaan yang lebih baik selain dariNya. Firman Allah:

"Sebelumnya kamu tidaklah mengetahui apakah al-Kitab (al-Quran) dan tidak pula mengetahui apakah iman itu tetapi Kami menjadikan al-Quran itu cahaya yang Kami beri petunjuk dengan dia. Siapa yang Kami kehendaki di antara hamba Kami. Dan sesungguhnya kamu benar-benar memberi petunjuk kepada jalan yang lurus (iaitu) jalan Allah yang kepunyaannya segala apa-apa yang ada di langit dan apa yang di bumi, ingatlah bahawa kepada Allahlah kembali semua urusan."

2. FAKTOR ASAS MEMBAIKI MASYARAKAT YANG DIDATANGKAN OLEH AL-QURAN:

A1-Quran penghimpun segala cara untuk membaiki masyarakat yang menyeluruh telah diturunkan ke atas Nabi s.a.w. dan dibacakan di kalangan orang-orang mukmin dari satu ketika ke satu ketika menurut keadaan, gejala dan munasabah. Firman Allah:

"Demikianlah supaya Kami perkuat hatimu dengannya dan Kami (menurunkannya) dan membacakannya kelompok demi kelompok. Tidaklah orang-orang kafir itu datang kepada mu (membawa) sesuatu yang ganjil melainkan Kami datangkan kepadamu suatu yang benar dan yang paling baik penjelasannya".

Sehinggalah sempurna wahyu itu diturunkan dan dihafal di setiap dada dan baris dalam masa dua puluh dua tahun lebih kurang. Allah telah kumpulkan di dalamnya untuk umat ini penjelasan tiap-tiap perkara

Dasar-dasar membaiki masyarakat yang sempurna yang didatangkan oleh al-Quran itu bertitik-tolak tentang:

(a) Ketuhanan (rabbaniah)

(b) Ketinggian jiwa manusia

(c) Ketetapan aqidah terhadap pembalasan

(d) Pengisytiharan persaudaraan di kalangan manusia

(e) Kebangkitan lelaki dan wanita seluruhnya serta pengisytiharan tanggungjawab dan persamaan di antara keduanya dan penentuan tugas masing-masing.

(f) Jaminan dari masyarakat dengan ketetapan hak-hak hidup, kerja, kesihatan, kebebasan, pelajaran, keselamatan individu dan penentuan sumber laba.

(g) Memelihara dua sifat semulajadi; memelihara jiwa dan mengatur kehendak mulut dan seks.

(h) Kesungguhan dalam memerangi jenayah-jenayah besar.

(i) Menguatkan kesatuan umat ini menghapuskan seluruh unsur-unsur dan sebab pecah belah umat.

(j) Mewajibkan umat supaya berjihad dalam menegakkan prinsip-prinsip kebenaran yang didatangkan oleh sistem ini.

(k) Meletakkan negara bertanggungjawab melindunginya dan melaksanakan objektfinya dalam masyarakat yang tertentu dan menyampaikannya kepada seluruh manusia.

3. CIRI-CIRI PRAKTIK BAGI SISTEM INI

Sistem al-Quran ini berbeza dengan segala sistem ciptaan manusia dan teori-teori falsafah mereka. Ia tidak meninggalkan segala prinsip dan ajarannya sebagai teori sahaja dalam jiwa juga tidak sebagai pendapat-pendapat dalam buku-buku dan tidak sebagai kata-kata di bibir mulut sahaja. Ia diletakkan untuk dipusatkan, diperkukuhkan dan dimanfaatkan segala kesan dan hasilnya sebagai interpritasi yang praktikal. Dimestikan umat yang beriman dengannya dan bersandar kepadanya supaya bersungguh-sungguh mengamalkannya dan menjadikannya suatu tanggungjawab ke atas mereka yang tidak boleh diterima untuk melemahkannya. Bahkan hendaklah digalakkan melaksanakannya dan didenda orang yang mencuaikannya dengan disingkirkan mereka daripada masyarakat Islam dan diletak di tempat yang terpencil. Di antara tanggungjawab yang penting yang dijadikan oleh sistem ini sebagai satu timbuk untuk memusatkan prinsip-prinsipnya:

(a) *Sembahyang, zikir, taubat, istighfar dan sebagainya.*

(b) *Puasa, menjaga diri, beringat dari boros.*

(c) *Zakat, sedekah dan berbelanja di jalan kebaikan.*

(d) *Haji, melancong, mengembara, menyelidik dan memerhati kerajaan Allah.*

(e) *Mencari keuntungan, bekerja dan menjauhi dari meminta.*

(f) *Jihad, berjuang, menyediakan pejuang dan menjaga keluarga mereka serta kepentingan mereka dikala mereka berjauhan.*

(g) *Amar ma'ruf dan memberi nasihat.*

(h) *Mencegah dari mungkar, pemulauan orang ramai terhadapnya dan orang-orang yang melakukannya.*

(i) *Menambah pelajaran dan pengetahuan setiap muslim dan muslimat dalam berbagai bidang hidup yang sesuai untuk mereka.*

(j) *Baik pergaulan dan berakhlak dengan akhlak yang baik.*

(k) *Sentiasa menjaga keselamatan tubuh dan memelihara pancaindera.*

(l) *Jaminan masyarakat di antara pemerintah dengan yang diperintah dengan menjaga dan melindungi.*

Setiap Muslim dituntut supaya mempraktikkan kewajipan ini dan bangun memperjuangkannya sebagaimana ia telah diterangkan oleh peraturan al-Quran. Setiap Muslim jangan sekali-kali mencuaikannya walau satu daripadanya. Kesemua kewajipan ini telah tersiar sebutannya dalam al-Quran al-Karim dan telah diterangkan dengan tcrperinci oleh segala perbuatan Nabi s.a.w. bersama para sahabatnya dan mereka-mereka yang mengikuti jejak langkah Nabi dan para sahabatnya dengan baik dalam keadaan mudah dan nyata dan juga tiap-tiap amal atau beberapa amal yang memperkuat prinsip atau beberapa prinsip daripada teori-teori yang lalu yang didatangkan oleh peraturan ini untuk dilaksanakan dan dimanfaatkan oleh manusia segala hasil dan kesannya.

4. NEGARA ISLAM YANG ULUNG

Di atas dasar sistem masyarakat al-Quran yang mulia ini sebuah negara Islam yang pertama sekali telah ditegakkan sebuah negara yang beriman kukuh dengan al-Quran yang melaksanakan segala ajarannya dengan pelaksanaan yang tersusun rapi dan disebarkan ke seluruh dunia. Sehingga khalifah yang pertama ada berkata,

"sekali pun seutas tali pengikat unta hilang dari jagaan saya, saya akan dapatinya dalam kitab Allah".

Dari pelaksanaan itu juga beliau telah memerangi orang-orang yang enggan mengeluarkan zakat dan menyifatkan mereka itu orang-orang yang murtad yang meruntuhkan salah satu rukun sistem ini. Beliau mengatakan,

"demi Allah kalau mereka itu enggan menunaikan kepada saya seutas tali pengikat unta seperti mana mereka telah menunaikannya kepada Rasulullah s.a.w. pasti saya akan perang mereka apabila pedang berada di tangan saya".

Sesungguhnya kesatuan yang penuh erti dan rupa terangkum dalam ummah yang muda ini.

Ertikata kesatuan masyarakat adalah merangkum seluruh sistem al-Quran dan bahasanya. Sementara kesatuan dan politik terangkum di bawah naungan amirul mukminin dan di bawah lambaian bendera khalafah di ibu negara. Idea Islam tidak berlegar dalam tentera sahaja atau di baitul-Mal atau pada tindak laku pemerintah sebab mereka semua bekerja dalam satu aqidah dan dengan arahan yang satu dan menyeluruh.

Prinsip al-Quran ini telah menghambat keluar fahaman-fahaman keberhalaan yang khurafat dan menghapuskannya sama sekali di seluruh semenanjung tanah Arab dan Farsi juga telah menghambat keluar fahaman Yahudi penipu dan menghapuskan terus kekuasaan agama dan politik mereka.

Prinsip ini juga telah berjuang menentang fahaman Kristian sehingga hapus dari benua Asia dan Afrika dan terpaksa berlindung di bawah naungan

kerajaan Rom timur di Konstantinopal dengan ini ia telah memusatkan seluruh kuasa spiritual dan politiknya terhadap kerajaan Islam di dua buah benua yang besar itu. Prinsip ini juga telah berusaha memerangi benua ketiga (benua Eropah) iaitu menyerang Konstantinopal dari Timur dan menyerangnya (benua Eropah) dari barat dengan melanda Andalus. Bala tenteranya telah berjaya sampai ke tengah Perancis serta utara dan selatan Itali. Ia juga telah mendirikan sebuah kerajaan yang agung di Eropah Barat yang disinari dengan ilmu dan peradaban. Dengan ini barulah Konstantinopal sempurna dibuka dan Kristian telah diletakkan di sudut yang kecil di tengah Eropah.

Kapal laut tentera Islam belayar hebat di dua lautan iaitu Laut Mediterannean dan Laut Merah yang mana kedua lautan itu menjadi sebuah tasik Islam. Dengan ini tentera laut negara Islam memegang kunci laut di timur dan di barat, dengan ini juga seluruh kekuasaan di darat dan di laut berada di tangan Islam.

Implikasi dari ini umat Islam dapat menghubungi bangsa-bangsa lain dan berjaya memindahkan segala tamadun mereka itu dengan kekuatan iman dan keteguhan peraturannya. Seluruh tamadun itu telah diubahsuai dengan kehendak-kehendak Islam dengan indah dan hidup. Islam tidak menahan dan mengambil faedah tamadun itu selagi ianya tidak mengesani buruk kesatuan masyarakat Islam dan politiknya.

5. FAKTOR-FAKTOR MERUNGKAI KEADAAN KEHIDUPAN NEGARA DAN RAKYAT ISLAM

Di samping kekuasaan yang memuncak dan kuasa yang meluas ini, faktor-faktor merungkai mula meresap ke dalam kehidupan umat al-Quran ini dengan membesar, mengembang dan menguat sedikit demi sedikit sehingga telah merobik kehidupan ini dan akhirnya relah menghancurkan pusat kerajaan Islam di kurun yang ke 6 Hijrah iaitu di tangan Tatar dan pada kurun 14 hijrah kali kedua. Dan peristiwa ini telah meninggalkan kesan yang amat buruk iaitu umat Islam bertaburan dan negara Islam menjadi negara-negara kecil yang tersangat ingin untuk bersatu dan bangun.

Faktor-faktor penting yang menjadikan demikian:

(i) Krisis politik. fanatik kaum, berebut menjadi pemimpin dan berebut untuk menjadi terkenal. Pada hal Islam sangat-sangat memberi ingat dalam masalah ini dan sangat menyuruh supaya bersifat zuhud dalam masalah pemerintahan. Untuk menjadi perhatian dalam masalah ini iaitu faktor yang merosak dan menghancurkan rakyat dan negara. Allah berfirman;

Maksudnya,

"Dan taatlah kepada Allah dan RasulNya dan janganlah kamu berbantahan yang menyebabkan kamu gentar dan hilang kekuatan mu dan bersabarlah, sesugguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar". Di samping itu, Islam juga sangat berpesan supaya ikhlas kerana Allah semata dalam percakapan, perbuatan dan hindarkan dari suka kemasyhuran dan pujian.

(ii) Krisis agama dan mazhab, menyeleweng dan agama sebagai aqidah, melakukannya hanya dengan cakap sahaja dan dibungai dengan istilah-istilah yang kaku yang tidak mempunyai jiwa dan hidup, cuai dengan kitab Allah sunnah Rasulullah s.a.w., beku dan fanatik terhadap pendapat dan cakap, suka bertengkar, berbahas dan bero1ok-olok sedangkan kesemua perkara-perkara ini telah diingat dan ditegah oleb Islam sehingga Rasulullah s.a.w. ada bersabda:

Maksudnya:

"Tidak sesat sesuatu kaum itu selepas mereka mendapat hidayat kecuali mereka suka bertengkar"

(iii) Tenggelam dalam berbagai warna kemewahan dan kenikmatan, suka berhihuran dan syahwat yang mana perkara ini telab mengesani pemerintah- pemerintah umat Islam di kebanyakkan zaman sedangkan ia tidak mengesani orang lain dan mereka. Pada hal mereka telah membaca firman Allah;

Maksudnya:

"Dan jika kamu hendak membinasakan negeri maka Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah) tetapi mereka melakukan kedurhakaan dalam negeri itu maka sudah sepatutnya berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan Kami) kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya."

(iv) Peralihan kuasa dan pimpinan kepada bukan Arab; Farsi, Dailam (suku Kurdi), Mamalik, Turki dan lain-lain lagi daripada mereka yang tidak pernah merasa makanan Islam yang sebenarnya, yang mana hati-hati mereka tidak pernah disinari oleh nur al-Quran disebabkan mereka susah memahami makna-maknanya. Sedangkan mereka telah membaca firman Allah;

Maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ambil menjadi teman kepercayaan mu orang-orang yang di luar kalangan mu (kerana) mereka tidak henti-hentinya (menimbulkan) kemudharatan bagi mu. Mcreka menyukai apa yang menyusahkan kamu. Telah nyata kebencian dan mulut mereka, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka

adalah lebih besar lagi. Sungguh telah Kami terangkan kepada mu ayat-ayat (Kami) jika kaniu memahaminya".

(v) Mengabaikan ilmu-ilmu praktikal dan pengetahuan dunia, menghabiskan masa dan tenaga dengan teori-teori falsafah yang dalam dan ilmu-ilmu khayal yang tidak menghasilkan apa-apa. Pada hal Islam menggesa mereka supaya mengkaji dunia ini, menyelidik segala rahsia-rahsia kejadian dan meneroka di muka bumi dan ia juga menyuruh mereka berfikir tentang makhluk Allah sebagaimana firman Allah:

Maksudnya;
"Katakanlah, perhatikanlah apa yang ada di langit dan di bumi"

(vi) Terlalu ghairah dengan kuasa dan tertipu dengan kekuatan diri sendiri di samping itu mereka juga cuai untuk mengkaji perkembangan masyarakat lain sehingga mereka ketinggalan dalam persiapan dan persediaan yang mana akhirnya mereka telah dicakup sekaligus.

Scsungguhnya al-Quran telab memerintahkan mereka supaya sentiasa berwaspada dan mengingatkan jangan lalai. Ia menyifatkan orang-orang yang lalai dan cuai tak ubah seperti binatang bahkan lebih sesat dari itu. Firman Allah:

Maksudnya;
"Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk (isi neraka jahannam) kebanyakkan dari jin dan manusia. Mereka mempunyai hati tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah) dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar {ayat-ayat Allah) mereka itu sebagai binatang ternak bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang lalai"

(vii) Terpedaya dengan tipu muslihat dari orang-orang yang hanya manis di bibir iaitu dari kalangan musuh mereka. Panik dengan kerja dan kemewahan hidup musuh mereka di samping itu terburu-buru meniru mereka dalam perkara-perkara yang membahaya dan tidak bermanfaat.

Padahal al-Quran sangat-sangat menegah jangan meniru mereka. Ia terus terang memerintahkan supaya mengasingkan diri dari mereka dan memlihara unsur-unsur survival umat Islam. Ia telah mengingatkan keaifan meniru ini sebagaimana firman Allah:

Maksudnya;
"Hai orang-orang yang beriman jka kamu mengikuti sebahagian dari orang-orang yang diberi al-Kitab nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi kafir sesudah kamu beriman". Di ayat lain,

Maksudnya;
"Hai orang-orang yang beriman jika kamu mentaati orang-orang kafir itu nescaya mereka mengembalikan kamu ke belakang (kepada kekafiran) lalu jadilah kamu orang-orang yang rugi".

6. PERTENTANGAN POLITIK

A. Faktor ini mula merobek tubuh negara Islam dan umatnya.

Bangsa-bangsa (musuh Islam) yang sentiasa mengekori mereka mula menjangka bahawa peluang untuk membalas dendam dan menghapuskan negara Islam ini yang mana telah melanggar negara mereka dan telah merubah segala bentuk cara hidup mereka telah tiba. Dengan ini turunlah bangsa Tatar seperti air mencurah ke atas negara Islam. Mereka telah memutuskan segala untaian negara Islam sepotong-sepotong dan akhirnya sampailah mereka ke Baghdad ibu kota kerajaan Abbasiah dan telah memijak khalifah Mu'tasim sendiri dengan sepatu mereka.

Dengan ini berkecailah untaian negara Islam dan bertaburanlah ikatan khalifah buat pertama kalinya. Seluruh umat Islam berpecah menjadi negara-negara yang kecil yang mana di setiap kabilah mempunyai amirul mukminin dan foramnya yang tersendiri.

Umat Kristian mula sedar dan mengumpulkan sekutu-sekutu mereka. Akhirnya Timur yang Islam itu (Asia dan Afrika) telab ditendang oleh sembilan angkatan tentera Kristian yang mengandungi pahlawan-pahlawan, alat kelengkapan perang dan raja-raja mereka yang pilihan. Akhirnya angkatan tentera ini berjaya mendirikan negara Kristian di Baitul-Maqdis dan menggugat seluruh umat Islam sama ada di timur atau di barat dan menyerang Mesir sebagai salah sebuah negara Islam yang terkuat di masa itu.

B. Kembali segar.

Berikutan dari kemenangan bathil ke atas yang hak, Allah tidak mengizinkan lebih dari itu, iaitu Mesir berjaya mengumpulkan saki baki tentera Islam daripada kecaian negara-negara Islam dan mencampakkannya ke dalam kubu Kristian di bawah pimpinan Salahuddiii al-Aiyubi dan Baitul-Maqdis dapat di

kembalikan semula dan mereka, diperlihatkan juga kepada mereka betapa kekalahan mereka di Hattin.

Selepas ini sekali lagi tentera Islam ini berdiri gagah di hadapan Tatar di bawah pimpinan Sultan Zahir Bibras dan berjaya mengalahkan mereka dengan penuh kehinaan di Ain Jalut dan selepas ini sistem khalifah dihidupkan semula.

Allah menghendaki selepas peristiwa-peristiwa ini Islam kembali tegak sebagai sebuah negara dan pelindung yang mempunyai kekuatan dan paling ditakuti yang dapat menyatukan seluruh umat dan rakyatnya di bawah panji-panjinya. Dia tidak mahu menerima ketinggian himah kecuali setelah diperangi Kristian di hadapan rumahnya sendiri. Dengan ini Konstantinopal dibuka dan kuasanya menjangkau ke tengah benua Eropah sehingga sampai ke Vienna. Inilah dia negara Turki Othmaniah.

C. Penyegeraan kebangkitan Eropah

Negara Islam menjadi tenang dan tertidur di bawah kuasa kerajaan Othmaniah dan akhirnya lalai dari apa yang berlaku di sekelilingnya. Tetapi Eropah yang telah dapat menghubungi sinar Islam dari sebelah barat iaitu di Andalus dan sebelah Timur melalui angkatan perang salibnya, tidak pernah melepaskan peluang, tidak pernah cuai dari mengambil manfaat dari pelajaran-pelajaran yang lalu itu telah mula memperkuatkan diri dan berkumpul di bawah panji-panji Eropah di Portugal. Hasil dari itu mereka telah berjaya menahan kemaraan gelombang perang Islam di Barat dan menaburkan bibit-bibit perpecahan dan bercakaran sesama sendiri di kalangan umat Islam Andalus dan akhirnya mereka berjaya melontar umat Islam ke seberang laut atau ke seberang Afrika.

Sebagai ganti tempat mereka sebuah negara baru Sepanyol telah bangkit. Eropah terus bersatu, berfikir, belajar, mengelilingi negeri-negeri dan meneroka negeri-negeri yang mana penerokaan Amerika adalah daya usaha Portugis. Timbul di kalangan mereka suara-suara lantang untuk pembaharuan dan lahir ramai para pembaharu (reformer) masyarakat. Eropah juga telah mempelajari ilmu-ilmu dunia dan pengetahuan yang dapat menelurkan hasil. Dari revolusi-revolusi pembaharuan berkesudahan kepada pembentukan fahaman kebangsaan dan pengujudan negara yang kuat yang menjadikan matlamat mereka untuk menghancurkan negara Islam yang telah dicaingkan oleh Eropah itu termasuk Asia dan Afrika. Negara-negara baru in telah membentuk beberapa pakatan yang mana di suatu ketika ia meningkat ke taraf yang tinggi.

D. Serangan baru.

Di bawah dasar dedah, serang dan mengembara, tangan-tangan Eropah telah menjangkau sepanjang-panjangnya sehingga ke negara Islam yang jauh seperti India dan setengah negeri Islam yang berhampiran dengannya. Mereka berusaha sepenuh daya untuk mengkecaikan negara Islam yang luas dan kuat itu. Untuk tujuan itu mereka telah meletakkan berbagai rancangan kadang-kadang digambarkannya dengan “masalah Timur” dan dengan “pembahagian peninggalan harta orang sakit”.

Setiap negara itu mengambil yang terluah itu dan mencipta sebab-sebab yang lemah dan menyerang negara yang terdedah nyanyok itu. Maka bermulalah sedikit demi sedikit anggota-anggotanya berkurangan atau runtuh. Serangan ini berterusan memakan masa yang panjang.

Banyak negara- negara Islam terlucut dari kerajaan Othmaniah jatuh ke dalam kuasa Eropah seperti barat jauh dan utara Eropah. Juga turut sama negara-negara bukan Islam yang tertakhluk di bawah kuasa kerajaan Othmaniah seperti Yunan (Greek) dan negara-negara Bolkan. Pusingan penutup dalam krisis ini dengan munculnya perang dunia petama pada tahun 1914-1918 masihi yang membawa kekalahan kepada Turki dan sekutu-sekutunya.

Dengan ini ia telah memberi kesempatan yang seluas-luasnya untuk bangsa Eropah yang terkuat di masa itu (England dan Perancis) dan disertai Itali meletakkan tangannya ke atas pesaka yang paling banyak itu ialah umat Islam dan rakyar-rakyatnya.

Negara-negara tersebut telah meluaskan kuasanya dalam berbagai nama seperti penaklukan, penjajahan, pengawasan dan perwakilan. Mereka telah membahagi negara-negara Islam seperti berikut;

(i) Afrika utara (Maghribi, Algeria dan Tunis) jajahan Perancis. Di selang pula satu kawasan di bawah kuasa antara bangsa di Tanjah dan jajahan Sepanyol di kampung-kampung

(ii) Tarablos dan Barqah dijajah oleh Itali. Itali tidak mengingini sedikit pun kesan-kesan Islam wujud di situ. Ia telah memaksa penduduk di situ berkerakyatan Itali dan dinamakannya sebagai Itali selatan. Di situ juga dilontarkannya beribu-ribu orang tawanan yang kebuluran dan manusia-manusia jahat.

(iii) Mesir dan Sudan di bawah naungan Inggeris.

(iv) Palestin di bawah jajahan Inggeris yang telah menghalalkan dirinya untuk menjualkan Palestin kepada Yahudi bagi mendirikan negara kebangsaan mereka.

(v) Siria di bawah jajahan Perancis.

(vi) Iraq di bawah jajahan Inggeris.

(vii) Hijaz sebuah kerajaan yang sangat lemah sentiasa menunggu sedekah dan mengharap kepada janji-anji palsu dan perjanjian-perjanjian yang tidak laku.

(viii) Yaman sebuah kerajaan yang (tinggal hanya rangka-rangka rakyatnya yang papa yang terancam dengan peperangan di setiap tempat pada bila-bila masa sahaja.

(ix) Di bahagian lain dan seluruh semenanjung Arab yang tinggal hanya negeri-negeri yang kecil sahaja yang mana para amirnya hidup di bawah ketiak konsol-konsol Inggeris. Mereka berjuang dengan cebisan-cebisan makanan dari meja makan Inggeris. Sementara itu di dada mereka penuh menyala hasad dengki dan benci.

(x) Iran dan Afghanistan adalah kerajaan-kerajaan yang sentiasa bergolak yang cuba dibahagikan oleh golongan tamak dari segenap tempat.

(xi) India jajahan Inggeris.

(xii) Turkistan dan sekitarnya jajahan Rusia yang mana tentera. Rusia ditimpa kesangsaraan yang amat getir (untuk menawannya).

Selain dan ini terdapat beberapa golongan minoriti Islam yang bertaburan di banyak negara yang tidak memberikan sebarang hak untuk melindung dan menjaga mereka seperti orang-orang Islam Habsyah (Ethopia), Cina, Bolkan, Afrika tengah, timur dan barat. Dengan kedudukan ini Eropah telah berjaya dalam sengkita politik, berjaya merobik empayar Islam, berjaya menghapuskan negara Islam dan menyingkirkannya secara politik dari senarai negara-negara yang besar dan hidup.

E. Ke arah kekuatan baru.

Sekalipun kezaliman yang berterangan, perjanjian dan dokumen bohong yang menyenak dada dan memanas jiwa, seluruh umat ini tetap bangun menuntut kemerdekaannya, berjuang mengembalikan kebebasan dan

keangungannya, api revolusi tetap menyala maka dengan ini Turki, Mesir, Iraq, Syria telah bangun berontak. Sementara di Palestin berontakan seringkali berlaku begitu juga di Rif Maghribi. Kesedaran terus berkembang hasilnya umat Islam berjaya mencapai beberapa hak mereka maka merdekalah Turki dalam sempadannya yang baru, Mesir dan Iraq dikira sebagai dua buah negara yang merdeka, Hijaz dan Najd menjadi sebuah negara Saudi, Yaman, Iran dan Afghanistan berjaya mengekalkan kawasannya bebas, Syria hampir berjaya mendapatkan pengiktirafan kemerdekaannya(*).

Perjuangan Palestin telah menarik pandangan dunia ke arahnya. Orang Islam telah berjaya membuat langkah yang baik sekalipun sedikit dan lambat ke arah beberapa matlamat yang murni yang mereka ditumpukan untuk mengembalikan kebebasan dan keagungan dan membangun negara mereka.

Sesungguhnya jika langkah ini menghala ke arah pengertian kebangsaan yang khusus dan setiap umat menuntut kemerdekaannya sebagai satu umat yang bebas, cara pejuang kebangkitan ini sengaja melupakan idea kesatuan sesungguhnya masa depan langkah-langkah ini tidak syak lagi akan menjadi satu kelompok dan pengembalian semula empayar Islam sebagai sebuah negara yang bersatu merangkumi kecaian umat dunia Islam dan panji Islam akan naik membawa dakwahnya. Tidak ada satu umat dalam dunia ini pengumpulannya seperti pengumpulan orang-orang Islam yang terdiri dan satu bahasa dan bersatu dalam kepentingan kebendaan dan rohani sengsara dan harapan yang serupa.

F. Perang baru.

Negara-negara Eropah telah keluar dari kancah perang dunia dan bibir dengki dan benci berakar umbi di dada kebanyakan mereka. Muktamar damai berserta perjanjian-perjanjiannya telah memberikan satu tamparan hebat dari kecaian harapan bagi kebanyakkan negara-negara ini. Keadaan ini telah membawa kepada lahirnya idea-idea baru dan prinsip-prinsip fanatik yang ekstrim. Ini sudah tentu akan berkesudahan di kalangan umat ini (Eropah) satu krisis baru dan perang yang akan menghancur lebur kesatuan mereka dan akan menyedarkan semula mereka dan membuang kezaliman yang mereka lakukan itu. Umat Islam sekali lagi dikurniakan peluang untuk menyatukan barisan mereka dari berkumpul, melengkapkan kebebasan dan kemerdekaan mereka dan mengembalikan negara dan kesatuan mereka di bawah panji-panji Amirul Mukminin. Firman Allah:

Maksudnya:
"Dan Kami hendaklah memberi kurnia kepada orang-orang yang tertindas di bumi (Mesir) itu dan hendak menjadikan mereka pemimpin dan menjadikan mereka orang-orang yang mewarisi (bumi)"

7. PERTENTANGAN MASYARAKAT

Tamadun baru. Seluruh umat Eropah berjaya berhubung dengan Islam dan umatnya di timur melalui perang-perang salib sementara di barat melalui penghampiran mereka dengan umat Islam di Andalus perhubungan itu tidak sahaja ingin mengambil faedah untuk merasakan kuat atau kesatuan politik tetapi inengambil faedah sampingan yang lain iaitu kesedaran mental dan fikiran yang besar dan mengambil ilmu pengetahuan yang tulen dari Islam dan hasilnya telah melahirkan kebangkitan ilmu pengetahuan yang meluas. Gereja telah bangun menyanggah fenomena ini dengan segala kekuatannya yang mana para sasterawan dan cendekiawan telah dilimpari dengan berbagai keazaban, pencabulan dan merangsangkan rakyat dan negara lain supaya sama-sama menentang mereka. Tetapi kesemuanya ini sia-sia belaka, kebangkitan ilmu akhirnya berjaya penuh kemenangan.

Dengan kebangkitan ini negara Eropah telah sedar dan sebaliknya telah menyerang gereja. Dengan kebangkitan ini juga masyarakat Eropah telah menghapuskan sama sekali kuasa gereja dan meletakkan ahli gereja di tempat ibadat dan bertapa sahaja. Ia juga telah memaksa Pope tinggal di Kota Vatican Masyarakat Eropah telah membatasi kerja ahli-ahli agama hanya berhubung dengan beberapa urusan kehidupan dalam lingkungan yang kecil, Mereka tidak boleh keluar dari lingkungan ini. Agama Kristian di Eropah hanya tinggal menjadi sebagai satu pesaka sejarah sahaja dan sebagai satu faktor mendidik rakyat biasa dan sebagai satu jalan untuk menguasai, menjajah dan menghancurkan pengacau-pengacau politik.

Ruang ilmu makin meluas di kalangan umat Eropah. Lapangan ciptaan, pendedahan mula mengembang, jentera-jentera mula menggandakan pengeluaran, kehidupan mula berwajah baru iaitu kehidupan industri. Serentak dengan ini negara mula menjadi kuat, kuasanya menjangkau ke negara-negara lain. Dunia telah berpaling menghadap umat Eropah dan mencurahkan segala hasil kepadanya. Segala harta benda datang melimpah dari segenap tempat. Dengan ini tidak dapat disangkal lagi bahawa kehidupan Eropah dan tamadunnya yang bertunjang kepada penyingkiran agama dan kenyataan hidup bermasyarakat lebih-lebih lagi dari negara, kehakiman dan sekolah. Pandangan ke arah kebendaan yang keterlaluan dan menjadikannya sebagai ukuran dalam setiap perkara. Berikutan ini bentuk tamadun ini adalah bentuk tamadun meterialis dan bercanggah dengan lunas-lunas yang ditetapkan oleh Islam yang

suci ini yang mana menjadikannya sebagai asas tamadunnya yang mempersatukan di antara rohaniah dan kebendaan seluruhnya.

Di antara petanda-pertanda penting yang sentiasa wujud dalam tamadun barat itu:-

1. Athis dan ragu kepada Allah tidak mempercayai ruh, melupakan balasan akhirat, berdiri dalam lingkungan alam kebendaan yang boleh dirasa. Firman Allah:

Maksudnya:
"Mereka hanya mengetahui yang lahir (sahaja) dari kehidupan dunia sedang mereka tentang (kehidupan) akhirat adalah lalai"

2. Pengharusan, berebut-rebut kelazatan, mempelbagaikan kenikmatan, merombak tabi'e alam dari undang-undangnya, memenuhi syahwat perut dan kemaluan, melengkapkan wanita dengan berbagai rupa yang menarik, mempesonakan tubuh dan akal menghapuskan sistem keluarga dan meruntuh kebahagiaan rumahtangga. Firman Allah:

Maksudnya:
"Dan orang-orang yang kafir itu bersenang-senang (di dunia) dan mereka makan seperti makannya binatang-binatang. Dan mereka adalah tempat tinggal mereka".

3. Mengagungkan individu. Oleh itu tiap manusia hanya mahu kepentingan diri sendiri sahaja. Mengagungkan kelas-kelas maka tiap-tiap kelas cuba meninggi dari yang lain dan masing-masing mengharap dapat harta yang melimpah tidak perlu kelas-kelas lain. Mengagungkan bangsa. Maka setiap umat fanatik terhadap bangsanya cuba merendahkan bangsa lain bahkan ia cuba menelan bangsa lain yang lebih lemah daripadanya.

4. Riba dan memperakui kebendaan dan menyifatkannya sebagai satu dasar dalam perlakuan dan diperindahkan bentuknya, jenisnya serta disebarkan di kalangan negara-negara dan individu. Manifestasi kebendaan tulen ini telah melahirkan dalam masyarakat Eropah kerosakan jiwa, kelunturan akhlak, lemah untuk memerangi segala jenayah, masalah-masalah menjadi kalut, timbul berbagai prinsip yang meruntuhkan, timbul pemberontakan yang menghancurkan sistem ekonomi, masyarakat dan politik tidak mantap, negara berpecah kepada puak-puak dan parti dan akhirnya orang ramai berbunuhan sesama sendiri kerana tamak dan dendam.

Ternyata tamadun moden ini lemah sama sekali untuk menjamin kedamaian masyarakat manusia, menetapkan ketenteraman dan keharmonian di dalamnya. Ia gagal memberikan kebahagiaan kepada manusia sekalipun pintu ilmu pengetahuan telah dibuka kepada mereka segala faktor-faktor kekayaan dan kemewahan. Pencapaian kuasa dan kekuatan untuk mereka hanya berlalu untuk satu kurun sahaja.

CENGKAMAN KEBENDAAN KE ATAS NEGERI ISLAM

Orang-orang Eropah berusaha giat untuk menenggelamkan seluruh negara Islam yang ditimpa malang terjatuh di bawah kuasanya dengan gelombang hidup kebendaan bersama unsur-unsurnya yang merosak dan kuman-kumannya membunuh itu. Di samping itu mereka sangat-sangat berjaga menahan segala faktor-faktor kebangkitan dan kekuatan umat yang terdiri dari ilmu pengetahuan, sains, perkilangan dan sisem yang berfaedah agar tidak terlepas ke dalam umat ini. Mereka telah memperkukuhkan rancangan "serangan masyarakat" ini dengan bantuan tipu helah politik mereka dan kuasa tentera sehingga tercapai apa yang mereka mahu.

Mereka telah mengumpan pembesar-pembesar umat Islam dengan memberi hutang, kerjasama dan segala kemudahan mereka. Dengan ini mereka telah berjaya mendapatkan hak campur tangan ekonomi dan menenggelamkan negeri umat Islam dengan segala modal mereka, bank-bank dan syarikat-syarikat mereka. Ini ditambah pula mereka sendiri yang menguruskan segala kerja ekonomi itu sebagaimana yang mereka mahu dan memonopoli segala keuntungan dan kekayaan yang melimpah ruah itu. Akhirnya mereka berjaya merubah corak pemerintahan, undang-undang dan pelajaran menurut corak politik, undang-undang dan kebudayaan tulen mereka di negara Islam yang terkuat itu.

Mereka juga telah mengimport ke rumah ini (negara Islam) wanita-wanita mereka yang berpakaian separuh bogel, segala jenis arak mereka, pentas mereka, kelab malam mereka, hiburan mereka, centa-cerita mereka, novel-novel mereka, khayalan-khayalan mereka, mainan mereka dan guruan mereka. Di samping ini mereka telah membenarkan di rumah ini (negara Islam) segala jenis jenayah yang tidak boleh di negara mereka. Mereka telah menghiaskan dunia ini dengan kebisingan suara-suara dosa dan memalitkan noda di mata hartawan-hartawan Islam, orang-orang yang berpengaruh, berkedudukan dan berkuasa dari kalangan umat Islam.

Tidak cukup hanya setakat ini sahaja, mereka telah mendirikan sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi dalam rumah Islam (negara Islam) dengan melontarkan rasa ragu dan atheis ke dalam jiwa anak Islam, mereka mengajar anak-anak Islam bagaimana rendah diri mereka, menghina agama mereka, tanahair mereka, meninggalkan segala adat dan kepercayaan mereka dan mengagungkan tiap-tiap apa yang datang dari barat. Mereka meyakinkan bahawa apa yang dihasilkan oleh orang-orang Eropah sahaja merupakan contoh yang unggul dalam hidup ini. Sekolah-sekolah ini mengandungi anak-anak Islam dan golongan atasan sahaja dan sengaja dikhaskan untuk mereka. Anak-anak Islam dan golongan ini terdiri dari anak-anak para pembesar, pemerintah

dan orang yang akan mengambil alih kuasa pemenintahan umat dan rakyat ini tidak berapa lama lagi. Sesiapa yang masih belum cukup matang lagi di institusi ini hantaran biasiswa sentiasa dijamin untuk mereka bagi menyempurnakan kematangan pelajaran itu.

Perang masyarakat yang teratur hebat itu sangat berjaya menarik hati setengah umat Islam. Dia merupakan suatu perang yang sangat merbahaya lebih bahaya dari perang politik dan tentera berpuluh kali ganda. Setengah dari kalangan umat Islam cukup terpesona dengan tamadun barat itu dan bercita-cita untuk mencelupkannya dengan celupan Islam. Sehingga Turki mengisytiharkan bahawa dia bukan negara Islam dan mengikut Eropah dengan segala paksaan dan kekerasan di setiap apa yang mereka buat.

Amanullah Khan raja Afghanistan cuba mengikut jejak langkah itu tetapi percubaan itu telah digulingkan. Di Mesir trend pak turut ini menular dengan cepat sehingga kalangan yang berpengaruh terus terang mengatakan, *"tidak ada jalan lain lagi untuk maju hanya dengan cara kira mengambil bulat-bulat tamadun ini termasuk segala buruk dan baiknya, segala pahit dan manisnya, segala apa yang disuka atau tidak disuka dan segala hina dan mulianya"*. Dari Mesir trend ini merebak dengan cepat ke serata negara Islam di sekitarnya hingga sampai ke barat jauh dan ke Hijaz.

Kesan tamaddun kcbendaan dan cengkamannya ini yang mengesani negara-negara Islam boleh kita bahagikan kepada tiga bahagian:

1. Negara yang dikesani begitu teruk sekali sehingga ke hati dan perasaan di samping merubah segala kedudukan dan rupa di antaranya; Turki Mesir. Pengaruh Islam telah merosot di negara-negara ini dari kalangan masyarakat. Islam telah dilontar ke dalam masjid, surau dan pondok-pondok mengaji Islam sahaja.

2. Negara yang terkesan dengan tamadun ini hanya pada beberapa keadaan dan di upacara-upacara rasmi sahaja seperi Iran dan negara-negara Islam utara Afrika.

3. Negara-negara yang tidak terkesan dengan tamadun ini kecuali di kalangan tertentu sahaja terdiri dari golongan intelek dan pemerintah sahaja tetapi tidak melibatkan orang awam seperti Siria, Iraq, Hijaz, bahagian-bahagian di semenanjung tanah Arab dan kerajaan-kerajaan Islam di sekitarnya.

Walaubagaimanapun gelombang bahaya ini bergerak begitu cepat sekali untuk sampai ke tempat yang belum sampai sebelumnya, ke dalam jiwa, lapisan dan kedudukan masyarakat sekitarnya. Musuh-musuh Islam berjaya menipu fikiran umat Islam dan berjaya meletakkan satu tabir yang menutup mata di setengah-setengah umat Islam yang bersemangat terhadap agamanya dengan memberikan gambaran Islam hanya setakat dalam bentuk aqidah, ibadat, akhlak di samping beberapa upacara-upacara tertentu, khurafat dan manifestasi yang tidak bernilai.

Turut membantu dalam penipuan mereka itu kebodohan umat Islam sendiri terhadap hakikat agamanya sehingga ramai di antara mereka yang bcrpuas hati dan rela dengan gambaran yang diberikan itu. Oleh kerana terlalu lama ditelan masa mereka berkeadaan demikian menjadi cukup susah hendak kita fahamkan kepada mereka bahawa Islam itu suatu sistem masyarakat yang sempurna yang mencakup segenap masalah hidup.

Dengan ini boleh kita katakan bahawa tamadun barat dengan prinsip kebendaannya telah menang dalam krisis masyarakat terhadap tamadun Islam hersama prinsip-prinsipnya yang luhur itu yang merangkumi roh dan benda di bumi Islam sendiri (dan dalam perang yang berselirak itu. Medannya jiwa umat Islam, nyawa mereka, aqidah mereka dan fikiran mereka. Sebagaimana mereka juga telah memenangi di medan politik dan tentera. Kcsemuanya ini tidak menjadi pelik, kenyataan hidup tidak berbelah bahagi dan kekuatan itu terletak kepada semua dan begitu juga kelemahan kepada semua. Firman Allah:

Maksudnya:
"Dan masa (kejadian dan kehancuran) itu Kami pergilirkan di antara manusia (agar mendapat pelajaran)"

Sekalipun prinsip-prinsip dan pengajaran Islam itu sendiri kuat, penuh kesuburan, hidup dan indah ia akan tetap abadi sedemikian kerana ia adalah benar. Hidup manusia tidak akan tegak dengan sempurna dan mulia tanpanya. Sebab dia adalah ciptaan Allah, sebagaimana firman Allah:

Maksudnya:
"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya."

Firman Allah lagi:

Maksudnya:
"Allah tidak menghendaki melainkan menyempurnakan cahaya sekalipun orang-orang kafir tidak menyukai"

B. Kesedaran

Hasil dari permusuhan politik telah menimbulkan kesan kesedaran perasaan kebangsaan. Keterlaluan kebendaan dalam masyarakat telah menimbulkan kesan menyebarkan idea Islam. Timbul suara di sana sini menuntut supaya kembali kepada Islam diajarkan segala hukumnya dan dilaksanakan sistemnya.

Kita hari ini yang akan meruntuhkan bangunan-bangunan tamadun kebendaan di atas kepala ahlinya sudah hampir tiba. Di kala itu mereka akan merasakan betapa roh mereka itu lapa menyala di hati dan di jiwa mereka. Di kala itu mereka tidak akan mendapat apa jua makanan, penyembuhan dan pengubatan melainkan dalam ajaran kitab yang mulia ini. Firman Allah:

Maksudnya:
"Hai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu pelajaran dari Tuhanmu dan penyembuh bagi penyakit-penyakit (yang berada) dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang beriman. Katakanlah dengan kurnia Allah dan rahmatNya hendaklah dengan itu mereka bergembira. Kurnia Allah rahmatNya itu adalah lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan"

8. DAKWAH KAMI DAKWAH KEBANGKITAN DAN MENYELAMAT

1. Peninggalan yang berat.

Beginilah wahai saudara-saudara, Allah menghendaki kita mewarisi peninggalan yang berat dengan mengikut sahaja dan Allah menghendaki sinar dakwah kamu menyinari di segenap sudut yang gelap dan Allah memberi pcluang kepada kamu meninggikan kalimahnya dan merealisasikan syariatnya dan mendirikan semula negaranya yang baru. Firman Allah:

Maksudnya:
"Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agamanya), sesungguhnya Allah benar-benar maha Kuat lagi maha Perkasa"

2. Matlamat am kami:

Apakah yang kita mahu wahai saudara-saudara adakah kita mahu mengumpulkan harta, sedangkan dia adalah bayangan yang akan lenyap atau adakah kita mahu kemasyhuran yang meluas, sedangkan dia adalah benda yang terbatas adakah kita mahu menjadi gagah di muka bumi ini, firman Allah:

Maksudnya:
“Sesungguhnya bumi (ini) kepunyaan Allah, dipesakakannya kepada siapa yang dikehendakinnya dari hamba-hambaNya...”

Dan kita membaca firman Allah tabaraka wata’ala”

Maksudnya:
“Negeri akhirat itu Kami jadikan untuk orang-orang yang tidak ingin menyombongkan diri dan berbuat kerosakan di (muka) bumi dan kesudahan (yang baik) itu adalah bagi orang-orang yang bertakwa”.

Allah menjadi saksi bahawa kita tidak mahu sesuatu daripada ini dan bukan tujuan inii kita berusaha dan bukan kepadanya kita menyeru tapi saudara sekalian ingatlah selalu bahawa saudara sekalian ada dua matlamat asasi:

1. Membebaskan tanahair Islam dari sebarang kuasa asing, ini adalah hak semula jadi setiap insan tidak boleh dinafikan kecuali orang zalim atau bersifat kuku besi.

2. Sebuah negara Islam yang bebas mengamalkan undang-undang Islam, melaksanakan sistem dalam masyarakat, mempernyatakan prinsip-prinsipnya lurus itu dan menyampaikan dakwahnya kepada manusia mesti ditegakkan. Selagi Ia tidak tertegak sesungguhnya seluruh umat Islam berdosa dan bertanggungjawab di hadapan Allah ‘azza wa jalla tentang kecuaian dan kelemahan mereka mewujudkannya.

Suatu pencabulan ke atas prinsip kemanusiaan dalam suasana yang panik ini jika tertegak sebuah negara yang bersorak dengan prinsip-prinsip zalim dan meneriakkan slogan-slogan zalim dan tidak terdapat di kalangan manusia ini orang yang berusaha menegakkan sebuah negara hak, adil dan sejahtera.

Kita mahu melaksanakan dua matlamat ini di lembah Nil, negen-negeri Arab dan di setiap bumi dibahagiakan oleh Allah dengan aqidah Islam iaitu Ad-Deen, nasionaliti dan aqidah yang menyatukan seluruh umat Islam.

3. Matlamat khas kita.

Kita mempunyai beberapa matlamat khas selepas dua matlamat tadi iaitu masyarakat tidak akan menjadi sempurna Islam kecuali setelah dilaksanakan matlamat ini. Igatlah wahai saudara. lebih daripada enam puluh peratus orang-orang Mesir hidup lebih rendah daripada hidup binatang, mereka mendapat makanan dengan bckcrja hempas pulas. Sesungguhnya Mesir diancam kebuluran yang membunuh dan terdedah kepada timbunan masalah ekonomi

yang tidak dapat diketahui bagaimana mengatasinya kecuali hanya Allah. Di Mesir terdapat lebih dari tiga ratus dua puluh syarikat asing yang memonopoli sektor awam di seluruh negara.

Jentera-jentera perniagaan, perkilangan dan sektor-sektor ekonomi semuanya di tangan asing yang mengenakan riba. Segala kekayaan harta benda secepat kilat berpindah ke tangan mereka dan tangan peribumi. Mesir merupakan negara yang paling teruk menderita berbagai penyakit dan kecacatan dan lebih dari 90% rakyat Mesir diancam oleh kelemahan bentuk tubuh badan dan cacat pancaindera. Mesir masih lagi sampai sekarang mengalami buta huruf. Bilangan yang terpelajar tidak satu perlima ini termasuk lebih dari seratus ribu orang yang berpelajaran tidak lebih dari sekolah yang diwajibkan.

4. Jenayah berganda

Sehingga jel mengeluarkan lebih ramai dari sekolah. Di samping itu Mesir tidak mampu hingga sekarang ini untuk menyediakan satu pasukan tentera yang lengkap dan sempurna hal seumpana ini juga berlaku di seluruh, memerangi ke-hal seumpama ini juga berlaku di seluruh dunia Islam. Menjadi matlamat kamu sekalian berusaha memperbaiki pelajaran, memerangi kemiskinan, kebodohan, penyakit, jenayah dan membentuk masyarakat yang ideal yang berhak diserapkan ke dalani syariat Islam.

5. Cara am kita

Bagaimana kita boleh sampai ke matlamat-matlamat ini. Syarahan-syarahan, ceramah-ceramah, berutus surat, kursus, mengkaji sebab-sebab kelemahan kesemuanya ini tidak mencukupi dan tidak banyak memberi faedah dan tidak dapat melaksanakan matlamat dan tidak dapat menyampaikan mereka yang diseru itu ke matlamat tadi. Walaubagaimanapun untuk berdakwah ada beberapa cara yang perlu diambil dan dilaksanakan. Cara-cara am untuk berdakwah tidak lebih dan tidak kurang dari tiga perkara:

1. Iman yang mendalam
2. Pembentukan yang rapi
3. Kerja terus menerus

Inilah cara am untuk kamu wahai saudara maka imankanlah dengan fikiran kamu, berkumpullah di sekitarnya, berusahalah dan teguhkanlah.

6. Cara-cara sampingan

Selain cara-cara am tadi terdapat cara sampingan yang perlu diambil dan diikuti, diantaranya ada yang positif, ada yang negatif, ada yang selaras dengan adat manusia. ada yang terkeluar, menyalahi dan bertentangan dengan adat manusia, ada yang lembut, ada yang keras. Jadi, perlulah kita melatih diri kita menanggung kesemua perkara tersebut dan bersedia untuknya hingga terjamin kejayaan.

Kadang kala kita diminta supaya menyalahi adat dan kebiasaan. Kita diminta supaya keluar dan sistem dan kedudukan yang telah dibiasakan oleh orang ramai. Maka hendaklah kamu mengenalinya. Sebenarnya tidak dikatakan dakwah melainkan keluar dari kebiasaan manusia dan merobah segala adat dan kedudukan. Apakah kamu sekalian bersedia untuk itu wahai saudara.

7. Kebimbangan

Ramai orang akan berkata risalah-risalah ini apa gunanya. apakah berfaedah dalam membangun umat dan menyusun masyarakat bersama dengan masalah yang berlarutan ini dan keadaan ini sudah menjadi biasa dengan segala kebejatan ini, bagaimana kamu hendak memperbaiki ekonomi tanpa riba, bagaimana kamu hendak lakukan dengan masalah wania, bagaimana kamu hendak mengambil hak kamu tanpa kekuatan?

Ketahuilah wahai saudara segala was-was syaitan yang dicampak ke dalam cita-cita setiap muslim itu (reformer) akan dihilangkan oleh Allah dan Dia amat mengetahui dan bijaksana. Ingatlah wahai saudara, sejarah ada menceriakan kepada kita tentang kisah umat-umat yang telah lalu dan sekarang mengandungi berbagai pengajaran dan penyedaran. Umat yang berjuang untuk hidup tidak boleh mati.

8. Halangan-halangan di jalan kita

Saya suka berterus terang kepada kamu sekalian, sesungguhnya dakwah kamu itu masih tidak dikenali oleh ramai, pada hari mereka mengenalinya dan mengetahui matlamat dan objektifnya ia akan menerima tentangan dan permusuhan yang hebat. Kamu akan dapati di hadapan kamu berbagai kesusahan dan halangan yang akan menghalang kamu. Pada masa itu kamu barulah mula mengikut jalan ahli-ahli dakwah. Adapun sekarang mereka masih tidak mengetahui lagi, kamu masih di peringkat awal dakwah dan kamu tentu bersedia apa jua yang dikehendaki oleh perjuangan dan jihad.

Kejahilan rakyat tentang hakikat Islam akan menjadi penghalang jalan kamu. Kamu akan dapati ahli-ahli agama dan ulama-ulama yang rasmi menjadi orang yang hairan dengan fahaman Islam kamu dan tidak mengakui jihad kamu. Pada pemimpin, ketua, orang-orang kenamaan dan orang-orang yang menpunyai kuasa akan membenci kamu. Semua pemerintah akan bekerjasama menjadi penghalang di hadapan muka kamu dan setiap pemerintah itu akan cuba menyekat aktiviti-aktiviti kamu dan meletak halangan di tengah jalan kamu.

Lanun-lanun juga akan berganding bahu di setiap jalan untuk menyerang kamu dan memadam sinar dakwah kamu. Mereka akan meminta bantuan pemerintah-pemerintah yang lemah dan orang-orang yang akhlaknya dhaif dan tangan-tangan yang sengaja meminta kepada mereka untuk tujuan yang sama. Kamu dimusuhi dan dibenci semuanya akan menimbulkan keraguan dan tuduhan yang zalim tcrhadap dakwah kamu, mereka akan berusaha menimpilkan segala kekurangan terhadap dakwah kamu dan melahirkankepada manusia dalam gambaran yang paling hodoh bergantung kepada kekuatan dan kekuasaan yang adsa pada mereka. Mereka akan menindas dengan harta dan kuasa mereka. Firman Allah:

Maksudnya:
"Mereka itu mahu memadamkan agama Allah dengan mulut mereka dan Allah menyempurnakan agamaNya sekalipun dibenci orang-orang kafir".

Dengan ini kamu akan memasuki tingkat percubaan dan ujian akan datang iaitu kamu akan dipenjara, ditangkap, dipindahkan, dipencilkan, dan dirampas segala harta benda kamu, disekat kerja-kerja kamu dan rumah kamu digeledah, boleh jadi masa ujian kamu ini panjang. Firman Allah:

Maksudnya:
"Apakah manusia itu mengira mereka ditinggalkan begitu sahaja untuk berkata kami telah beriman sedangkan mereka tidak diuji."

Tetapi Allah telah berjanji kepada kamu selepas kesemuanya ini iaitu kemenangan orang-orang mujahidin dan pahala orang yang berusaha baik. Firman Allah:

Maksudnya:
"Hai orang-orang yang beriman, sukalah kamu aku tunjukkan suatu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari azab yang pedih"

Maka apakah kamu tetap hendak menjadi penyokong-penyokong Allah?

Faktor-faktor kejayaan

Suatu hak kita menyebut wahai saudara di hadapan segala rintangan ini bahawa kita berdakwah dengan dakwah Allah iaitu dakwah yang paling tinggi dari dakwah-dakwah yang lain. Kita menyeru dengan idea Islam suatu idea yang paling kuat dan kita kemukakan kepada manusia syariat Al-Quran iaitu syariat yang paling adil. Firman Allah:

Maksudnya:
"Celupan Allah dan siapakah yang lebih baik celupannya daripada Allah".

Seluruh alam memerlukan dakwah ini, setiap apa yang berada di dalamnya mendorongkannya dan memberikan jalannya. Kita sesungguhnya bersyukur kepada Allah bahawa kita terlepas dari ketamakan diri, jauh dari muslihat diri, kita tidak bermaksud selain dari Allah dan kebajikan manusia, kita tidak bekerja melainkan kerana mencari keredhaanNya, kita sesungguhnya sentiasa menunggu sokongan dan pertolongan dari Allah, sesiapa yang ditolong oleh Allah dia tidak akan kalah. Firman Allah:

Maksudnya:
"Yang demikian itu kerna sesungguhnya Allah adalah pelindung orang-orang yang beriman dan kerana sesungguhnya orang-orang kafir itu tiada mempunyai pelindung".

Kekuatan dakwah kita, keperluan dunia kepadanya, kemurnian tujuan kita dan sokongan Allah kepada kita adalah faktor-faktor kejayaan kita yang tidak dapat digugat oleh sebarang golongan dan tidak dapat dihalang oleh sebarang halangan di jalannya. Firman Allah:

Maksudnya:
"Dan Allah berkuasa terhadap urusannya tetapi kebanyakkan manusia tiada mengetahuinya".

9. WASIAT

Wahai ikhwan muslimin dengarlah!

Apa yang saya mahu dengan kalimat-kalimat ini ialah untuk meletakan fikiran kamu di hadapan pandangan kamu sekalian, boleh jadi detik-detik yang mencemaskan akan menanti kita, yang akan menghalang di antara saya dengan kamu hingga ke suatu ketika, maka di ketika itu saya tidak akan dapat bercakap atau menulis kepada kamu, jadi saya berwasiat kepada kamu sekalian; telitilah segala kalimat ini, ingatilahnya sedaya kamu yang boleh dan bersatulah

padanya dn sesungguhnya di setiap kalimat ini mengandungi erti-erti yang sangat padat.

Wahai saudara; kamu sekalian bukan satu pertubuhan kebajikan, bukan parti politik juga bukan suatu lembaga yang dibentuk untuk tujuan-tujuan yang terbatas. Tetapi kamu adalah suatu jiwa (roh) baru yang mengalir di hati umat ini yang dihidupkan dengan al-Quran. Kamu adalah suatu cahaya baru yang bersinar, yang memusnahkan kegelapan kebendaan dengan mengenali Allah, Kamu adalab suatu suara yang bergema tinggi melaungkan dakwah Rasulullah s.a.w. Adalah suatu hak yang tidak ada tandingnya kamu merasakan bahawa kamu membawa tangungan ini setelah manusia membuang (tidak mahu membawanya).

Andainya kamu ditanya, kepada apa kamu berdakwah. Katakanlah, kami berdakwah kepada Islam yang dibawa oleh Muhammad s.a,w. dan kerajaan sebahagian daripadanya dan kemerdekaan salah satu dari kcfardhuannya. Andainya kamu ditanya ini adalah politik. Katakanlah, inilah dia Islam dan kami tidak tahu pembahagian seperti ini. Andainya kamu ditanya, ini adalah politik. Katakanlah, inilah dia Islam dan kami penyeru revolusi. Katakanlah, kami adalah penyeru kebenaran dan kedamaian yang kami imani dan berbangga dengannya. Jika kamu mengacau kami dan menghalang dakwah kami, Allah membenarkan kami niempertahankan diri kami dan kamu adalah pcngacau yang zalim. Andainya kamu ditanya, kamu minta bantuan dan orang-orang perseorang dan pertubuhan, katakanlah, kami hanya beriman kepada Allah sahaja dan kami kafirkan apa yang kamu persekutukan. Jika mereka berkeras mcneruskan permusuhan mereka katakanlah, kami tidak mahu orang-orang yang bodoh.

10. KEWAJIPAN

Wahai saudara;

Berimanlah kamu kepada Allah, perkukuhkanlah mengenal dan bergantung kepadaNya, janganlah kamu takut dan gerun selain dariNya, tunaikanlah segala kewajipanNya dan jauhilah laranganNya. Berakhlaklah kamu dengan akhlak yang mulia dan sempurna. Jadilah kamu orang-orang yang kuat dengan akhlak, mulia dengan apa yang dikurniakan oleh Allah kepada kamu iaitu kemuliaan orang mukmin dan orang-orang yang bertaqwa lagi salihin. Hadapilah Quran untuk mengkajinya dan terhadap sirah nabawiah kamu bermuzakarah. Kamu hendaklah menjadi orang yang praktikal bukan orang-orang yang berhujah sahaja, apabila Allah berikan sesuatu kaum itu hidayat

maka diberinya ilham untuk beramal. Sesuatu kaum itu tidak sesat selepas mereka mendapat pertunjuk kecuali orang-orang yang suka berhujjah.

Kasih mengasihilah di antara kamu dan jaga serapi-rapinya ikatan kamu sebab dia merupakan rahsia kekuatan kamu dan tunjang kejayaan kamu dan tetapkanlah diri kamu sehingga Allah buka di antara kamu kaum kebenaran. Dialah sebaik-baik pembuka.

Dengar dan patuhlah kepada pemimpin kamu di masa susah dan senang, ketika segar dan lesu Dialah simbol idea kamu dan bulatan penghubung di antara kamu. Tunggulah selepas itu kemenangan dan sokongan dari Allah peluang tetap kunjung janganlah ragu terhadapnya.